

**ANALISIS SIMPLIFIKASI NAHU ARAB
MENURUT SHAWQI: DAYF**

AZIYUN BINTI OTHMAN @ OMAR

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

**ANALISIS SIMPLIFIKASI NAHU ARAB
MENURUT SHAWQI: DAYF**

AZIYUN BINTI OTHMAN @ OMAR

**DISERTASI DISERAHKAN
UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA PENGAJIAN BAHASA MODEN**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **Aziyun binti Othman @ Omar**

(No.K.P/Pasport: **(780904-14-5844)**)

No. Pendaftaran/ Matrik: **TGA110010**

Nama Ijazah: **Sarjana Pengajian Bahasa Moden**

Tajuk Kertas Projek/ Laporan Penyelidikan/ Disertasi/ Tesis ("Hasil Kerja ini"):

Analisis Simplifikasi Nahu Arab Menurut Shawqi: Dayf

Bidang Penyelidikan : **Sintaksis**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa :

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja ini yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/ penulisnya telah dilakukan dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabunya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta dalam Hasil Kerja ini dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon:

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui dihadapan,

Tandatangan Saksi:

Tarikh:

Nama: **Dr. Mat Taib bin Pa**

Jawatan: **Penyelia**

ABSTRAK

Simplifikasi nahu Arab merupakan usaha sarjana bahasa Arab untuk memudahkan nahu bagi tujuan pengajaran. Pada zaman Arab klasik, ia hanyalah sekadar meringkaskan isi kandungan nahu sahaja sehingga reformasi Ibn Maða:’ yang menyeru kepada rombakan melibatkan teori dan asas nahu Arab. Reformasi Ibn Maða:’ ini banyak mempengaruhi sarjana bahasa Arab moden termasuklah Shawqi: Dayf. Justeru kajian ini adalah bertujuan untuk meneroka simplifikasi nahu Arab Shawqi: Dayf. dengan meneliti siri buku beliau dalam isu ini iaitu “*Tajdi:d al-Naḥw*” dan “*Taysi:r al-Naḥw al-Ta‘li:miyy*”. Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan kaedah analisis dokumen dengan reka bentuk analisis kandungan. Kajian dibentuk berdasarkan kerangka model kajian ‘Abdullah Ḥamid dengan sedikit pindaan terutama dalam pembentukan tema dan penilaian simplifikasi nahu. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa simplifikasi nahu Arab yang dilakukan oleh Shawqi: Dayf terbina atas enam asas iaitu 1)penyusunan semula bab-bab nahu, 2)pemansuhan *i'ra:b taqdi:riyy* dan *maḥalliyy*, 3)*i'ra:b* untuk sebutan yang betul, 4)memberi definisi baru bagi beberapa bab nahu, 5)menggugurkan perincian dan tambahan yang tidak penting, serta 6)menambah beberapa perkara yang penting bagi membantu pelajar memahami struktur nahu Arab secara keseluruhan. Buku “*Tajdi:d al-Naḥw*” merupakan model nahu simplifikasi yang terbentuk daripada enam asas simplifikasi nahu oleh Shawqi: Dayf. Manakala buku “*Taysi:r al-Naḥw al-Ta‘li:miyy*” yang ditulis selepas itu merupakan sokongan kepada buku yang pertama. Shawqi: Dayf menulis buku yang kedua ini supaya para pengkaji dapat memahami dengan lebih mendalam tentang simplifikasi nahu yang beliau lakukan. Simplifikasi nahu yang dilakukan oleh Shawqi: Dayf ini banyak dipengaruhi oleh teori nahu Ibn Maða:’. Keenam-enam asas simplifikasi nahu beliau dilihat mempunyai kesan daripada teori tersebut. Beliau juga mengambil pendapat sarjana nahu Arab tradisional lain seperti pendapat sarjana nahu aliran Kufah, Sibawayh, dan

Abu ‘Ali al-Fa:risiyy untuk melaksanakan simplifikasi nahu beliau. Berdasarkan penilaian antara asas simplifikasi nahu yang dinyatakan oleh Shawqi: Ḥayf dengan pelaksanaan dalam buku "*Tajdi:d al-Naḥw*", terdapat pencanggahan antara asas simplifikasi nahu beliau dengan pelaksanaan.

ABSTRACT

The simplification of Arabic grammar is the Arabic scholars' effort to simplify the grammar for pedagogic purposes. During the age of classical Arabic, the efforts only involved the simplification of the contents of grammar without any changes to—the foundations or principles until Ibn Mađa:’s Reformation who called for the restructuring of the foundations of Arabic grammar theories. Ibn Mađa:’s Reformation then influenced the modern Arabic scholars including Shawqi: Dayf. Thus, this study aims at exploring the simplification of Arabic grammar according to Shawqi: Dayf through his books, *Tajdi:d al-Naḥw* and *Taysi:r al-Naḥw al-Ta‘li:miyy*. This study is a qualitative study using content analysis methodology, with content analysis design. This study is designed based on ‘Abdullah Ḥam̄d’s model of study with some amendments especially in the formation of themes and the evaluation of the grammar simplification. General findings show that Shawqi Dayf's simplification of Arabic grammar is based on six principles: 1)the rearrangement of the grammar items, 2)the annulment of *i‘ra:b taqdi:riyy* and *maḥalliy*, 3)*i‘ra:b* for correct pronunciation, 4)the formation of new definitions for several grammar items, 5)the omission of unnecessary details, and 6)the addition of important items in order to help the students to understand Arabic grammar in general. The book “*Tajdi:d al-Naḥw*” is a model of simplified grammar based on Shawqi Dayf's six principles. Meanwhile, *Taysi:r al-Naḥw* is a book written to support the first book. Shawqi: Dayf wrote the second book in order for the other scholars and researchers to understand the grammar simplification better. In this grammar simplification, Shawqi: Dayf was influenced by Ibn Mada:’s theory of grammar. This can be seen from the six principles for Arabic grammar simplification that he produced. He also took into considerations the other traditional Arabic grammar scholars’ points of view such as Kufan grammarians, Sibawayh, and Abu ‘Ali al-Fa:risiyy in order to complete his model of the Arabic grammar simplification. Based

on the evaluation between the basic simplification of grammar stated by Shawqi: Dayf and the practicality in the book “*Tajdi:d al-Naḥw*”, there are contradictions between these two aspects.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah S.W.T Yang Maha Pemurah , lagi Maha Pengasih

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya penulis diberikan kekuatan dan rahmat serta kesihatan yang baik untuk meneruskan hidup dalam usaha untuk belajar dan menyiapkan disertasi serta menamatkan pengajian sarjana.

Penulis merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Profesor Dr. Zuraidah binti Mohd Don, Dekan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Dr Tam Shu Sim, Timbalan Dekan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Dr Jawahir binti Mior Jaafar, mantan Timbalan Dekan Fakulti Bahasa dan Linguistik yang telah memberi peluang kepada penulis mengikuti pengajian pada peringkat sarjana dan memberikan bimbingan sepanjang pengajian di sini. Begitu juga ucapan terima kasih ditujukan kepada para pensyarah dan kakitangan fakulti atas bantuan dan tunjuk ajar yang diberikan.

Penghargaan khas dan ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia yang dihormati, Dr Mat Taib bin Pa atas bimbingan, tunjuk ajar, dan penyeliaan yang teliti sepanjang pengajian saya di sini. Cabaran yang dihadapi sepanjang proses menyiapkan disertasi ini tidak mungkin dapat dilalui dengan baik tanpa panduan dan teguran daripada beliau. Segala ilmu yang dicurahkan tidak akan dilupakan selagi hayat dikandung badan.

Tidak lupa juga sekalung penghargaan buat petugas Perpustakaan Fakulti Bahasa dan Linguistik UM, Perpustakaan Utama UM, Perpustakaan Peringatan Zaaba, Perpustakaan Ibnu Sina UIAM, dan Perpustakaan Sultan Abdul Samad UPM yang membantu dan memudahkan pencarian bahan rujukan sepanjang tempoh menyiapkan kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan buat suami tercinta merangkap rakan sepengajian, Mohd Zaini bin Sejo atas sokongan, dorongan dan bantuan. Semoga Allah memberikan ganjaran yang setimpal dengan segala kebaikan dan tolak ansur yang diberikan. Terima kasih juga buat anak-anak tersayang, Ahmad Hafizi, Ahmad Majdi, Aalaa, dan Asma' atas kesabaran sepanjang penulis menyiapkan kajian. Terima kasih juga buat ahli keluarga, ayah; Othman @ Omar bin Ahmad, abang; Mohamad Afifi, adik-adik; Mohamad Afandi, Aqilah dan Mohamad Arif, adik ipar; Nor Saadah serta sahabat; Noraisah Mohd Yusof atas bantuan menguruskan anak-anak ketika penulis memerlukan pertolongan.

Penghargaan buat anak-anak murid penulis, Amirah Abdollah, Akmal Nadhira Mohd Zamri, Nur Nadhirah Zainal Abidin, dan Nur Nasihah Sakinah Abdul Manan kerana sudi memberi bantuan dalam pencarian bahan rujukan di UIAM, UPM, Mesir, dan Jordan. Semoga Allah memberi sebaik-baik ganjaran buat kalian semua.

Tidak lupa sekalung budi buat teman-teman seperjuangan, Erlind Abu Hassan, Haryati Adni, Uraidah Abdul Wahab, Syakirah Mohd Rifai'in, Hakimah Salehuddin, Masyitah Abdullah, Chang Yee Pian, Sumadi Rajagopal dan Nurul Aziah atas sokongan dan sikap ambil berat yang diberikan. Terima kasih juga diucapkan kepada rakan penulis; Azimah Dollah kerana sudi meluangkan masa menyemak abstrak bahasa Inggeris penulis. Jutaan terima kasih akhirnya buat semua yang membantu penulis sepanjang pengajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Semoga Allah membala jasa kalian dengan sebaik-baik ganjaran.

Sekian

AZIYUN BINTI OTHMAN @ OMAR

ISI KANDUNGAN

| Tajuk | Halaman |
|---------------------------------------|----------------|
| ABSTRAK | III |
| ABSTRACT | V |
| PENGHARGAAN | VII |
| ISI KANDUNGAN | IX |
| PANDUAN TRANSLITERASI | XIV |
| SENARAI JADUAL DAN RAJAH | XV |
| BAB 1 | 1 |
| PENGENALAN | 1 |
| 1.0 Pendahuluan | 1 |
| 1.1 Pernyataan Masalah | 5 |
| 1.2 Objektif Kajian | 7 |
| 1.3 Persoalan Kajian | 8 |
| 1.4 Kepentingan Kajian | 8 |
| 1.5 Batasan Kajian | 9 |
| 1.6 Kerangka Konseptual Kajian | 11 |
| 1.7 Definisi Operasional | 12 |

| | |
|--|-----------|
| 1.7.1 Nahu | 12 |
| 1.7.2 Simplifikasi Nahu | 14 |
| 1.8 Rangka Kajian | 14 |
| BAB 2 | 16 |
| SOROTAN LITERATUR | 16 |
| 2.0 Pendahuluan | 16 |
| 2.1 Teori Nahu Arab Tradisional | 16 |
| 2.1.1 <i>al-Sama:</i> ‘ | 17 |
| 2.1.2 <i>al-Ta’li:l</i> | 19 |
| 2.1.3 <i>al-Qiya:s</i> | 22 |
| 2.1.4 <i>al-‘A:mil</i> | 23 |
| 2.1.5 <i>al-Ta’wi:l</i> | 26 |
| 2.1.6 Sistem <i>I’ra:b</i> | 27 |
| 2.2 Teori Nahu Ibn Mada:’ | 28 |
| 2.2.1 Memansuhkan Teori <i>‘A:mil</i> | 30 |
| 2.2.2 Memansuhkan <i>‘Illat</i> Kedua dan Ketiga | 34 |
| 2.2.3 Memansuhkan <i>al-Qiya:s</i> | 35 |
| 2.2.4 Memansuhkan Latihan Yang Tidak Praktikal | 36 |
| 2.3 Simplifikasi Nahu Arab | 37 |
| 2.3.1 Contoh-Contoh Usaha Simplifikasi Nahu | 39 |
| 2.3.2 Pendapat Tentang Simplifikasi Nahu | 42 |
| 2.4 Shawqi: Dayf | 44 |

| | |
|---|---------------|
| 2.5 Kajian Lepas Berkaitan Usaha Shawqi: Dayf Dalam Simplifikasi Nahu Arab | 45 |
| 2.6 Kerangka Model Kajian Simplifikasi Nahu | 52 |
| BAB 3 | 55 |
| METODOLOGI KAJIAN | 55 |
| 3.0 Pendahuluan | 55 |
| 3.1 Reka Bentuk Kajian | 55 |
| 3.2 Persampelan | 57 |
| 3.3 Prosedur Pengumpulan Data | 58 |
| 3.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian | 60 |
| 3.6 Penganalisan Data | 61 |
| 3.7 Kaedah Persembahan dan Pelaporan Data | 66 |
| BAB 4 | 67 |
| ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN | 67 |
| 4.0 Pendahuluan | 67 |
| 4.1 Asas Simplifikasi Nahu Arab Menurut Shawqi: Dayf | 67 |
| 4.1.1 Penyusunan Semula Bab-Bab Nahu | 69 |
| 4.1.2 Memansuhkan <i>I'ra:b Taqdi:riyy</i> dan <i>Mahalliy</i> | 80 |
| 4.1.3 <i>I'ra:b</i> Untuk Sebutan Yang Betul | 84 |

| | |
|--|------------|
| 4.1.4 Memberi Definisi Dan Pencirian Yang Lebih Tepat Serta Terperinci | 87 |
| 4.1.5 Menggugurkan Pelbagai Perincian Dan Tambahan Yang Merumitkan | 91 |
| 4.1.6 Menambah Perkara-Perkara Yang Penting | 95 |
| 4.2 Perkembangan simplifikasi nahu Shawqi: Dayf dalam buku <i>Tajdi:d al-Nahw dan Taysi:r al-Nahw al-Ta‘li:miyy Qadi:man Wa Hadi:than Ma'a Nahj Tajdi:dih</i> | 97 |
| 4.2.1 Tujuan Penulisan | 98 |
| 4.2.2 Penyusunan Buku | 99 |
| 4.2.3 Asas simplifikasi nahu Arab | 102 |
| 4.3 Analisis Sumber Simplifikasi Nahu Arab Shawqi: Dayf dan Keselarasan Antara Teori dan Pelaksanaan | 109 |
| 4.3.1 Sumber-Sumber Simplifikasi Nahu Shawqi: Dayf | 109 |
| 4.3.1.1 Pengaruh Ibn Mada: ⁷ | 109 |
| a) Percanggahan Simplifikasi Nahu Shawqi: Dayf dengan Teori Nahu Ibn Mada: ⁷ | 114 |
| 4.3.1.2 Pengaruh Sarjana Nahu Yang Lain | 116 |
| 4.3.1.3 Ijtihad Shawqi: Dayf Secara Individu | 121 |
| 4.3.2 Keselarasan Asas Simplifikasi Nahu Shawqi: Dayf Antara Teori Dan Pelaksanaan | 126 |
| 4.3.2.1 Penyusunan Semula Bab-Bab Nahu | 126 |
| 4.3.2.2 Memansuhkan <i>I‘ra:b Taqdi:riyy</i> dan <i>Mahalliy</i> Pada Ayat | 134 |
| 4.3.2.3 <i>I‘ra:b</i> Untuk Sebutan Yang Betul | 138 |
| 4.3.2.4 Memberi Definisi Dan Pencirian Yang Lebih Tepat Serta Terperinci | 142 |
| 4.3.2.5 Menggugurkan Pelbagai Perincian Dan Tambahan Yang Merumitkan | 148 |
| 4.3.2.6 Menambah Perkara-Perkara Yang Penting | 152 |
| BAB 5 | 156 |

| | |
|--------------------------------|------------|
| KESIMPULAN DAN CADANGAN | 156 |
| 5.0 Pendahuluan | 156 |
| 5.1 Kesimpulan | 156 |
| 5.2 Cadangan-cadangan | 160 |
| RUJUKAN | 163 |

PANDUAN TRANSLITERASI

Transliterasi Ejaan Arab ke Melayu

Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-Bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik

Universiti Malaya

| Nama Huruf | Lambang huruf | Transliterasi | Contoh penggunaan | Nama huruf | Lambang huruf | Transliterasi |
|------------|---------------|---------------|-------------------|-------------------|---------------|---------------|
| hamzat̄ | ء | ' | sa'ala= سَلَّا | Qa:f | ق | q |
| ba:' | ب | b | | Ka:f | ك | k |
| ta:' | ت | t | | La:m | ل | l |
| tha:' | ث | th | | Mi:m | م | m |
| ji:m | ج | j | | Nu:n | ن | n |
| ha:' | ح | h | | Ha:' | ه | h |
| kha:' | خ | kh | | Wa:w | و | w |
| da:l | د | d | | Ya:' | ي | y |
| dha:l | ذ | dh | dhayl = ذيل | Ta:' marbutat̄ | ة | t |
| ra:' | ر | r | | Vokal Pendek | - | a |
| za:y | ز | z | | | - | i |
| si:n | س | s | | | - | u |
| shi:n | ش | sh | sharq = شرق | Vokal Panjang | ا | a: |
| sa:d | ص | ṣ | | | ي | i: |
| da:d | ض | ḍ | | | و | u: |
| ta:' | ط | ṭ | | Diftong | اي | ay |
| za:' | ظ | ẓ | | | او | aw |
| 'ayn | ع | ' | sa'ala= سعل | Tashdi:d Ya:' | ي | yy |
| ghayn | غ | gh | lughat̄ = لغة | Tating | | e |
| fa:' | ف | f | | | | |

SENARAI JADUAL DAN RAJAH

| | |
|--|-----|
| Jadual 2.1: Perbezaan ketiga-tiga jenis ‘illat | 21 |
| Jadual 4.1: Pecahan Bab dan Tajuk Bahagian Pertama | 71 |
| Jadual 4.2: Senarai Bab dan Pecahan Tajuk Bahagian Dua | 72 |
| Jadual 4.3 :Pembahagian Baru Bagi Jenis-Jenis Ayat | 75 |
| Jadual 4.4 : Bab-bab yang dimansuhkan dalam bahagian <i>al-Marfu: ‘a:t</i> | 77 |
| Jadual 4.5: Bab-bab yang dimansuhkan dalam bahagian <i>al-Manṣu:ba:t</i> | 78 |
| Jadual 4.6 : Bab-bab yang dimansuhkan hasil rombakan bab <i>al-Tamyi:z</i> | 78 |
| Jadual 4.7 : Pemansuhan <i>i‘ra:b taqdi:riyy</i> dan <i>maḥalliyy</i> dalam ayat | 81 |
| Jadual 4.8: Contoh ayat namaan yang melibatkan <i>zarf</i> dan <i>al-ja:rr wa al-majru:r</i> | 81 |
| Jadual 4.9: Contoh bentuk <i>maf‘u:l muṭlaq</i> dan naibnya | 88 |
| Jadual 4.10 : Bentuk-bentuk kata nama selepas kata tugas <i>waw</i> | 889 |
| Jadual 4.11: Perincian dan tambahan yang digugurkan | 92 |
| Jadual 4.12: Tambahan penting yang dimasukkan | 95 |
| Jadual 4.13: Hasil perbandingan asas simplifikasi nahu dalam kedua-dua buku | 102 |
| Jadual 4.14: Perbezaan penerangan antara kedua-dua buah buku | 107 |
| Jadual 4.15: Pendapat sarjana lain yang menjadi sandaran Shawqi: Dayf | 117 |
| Jadual 4.16: Rombakan berdasarkan ijтиhad Shawqi: Dayf | 122 |
| Jadual 4.17: : Kaedah nahu daripada <i>al-Lughat al-‘A:mmiyat</i> | 124 |
| Jadual 4.18: : <i>Maf‘u:l muṭlaq</i> | 143 |
| Jadual 4.19: <i>Na:ib maf‘u:l muṭlaq</i> | 143 |
| Jadual 4.20: <i>Maf‘u:l mutlaq</i> yang digugurkan kata kerjanya | 144 |
| Jadual 4.21: Perkara yang digugurkan dan ditegaskan semula penggugurannya | 149 |
| Jadual 4.22: Senarai tambahan yang dicadangkan | 152 |

| | |
|---|-----|
| Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Kajian | 12 |
| Rajah 2.1: ‘A:mil Ma‘nawiyy | 25 |
| Rajah 2.2: Kerangka Model Kajian ‘Abdullah Ḥamd | 53 |
| Rajah 2.3: Pindaan yang dibuat daripada kajian ‘Abdullah Ḥamd | 54 |
| Rajah 4.1 : Bahagian-Bahagian Buku <i>Tajdi:d al-Naḥw</i> | 70 |
| Rajah 4.2: Bahagian dan Bab bagi Ilmu Sintaksis | 73 |
| Rajah 4.3: Contoh bahagian akhir penerangan setiap isu | 101 |

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Orang Arab pada zaman sebelum Islam dan zaman awal Islam mempunyai kefasihan secara semulajadi atau apa yang disebut *sali:qat ‘arabiyyat*. Pada ketika itu tiada peraturan bahasa khas yang ditetapkan secara rasmi dan tersusun. Apa yang wujud ketika itu hanyalah penggunaan bahasa secara warisan yang diteruskan oleh penutur secara tidak langsung. Mereka bertutur dan berkomunikasi dengan fasih mengikut apa yang diketahui dan digunakan dalam masyarakat tanpa mempelajarinya atau dilatih secara formal. Proses komunikasi ini berlaku tanpa mereka sedari terhadap peraturan bahasa yang digunakan (Ahmad Jala:yili:, 2005:297).

Apabila berlaku pembukaan kota-kota Islam di luar semenanjung tanah Arab pada zaman al-Khulafa’ al-Rashidin, berlaku percampuran antara orang Arab dan orang bukan Arab (*A‘ja:m*) kebolehan dan kefasihan berbahasa secara semulajadi tersebut mula menyusut. Maka berlaku banyak kesilapan dalam berbahasa atau apa yang disebut *al-laḥn*. Kesilapan ini bukan sahaja mengubah makna yang ingin disampaikan sehingga berlaku salah faham malah yang lebih merisaukan ialah kesan kesilapan tersebut yang boleh mengubah makna al-Quran (Ahmad Sha:mi:, 1997:23-24).

Antara contoh kesilapan yang berlaku yang melibatkan al-Quran ialah kisah Khalifah Ali bin Abi Talib mendengar seorang pemuda membaca ayat 37 surah Al-Ha:qqat. Pemuda tersebut membaca ((لَا يَأْكُلُهُ إِلَّا الْخَاطِئُونَ)) iaitu berlaku kesilapan pada kalimah yang dibaca secara *manṣu:b*. Ayat tersebut sepatutnya dibaca ((لَا يَأْكُلُهُ إِلَّا الْخَاطِئُونَ)) dibaca secara *marfu:* ‘ kerana ia merupakan pelaku bagi kata kerja ((لَا يَأْكُلُهُ) (Ibn al-Anba:ri:,1998:18-19)

Fenomena ini mendorong perletakan kaedah dan peraturan bahasa yang bermula pada zaman khalifah ‘Ali: bin Abi: Ṭa:lib. Idea perletakan nahu ini dicetuskan oleh khalifah ‘Ali: bin Abi: Ṭa:lib dan dilaksanakan oleh Abu: Aswad al-Du’aliyy (Muhammad al-Ṭanṭawi:, 1997:15-16). Pembentukan ilmu nahu bermula dengan perletakan baris kemudiannya perletakan titik pada huruf untuk membezakan antara satu sama lain (Ahmad Jami:l Sha:mi:, 1997:71). Usaha ini terus berkembang sehinggalah perletakan ilmu nahu ini menjadi satu disiplin ilmu di tangan al-Khali:l bin Ahmad al-Fara:hidiy (ibid, 1997:71).

Sesuatu disiplin ilmu itu tidak akan lengkap tanpa penghasilan buku yang akan menjadi panduan dan kajian untuk generasi yang berikutnya. Anak murid al-Khali:l, Sibawayh telah mengumpulkan isi-isi pengajaran beliau dan guru-gurunya yang lain seperti ‘Isa: bin ‘Umar, dan al-Akhfash al-Akbar kemudian membukukannya sehinggalah terhasil buku nahu pertama iaitu *al-Kita:b* (ibid, 1997:90-91).

Walau bagaimanapun buku "*al-Kita:b*" karangan Sibawayh dikatakan sukar difahami kerana mengandungi banyak *ta’wi:l* dan *taqdi:r* serta melampau dalam *qiya:s* dan *ta’li:l*. Beliau juga telah membuka seluas-luasnya bab untuk latihan tatabahasa yang memasukkan banyak pola yang dibina atas andaian tetapi tidak pernah digunakan oleh orang Arab. Kesukaran ini bertambah apabila penjelasan yang dibuat oleh Sibawayh sangat terperinci dan sebahagiannya mengandungi ayat-ayat yang tidak jelas dan rumit (Shawqi: Dayf, 1993:10-11).

Kesukaran ini juga bertambah apabila al-Akhfash al-Ausaṭ; anak murid Sibawayh yang bertanggungjawab membawa dan menyebarkan buku tersebut sengaja membiarkan

kesusahan dan kerumitan tersebut agar beliau selalu menjadi rujukan orang ramai serta bertujuan mendapatkan ganjaran wang. al-Ja:hiz sendiri telah bertanya beliau dan meriwayatkan kisah ini:

"أَنْتَ أَعْلَمُ النَّاسَ بِالنَّحْوِ فَلِمَ لَا تَجْعَلُ كُتُبَكَ مَفْهُومَةً كُلَّهَا؟ وَمَا بِالنَا نَعْمَمُ بَعْضَهَا وَلَا نَعْمَمُ أَكْثَرَهَا؟ وَمَا بِاللَّكِ تَقْدِيمٌ بَعْضَ الْعَوِيْصِ وَتَرْخِيرٌ بَعْضَ الْمَفْهُومِ؟ فَاجَابَهُ ((أَنَا رَجُلٌ لَمْ أَضْعُ كُتُبِيَ هَذِهِ لِلَّهِ، وَلَيْسَتْ هِيَ مِنْ كُتُبِ الدِّينِ، وَلَوْ وَضَعْتُهَا هَذَا الْوَضْعُ الَّذِي تَدْعُونِي إِلَيْهِ قَلْتُ حَاجَاتُهُمْ إِلَيَّ فِيهَا، وَإِنَّمَا كَانَتْ غَایَتِي السَّمَانَةُ، فَأَنَا أَضْعُ بَعْضَهَا هَذَا الْوَضْعُ الْمَفْهُومِ لِتَدْعُوهُمْ حَادَّةً مَا فَهُمُوا إِلَى التَّمَاسِ فَهُمْ مَا لَمْ يَفْهُمُوا، وَإِنَّمَا قَدْ كَسَبْتُ فِي هَذَا التَّدَابِيرِ إِذْ كُنْتُ إِلَيْهِ التَّكَسُّبَ ذَهَبْتُ".

" Awak orang yang paling pandai dalam nahu, jadi mengapa awak tidak menjadikan buku awak ini difahami keseluruhannya? Mengapa kami hanya faham sebahagiannya sedangkan yang kami tidak faham lebih banyak? Mengapa awak mendahulukan yang susah dan mengkemudiankan yang difahami? Maka dia (Al-Akhfash) menjawab,saya tidak meletakkan buku ini kerana Allah, dan ia bukanlah buku agama, sekiranya aku meletakkan buku ini seperti mana yang engkau suruh, maka akan berkuranganlah keperluan mereka kepadaku. Sesungguhnya tujuan aku adalah untuk mendapatkan ganjaran. Maka aku meletakkan sebahagiannya difahami supaya rasa kemanisan memahaminya itu membuatkan mereka mencari perkara yang mereka tidak fahami. Dengan itu aku telah memperoleh rezeki daripada urusan seperti ini, iaitu aku memang bertujuan untuk mencari rezeki." (al-Ja:hiz,1969:1/91)

Sarjana-sarjana yang lain juga menulis buku menggunakan pendekatan yang sama. Mereka melampau-lampau dalam isu teori ‘*a: mil*, begitu juga dalam isu *al-ta ’li:l*. Ilmu nahu kemudiannya terus berkembang dan tujuan perletakannya iaitu sebagai panduan untuk berbahasa dengan betul dan mengelakkan kesilapan mula berubah. Ilmu nahu mula menjadi perbincangan para sarjana nahu dan berlaku banyak perbezaan pendapat antara mereka. Mereka menjadikannya perdebatan dan perbahasan serta saling bersaing sesama mereka. Unsur-unsur falsafah dan mantik akal mula menular dalam ilmu nahu yang menambahkan kesukaran ilmu tersebut (Abdullah al-Kari:m, 2004:186-193).

Ibn Khaldun telah meletakkan ilmu nahu ini sebagai ilmu alat, iaitu ilmu yang diperlukan untuk mendalami ilmu utama iaitu ilmu *syar’iyyat*. Oleh itu ia tidak perlu

dibahaskan dengan panjang lebar sehingga terkeluar daripada matlamat utamanya. Perbahasan yang panjang lebar dalam ilmu alat ini boleh menjadi perkara yang melalaikan (*laghw*) dan memudaratkan para pelajar (1993:461).

al-Ja:hiz dalam Shawqi: Dayf (1993:13) menyeru para guru agar mengajar murid-murid pada peringkat permulaan ilmu nahu sekadar untuk berbahasa dengan betul. Seruan ini disambut baik oleh ramai sarjana nahu Arab. Mereka menyedari keperluan menyediakan buku nahu yang bertujuan untuk pengajaran. Ini bagi memenuhi keperluan pelajar memahami dan melatih kefahaman mereka sehingga betul-betul menguasainya ('Ali Abu: al-Maka:rim, 2007:29-30). Usaha-usaha menghasilkan buku bagi tujuan pengajaran ini bermula pada akhir kurun kedua hijrah dan berterusan sehingga kurun keempat belas hijrah. Antara buku-buku yang masih kekal hingga ke hari ini ialah *al-Luma'* oleh Ibn Jinni:, *Alfiyat* oleh Ibn Ma:lik, *Qatr al-Nada:* oleh Ibn Hisha:m, dan *Matn al-Ajurumiyat* oleh al-Şanha:j (ibid,2007:29-77). Ciri-ciri buku nahu bagi tujuan pengajaran ini ialah mudah dan ringkas (ibid, 2007:43-44). Walau bagaimanapun ia masih mengekalkan asas dan prinsip ilmu tersebut.

Pada kurun kesebelas hijrah, seorang sarjana nahu dari Andalus telah menyuarakan pendapat beliau dalam bukunya *al-Radd 'ala: al-Nuha:t* yang berbeza dan bercanggah dengan pendapat majoriti sarjana nahu. Ibn Mađa:' melihat bahawa kesukaran nahu terletak kepada beberapa prinsip asasnya seperti teori '*a:mil*, *al-qiya:s* dan *al-ta'li:l*. Sarjana-sarjana nahu dilihat melampau-lampau dalam isu ini sehingga banyak membuat andaian dan takwilan. Beliau telah menyarankan agar prinsip-prinsip ini dimansuhkan (Ibn Mađa:',1988: 24-46). Oleh kerana dilihat pendapat beliau bercanggah dengan pendapat majoriti sarjana nahu, seruan ini tidak mendapat sambutan dan dipandang sepi oleh sarjana nahu pada masa tersebut (Rabi:h 'Amar, 2009: t.m.s).

1.1 Pernyataan Masalah

Walaupun buku-buku nahu bagi tujuan pengajaran banyak dihasilkan, namun keluhan berkenaan dengan kesusahan nahu serta kelemahan pelajar-pelajar dalam berbahasa masih terus kedengaran. ‘Abd al-Majid ‘Iсаni: (2008:11) dalam bukunya menyatakan bahawa hasil kajian Anṭuwa:n Ṣayya:h menunjukkan bahawa 61.13% pelajar menyatakan bahawa aktiviti bahasa Arab yang paling susah ialah tatabahasa.

Ada antara sarjana nahu moden berpendapat bahawa usaha memudahkan nahu bukan hanya sekadar ringkasan atau menggugurkan penerangan dan penjelasan yang panjang lebar. Bagi Muḥammad Ṣa:ri: usaha memudahkan nahu mestilah mempersembahkan tajuk-tajuk nahu dengan cara baru. Cara tersebut ialah dengan menukar bahan mentah yang terkandung dalam ringkasan buku-buku nahu kepada bahan pendidikan yang hidup dan sesuai digunakan (2001:8). Manakala ‘Abdullah al-Kari:m berpendapat simplifikasi mestilah membolehkan pelajar-pelajar memahami tajuk-tajuk nahu yang dipersembahkan dalam bentuk baru dan meliputi pembaikian menyeluruh serta membebaskan nahu daripada unsur-unsur falsafah dan mantik (2004:157).

Pada kurun kedua puluh, timbul usaha-usaha simplifikasi nahu yang melibatkan rombakan atau perubahan pada teori nahu tradisional. Kebanyakan sarjana yang terlibat terpengaruh dengan linguistik deskriptif yang berkembang pesat di Eropah ketika itu. Mereka mendapati ciri-ciri linguistik deskriptif tersebut terdapat dalam teori nahu Ibn Maḍā:’ (Hasan al-‘Ukayli:, 2007:128). Pada ketika ini, pendapat Ibn Maḍā:’ mula mendapat perhatian dan dikaji semula. Muḥammad al-Mukhta:r dalam buku beliau *Tari:kh al-Naḥw al-‘Arabiyy* telah meletakkan usaha ini dalam peringkat ketujuh dalam

perkembangan ilmu nahu, iaitu peringkat reformasi dan simplifikasi yang berlaku pada zaman moden (1996:26).

Shawqi: Dayf merupakan antara sarjana moden yang sangat terpengaruh dengan Ibn Mađa:’ dalam isu simplifikasi nahu. Beliau juga dikatakan mempunyai "يَدًا بِيَضَاءٍ" (mempunyai sumbangan besar) dalam simplifikasi nahu Arab (Ra:fi‘ al-‘Ubaydi;, 2001;t.m.s). Kenyataan ini juga disokong oleh ‘Abdullah Ḥam̄d (2010: 26) dengan mengatakan beliau banyak berusaha dalam isu simplifikasi nahu Arab. Bermula dengan menyunting dan menerbitkan buku Ibn Mađa’; *al-Radd ‘Ala: al-Nuḥa:t* pada tahun 1947 sehingga menulis siri-siri buku simplifikasi nahu iaitu *Tajdi:d al-Naḥw* pada tahun 1982 dan *Taysi:r al-Naḥw al-Ta‘li:myy Qadi:man Wa Hadi:tḥan* pada tahun 1986. Usaha-usaha Shawqi: Dayf ini dianggap sangat bernilai kerana ia merupakan hasil kajian dan pemikiran beberapa dekad dan pengalaman ilmu yang kaya (ibid, 2010:26).

Usaha pembaharuan yang melibatkan rombakan pada isi kandungan nahu Arab bukan mudah untuk diterima. Ini kerana segala prinsip dan kaedah telah kukuh dan diguna pakai sejak seabad yang lalu. Maka tidak hairanlah beliau tidak terlepas daripada kritikan-kritikan apabila buku pertamanya *Tajdi:d al-Naḥw* diterbitkan pada tahun 1982. Antara yang kuat mengkritik beliau ialah Muḥammad ‘I:d. Beliau menyatakan Shawqi: Dayf mencampur-adukkan dua peringkat nahu; peringkat pelajar dan peringkat pengkhususan (1989:12). Ada juga yang berpandangan rombakan yang dilakukan tidak sepatutnya menjadi pemutus antara pelajar dengan buku-buku nahu tradisional yang menjadi asas dan warisan mereka (Muḥammad al-Mukhta:r, 1996:570). Walaupun Shawqi: Dayf dikritik hebat, ia tidak menjaskan semangat beliau untuk terus berusaha mengatasi masalah kelemahan berbahasa pelajar dan kesusahan nahu Arab yang

diajarkan kepada mereka. Shawqi: Dayf terus menerbitkan buku kedua iaitu *Taysi:r al-Naḥw al-Ta‘li:miyy Qadi:man Wa Hadi:than* pada tahun 1986.

Usaha yang berpanjangan dalam simplifikasi nahu dan semangat Shawqi: Dayf menghadapi kritikan ini mendorong pengkaji memilih beliau sebagai sampel untuk meneroka isu simplifikasi nahu Arab ini dan meneliti perkembangan pemikiran beliau dalam kedua-dua buku tersebut iaitu *Tajdi:d al-Naḥw* dan *Taysi:r al-Naḥw al-Ta‘li:miyy Qadi:man Wa Hadi:than*. Penghasilan dua buah buku untuk mengupas isu ini menimbulkan persoalan dalam fikiran pengkaji mengapakah Shawqi: Dayf menghasilkan sehingga dua buah buku berkaitan isu simplifikasi nahu Arab? Adakah kritikan-kritikan yang diterima beliau mendorong beliau menulis buku-buku ini?

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka idea-idea Shawqi: Dayf dalam simplifikasi nahu Arab dalam kedua-dua buku beliau iaitu *Tajdi:d al-Naḥw* dan *Taysi:r al-Naḥw al-Ta‘li:miyy Qadi:man Wa Hadi:than*. Dengan itu ia boleh diteliti dan dinilai oleh pihak yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam usaha mengatasi masalah kesukaran pembelajaran bahasa Arab amnya dan nahu khususnya.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk :

- 1- Mengenal pasti asas simplifikasi nahu Arab Shawqi: Dayf.
- 2- Meneliti perkembangan idea simplifikasi nahu Shawqi: Dayf dalam kedua-dua buku beliau iaitu *Tajdi:d al-Naḥw* dan *Taysi:r al-Naḥw al-Ta‘li:miyy Qadi:man Wa Hadi:than Ma‘a Nahj Tajdi:dih*.

- 3- Menganalisis sumber-sumber pembentukan simplifikasi nahu Shawqi: Dayf dan keselarasannya dari sudut teori dan pelaksanaan.

1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang menjadi panduan bagi kajian ini ialah:

- 1- Apakah asas simplifikasi nahu Shawqi: Dayf?
- 2- Bagaimanakah perkembangan idea simplifikasi nahu beliau dalam kedua-dua buah buku tersebut?
- 3- Adakah nahu simplifikasi yang dihasilkan oleh Shawqi: Dayf ini didasari sumber-sumber tertentu dan adakah ia menepati asas simplifikasi yang ditetapkan oleh beliau?

1.4 Kepentingan Kajian

Dalam tujuh peringkat perkembangan ilmu nahu, Muḥammad al-Mukhta:r (1996:23-26) telah meletakkan usaha simplifikasi nahu pada peringkat ketujuh, iaitu peringkat reformasi dan simplifikasi yang berlaku pada zaman moden. Oleh itu kajian Simplifikasi Nahu Arab Menurut Shawqi: Dayf ini penting kepada pengkaji-pengkaji bahasa Arab dan pelajar-pelajar jurusan bahasa Arab tempatan untuk meneliti usaha-usaha simplifikasi nahu Arab yang merupakan sebahagian daripada sejarah perkembangan ilmu nahu. Penelitian ini mampu memberi mereka kefahaman yang jelas tentang perkembangan yang berlaku dalam nahu Arab.

Usaha Shawqi: Dayf dalam simplifikasi nahu Arab juga penting kepada pihak yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sama ada pihak yang

menggubal kurikulum pada peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia atau tenaga pengajar dalam kalangan guru-guru kerana ia melibatkan nahu pedagogi. Pihak terbabit boleh menilai sama ada ilmu nahu yang merupakan sebahagian daripada mata pelajaran Bahasa Arab telah disimplifikasi untuk menyelesaikan masalah kesukaran pembelajaran bahasa Arab ataupun masih mengekalkan persesembahan nahu tradisional.

Pemahaman secara jelas tentang asas-asas yang ditetapkan oleh Shawqi: Dayf dalam simplifikasi nahu juga boleh mencetuskan idea bagi semua pihak yang terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab umumnya dan nahu khususnya tentang pendekatan yang terbaik untuk simplifikasi nahu terutama yang melibatkan bukan penutur jati.

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan kepada usaha-usaha simplifikasi nahu yang berlaku pada zaman moden, iaitu yang berlaku dalam kurun kedua puluh. Ianya pula dihadkan oleh pengkaji kepada usaha-usaha simplifikasi yang dibuat secara individu bukan secara kolektif oleh organisasi tertentu. Menurut Hasan al-'Ukayli: (2012:3) usaha simplifikasi nahu Arab secara individu sangat banyak dan agak sukar untuk menentukan secara tepat bilangannya. Malah beliau sendiri hanya mampu menyenaraikan tujuh puluh enam usaha individu meliputi pelbagai pendekatan yang mereka gunakan dan disusun mengikut susunan tarikh.(Hasan al-'Ukayli; 2012:24). Oleh sebab itu, pengkaji telah membataskan lagi kajian kepada simplifikasi nahu menurut Shawqi: Dayf. Justifikasi pemilihan Shawqi: Dayf adalah melihatkan kepada usaha beliau yang berpanjangan iaitu selama lebih tiga dekad. Beliau juga dilihat lebih memahami teori nahu Ibn Mađa:’ yang banyak mempengaruhi usaha simplifikasi nahu pada zaman moden kerana

beliaulah yang terlebih dahulu menyunting buku Ibn Mađa:’ iaitu *al-Radd ‘Ala: al-Nuḥa:t*.

Untuk mengkaji simplifikasi nahu yang dilakukan oleh Shawqi: Ḥayf, pemilihan buku hanya dihadkan kepada dua buah buku beliau iaitu *Tajdi:d al-Naḥw* dan *Taysi:r al-Naḥw al-Ta’li:mi: Qadi:man Wa Ḥadi:than Ma ‘a Nahj Tajdidih*. Pemilihan kedua-dua buah buku ini dibuat agar pengkaji dapat memahami secara menyeluruh usaha simplifikasi nahu yang dilakukan oleh Shawqi: Ḥayf. Ia menjadikan kajian ini agak berbeza dengan kajian-kajian lepas yang menghadkan kajian kepada buku pertama beliau iaitu *Tajdi:d al-Naḥw*. Tidak seperti kajian-kajian lepas, pengkaji tidak menjadikan mukadimah yang ditulis oleh Shawqi: Ḥayf dalam buku al-Radd ‘Ala: al-Nuḥa:t sebagai sampel kajian kerana ia hanyalah cetusan idea beliau dan bukan merupakan model lengkap bagi simplifikasi nahu beliau.

Dalam kajian ini, pengkaji membuat perbandingan antara kedua-dua buah buku untuk meneliti perkembangan idea simplifikasi nahu Shawqi: Ḥayf sama ada terdapat perubahan atau tambahan terhadapnya. Hasil perbandingan ini membantu pengkaji memahami tujuan buku kedua iaitu *Taysi:r al-Naḥw al-Ta’li:miyy* ditulis. Perbandingan antara usaha Shawqi: Ḥayf dalam simplifikasi nahu dengan mana-mana sarjana lain yang juga mempunyai sumbangan dalam isu ini tidak dilakukan. Ini kerana kajian tidak bertujuan untuk melihat persamaan atau perbezaan antara usaha Shawqi: Ḥayf dengan individu lain.

Manakala analisis terhadap sumber pembentukan simplifikasi nahu Arab Shawqi: Ḥayf pula, pengkaji hanya mengeluarkan sumber-sumber seperti mana yang dinyatakan oleh Shawqi: Ḥayf dalam kedua-dua buah buku beliau ini. Pengkaji tidak merujuk sumber


tersebut pada rujukan asalnya kerana kajian ini tidak bertujuan untuk melihat kesahan sumber tersebut daripada rujukan aslinya tetapi sekadar melihat sumber-sumber yang mencetuskan pembentukan simplifikasi nahu tersebut sahaja.

1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian merupakan ibarat peta bagi sesebuah kajian. Ia menjadi panduan dan hala tuju bagi pengkaji untuk menjalankan satu-satu kajian. Kerangka konseptual kajian ini merujuk kepada garis panduan atau struktur yang menghubungkan semua boleh ubah atau idea yang terlibat dalam kajian untuk melihat perkaitan antara boleh ubah atau idea tersebut. Ia biasanya dibentuk daripada kerangka teoritikal dan diubahsuai mengikut kesesuaian kajian (Othman Talib, 2011:21-22).

Kajian ini menggunakan kerangka model kajian ‘Abdullah Ḥamid (2010) dengan sedikit pindaan. Kajian dibahagikan kepada tiga tema. Tema pertama merupakan atas simplifikasi nahu Shawqi: Dayf. Manakala tema kedua ialah perkembangan idea simplifikasi nahu Arab Shawqi: Dayf. Ia dilaksanakan dengan cara membandingkan kedua-dua buku *Tajdi:d al-Naḥw* dan *Taysi:r al-Naḥw al-Ta‘li:mīyy* yang melibatkan tujuan penulisan buku, cara penyusunan buku dan penerangan atas simplifikasi dalam kedua-dua buah buku tersebut. Tema ketiga pula ialah analisis terhadap simplifikasi nahu Shawqi: Dayf yang melibatkan sumber pembentukan atas simplifikasi nahu dan keselarasan antara teori dan pelaksanaan dalam buku *Tajdi:d al-Naḥw*.

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian ini yang diadaptasi daripada kajian ‘Abdullah Ḥamid (2010):



Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Kajian

1.7 Definisi Operasional

Pengkaji akan memberikan definisi nahu dan simplifikasi nahu yang merupakan konsep utama kajian ini:

1.7.1 Nahu

Sarjana nahu tradisional ataupun moden memberikan definisi yang pelbagai bagi istilah nahu. Menurut Hasan al-‘Ukayli: (2007:237), pengkaji ilmu nahu harus memahami istilah tersebut kerana perbezaan pada definisi istilah nahu membawa kepada perbezaan pendekatan yang digunakan. Pada peringkat permulaan perkembangan ilmu nahu, ia merupakan cabang ilmu bahasa Arab yang merangkumi sintaksis, morfologi, dan

fonologi seperti mana yang terdapat dalam buku Sibawayh iaitu *al-Kita:b* (ibid:2007:237).

Pemisahan morfologi dan fonologi dari ilmu nahu Arab bermula pada zaman al-Sakka:ki: apabila beliau menulis bukunya *Mifta:h a- 'Ulu:m* (Şa:lih, 1977:4). Oleh itu istilah nahu selepas itu digunakan untuk merujuk pada sintaksis sahaja. Sarjana nahu juga berbeza pendapat tentang istilah nahu yang baru ini. Ada antara mereka yang menghadkan istilah tersebut kepada perubahan baris huruf akhir bagi perkataan dalam ayat (Hasan al-'Ukayli, 2007:238). Terdapat juga sarjana nahu yang mengaitkan istilah nahu dengan hubungan antara struktur ayat dan makna atau apa yang disebut kajian tentang ayat ('Abduh al-Ra;jīhi: t.t:145).

Istilah nahu bagi Shawqi: Dayf ialah ilmu yang merangkumi sintaksis, morfologi, dan fonologi sama seperti mana yang digunakan pada peringkat awal perkembangan nahu. Ini dapat dilihat apabila beliau menamakan buku simplifikasi nahu Arabnya *Tajdi:d al-Naḥw* dan dalamnya dimasukkan perbahasan fonologi, morfologi, dan sintaksis (Shawqi: Dayf, 2003:6). Beliau juga menggunakan istilah nahu untuk merujuk kepada sintaksis sahaja. Ini dapat dilihat ketika beliau menyatakan bahawa buku *Tajdi:d al-Naḥw* mengandungi dua bahagian *ṣarf* (morfologi) dan empat bahagian *naḥw* (sintaksis) (Shawqi: Dayf, 2003:6-7). Pada ketika ini nahu atau sintaksis menurut Shawqi:Dayf merujuk kepada perbahasan tentang ayat. Ini jelas ketika beliau menerangkan pemindahan bab *al-Muḍā:f Ilayh* dan *al-Tawa:bi'* kepada bahagian morfologi kerana pada pandangan beliau kedua-dua bab ini tidak termasuk dalam perbahasan ayat yang merupakan inti pati sintaksis (Shawqi: Dayf, 1993:68).

1.7.2 Simplifikasi Nahu

Definisi simplifikasi nahu Arab berbeza-beza mengikut metodologi pengkaji dan pemikiran mereka. Walaupun definisinya berbeza-beza, namun ia mempunyai tujuan yang sama iaitu memudahkan tatabahasa Arab bagi tujuan pengajaran (Hasan al-'Ukayli, 2007). Bagi sarjana Arab nahu tradisional simplifikasi nahu dilakukan dengan cara memilih tajuk-tajuk yang penting untuk para pelajar mengetahuinya dan meringkaskannya tanpa rombakan atau perubahan pada susunan atau prinsip-prinsip nahu sedia ada (Abd al-Majid, 2008:106-108).

Namun kebanyakan sarjana nahu moden tidak mengiktiraf usaha memudahkan nahu dengan cara meringkaskannya sebagai simplifikasi. Bagi mereka, simplifikasi nahu mestilah melibatkan pembaharuan pada bentuk persembahan dan membebaskannya daripada unsur-unsur falsafah dan mantik seperti yang dinyatakan oleh Muḥammad Sa'ri: (2001:8) dan 'Abdullah al-Kari:m (2004:157).

Simplifikasi nahu Arab Shawqi: Dayf termasuk dalam kategori yang melibatkan pembaharuan. Ini kerana simplifikasi nahu beliau melibatkan rombakan dan penyusunan semula bab, pemansuhan bab-bab cabang daripada bab utama dan perincian yang merumitkan, penetapan konsep *i'ra:b*, memberikan definisi baru bab-bab tertentu serta menambah perkara-perkara penting yang boleh membantu pelajar mendalami kaedah-kaedah nahu secara menyeluruh (Shawqi: Dayf, 2003: 4-7).

1.8 Rangka Kajian

Bab Satu : Bab ini akan mengemukakan perkara-perkara yang berkaitan dengan pengenalan kajian yang meliputi pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian,

kepentingan kajian, batasan kajian, kerangka konseptual kajian, definisi operasional dan rangka kajian.

Bab Dua : Bab ini mengandungi sorotan literatur tentang isu yang dikaji iaitu teori nahu Arab tradisional, teori nahu Ibn Mađa:, simplifikasi nahu Arab, Shawqi: Dayf, kajian lepas yang berkaitan dengan simplifikasi nahu Arab Shawqi: Dayf dan model kajian simplifikasi nahu Arab.

Bab Tiga : Bab ini menghuraikan metodologi kajian yang melibatkan reka bentuk kajian, persampelan, proses pengumpulan data, kesahan dan kebolehpercayaan, penganalisaan data dan kaedah persembahan data.

Bab Empat : Bab ini mengenal pasti dapatan kajian yang merangkumi tiga bahagian iaitu asas simplifikasi nahu Arab dalam buku *Tajdi:d al-Naḥw* dan *Taysi:r al-Naḥw al-Ta‘li:miyy Qadi:man Wa Ḥadi:tḥan*, perkembangan simplifikasi nahu dalam kedua-dua buah buku dan analisis sumber dan keselarasan antara teori dan pelaksanaan simplifikasi nahu Shawqi: Dayf.

Bab Lima : Bab ini merupakan rumusan dan kesimpulan yang dibuat hasil daripada dapatan kajian.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.0 Pendahuluan

Bab ini mengandungi kajian-kajian literatur yang ditulis mengikut tema (*thematic review*). Ia membincangkan tema-tema seperti teori yang berkaitan dengan nahu Arab iaitu teori nahu Arab tradisional dan teori nahu Ibn Maḍā’i, usaha-usaha simplifikasi nahu Arab pada zaman moden serta pengenalan ringkas tentang Shawqi: Ḥayf. Kajian-kajian lepas yang berkaitan secara langsung dengan usaha simplifikasi nahu Arab Shawqi: Ḥayf pula diterangkan secara terperinci iaitu menggunakan kaedah *study -by-study review*.

2.1 Teori Nahu Arab Tradisional

Teori nahu Arab tradisional tidak terbentuk dalam satu peringkat sekaligus. Ia melalui beberapa peringkat bermula daripada Khalifah ‘Ali bin Abi: Ṭa:lib sebagai pencetus dan Abu: Aswad al-Du’aliyy sebagai orang yang meletakkan asas nahu dengan arahan Khalifah ‘Ali (Muhammad al-Mukhta:r, 1996:45). Kemudian ia terus berkembang sehingga ia menjadi satu disiplin ilmu di tangan al-Khalil bin Ahmad al-Faraḥidiyy pada suku akhir kurun kedua hijrah. Semua kaedah itu kemudiannya dibukukan oleh Sibawayh yang dinamakan *al-Kita:b* (Ahmad Sha:mi:, 1997:71).

Nahu pada peringkat permulaan iaitu pada zaman Khalifah ‘Ali bin Abi: Ṭa:lib dan Abu: Aswad al-Du’aliyy hanyalah sekadar memandang buruk *al-laḥn* atau kesalahan berbahasa dan membetulkan kesalahan tersebut berdasarkan usul orang Arab ketika itu. Dalam tempoh ini tiada sebarang tafsiran atau penjelasan atau meletakkan sebab (*ta’li:l*) (Ahmad Sha:mi:, 1997:69-71). Selepas tempoh tersebut, muncul seorang

sarjana nahu iaitu ‘Abdullah bin Abi: Isḥāq al-Haḍramiyy yang mengembangkan lagi nahu sehingga muncul idea *al-ta’li:l* dan *al-qiya:s* dalam ilmu ini (al-Zubaydi:, t.t: 31). Teori ‘*a:mil* pula ditetapkan dalam nahu Arab oleh al-Khalīl bin Aḥmad al-Faraḥī:diyy kemudiannya dan beliau jugalah yang membentuk kaedah-kaedah nahu secara lengkap berdasarkan *al-sama:*‘, *al-qiya:s*, *al-ta’li:l*, dan *al-ta’wi:l*. (Aḥmad Sha:mi:, 1997:86-88).

2.1.1 *al-Sama:*‘

Menurut al-Suyuṭī dalam Maḥmu:d Fajja:l (1989:67) *al-sama:*‘ ialah

“مَا تَبَتَّ فِي كَلَامٍ مَنْ يُوَرِّثُ بِفَصَاحَةِ فَشَمِيلَ كَلَامَ اللَّهِ تَعَالَى، وَهُوَ الْقُرْءَانُ، وَكَلَامَ نَبِيِّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - وَكَلَامَ الْعَرَبِ، قَبْلَ بَعْثَتِهِ، وَفِي زَمَنِهِ وَبَعْدَهُ إِلَيْ أَنْ فَسَدَتِ الْأَكْسِنَةُ بِكُشْرَةِ الْمُؤْلِدِينَ، نَظَمًا وَثُرَاءً، عَنْ مُسْلِمٍ أَوْ كَافِرٍ.”

"Apa yang telah pasti dalam percakapan siapa yang diyakini kefasihannya yang meliputi kalamullah iaitu Al-Quran, dan percakapan nabi-Nya (s.a.w) dan percakapan orang Arab sebelum perutusan baginda, pada zamannya, dan pada zaman selepas kewafatannya sehinggalah berlaku kesalahan berbahasa kerana ramainya golongan muwallad(bukan Arab jati) sama ada berbentuk puisi atau prosa, daripada orang Islam atau kafir."

Daripada definisi di atas, difahami bahawa sarjana nahu tradisional membentuk bahasa contoh (*al-lughat al-namuzajiyat*) sebelum membentuk kaedah-kaedah nahu. Tiga sumber bagi membentuk bahasa contoh tersebut ialah al-Quran, hadis Rasulullah s.a.w, dan percakapan orang Arab sama ada berbentuk puisi atau prosa. Sumber-sumber ini dikaji dan dianalisis untuk membuat kesimpulan umum serta kaedah-kaedah nahu (Muhammad al-Mukhta:r, 1996:30).

Bagi al-Quran, sarjana nahu Arab tidak berselisih pendapat dalam menjadikannya sumber kajian bahasa. Manakala bagi hadis Rasulullah s.a.w , terdapat perbezaan

pendapat antara mereka. Para sarjana nahu pada peringkat awal seperti al-Khalil dan Sibawayh tidak menjadikannya sumber dalam pembentukan kaedah nahu (Ahmad Sha:mi:, 1997:87). Kebanyakan sarjana nahu Arab pada peringkat awal bukan merupakan pakar dalam bidang hadis ditambah dengan sebab-sebab lain antaranya perawi hadis kebanyakannya mereka adalah *a‘ā:jim* dan andaian kebanyakannya hadis diriwayatkan secara makna bukan lafaz (Muhammad al-Mukhta:r, 1996:29-30).

Namun, sarjana nahu tradisional selepas itu seperti Ibn Ma:lik mempertikaikan keengganan para sarjana nahu tradisional pada peringkat awal menjadikan hadis Rasulullah s.a.w sebagai sumber nahu (ibid,1996:30). Menurut ‘Abdullah al-Kari:m (2004:191), pengabaian hadis Rasulullah s.a.w sebagai sumber nahu dalam proses pengumpulan dan pembentukan kaedah bahasa merupakan antara sebab nahu menjadi susah. Pendekatan yang digunakan oleh sarjana nahu Arab tradisional ini menyebabkan banyak masalah bahasa tidak dapat diselesaikan disebabkan berlaku kekurangan dan percanggahan. Bagi menyelesaiakannya, mereka cenderung membuat andaian atau yang disebut sebagai *taqdi:r* (Şa:diq Dabbas, 2008:92).

Manakala percakapan orang Arab sama ada dalam bentuk puisi atau syair, jika diyakini kesahihannya, ia akan dijadikan sumber nahu tidak kira sama ada orang Arab tersebut Islam atau kafir. Berdasarkan definisi *al-sama:* ‘ juga, didapati bahawa sarjana nahu Arab tradisional telah menetapkan tempoh masa untuk mengambil percakapan orang Arab sebagai sumber. Tempoh tersebut ialah bermula daripada sebelum perutusan Nabi Muhammad sebagai Rasul atau yang dikenali sebagai zaman Jahiliyah sehingga selepas kewafatan baginda. Tempoh selepas kewafatan baginda itu dihadkan sehingga berlaku kerosakan bahasa disebabkan ramainya *al-muwalladi:n*. Secara tepatnya para sarjana nahu tradisional telah menetapkan bahawa percakapan orang Arab diambil

hanya sehingga pertengahan kurun kedua hijrah (Muhammad Mukhta:r,1996:29)

2.1.2 *al-Ta‘li:l*

Ḩasan al-Mulkh dalam bukunya *Nazariyyat al-Ta‘li:l Fi: al-Naḥw al-‘Arabiyy Bayna al-Qudama:*’ Wa al-Muḥdaththi:n mendefinisikan *al-ta‘li:l* sebagai

"تَفْسِيرُ اِقْتِرَانِيٍّ يَفْسِرُ اَحْكَامَ النَّحْوِ وَظَوَاهِرَهُ وَفَنَقْ ثَنائِيَّةِ الْعِلْمِ وَالْمَعَلُولِ"

Pentafsiran bergandingan yang menjelaskan hukum-hukum nahu dan fenomenanya berdasarkan hubungan dua hala antara ‘illat dan ma‘lu:l (sebab dan musabab). (2000:257)

Beliau juga telah menjelaskan bahawa kemunculan *al-ta‘li:l* dalam nahu Arab disebabkan empat faktor. Faktor pertama ialah tabiat semulajadi akal manusia yang sentiasa bertanyakan sebab di sebalik satu-satu fenomena dan faktor kedua ialah mencari rahsia dan hikmah di sebalik pembentukan kaedah bahasa (ibid,2000:95-97). *al-Ta‘li:l* juga muncul disebabkan tabiat *al-naḥw al-ijtiha:diyy*. Dalam proses pentafsiran sesuatu kaedah nahu, sarjana nahu Arab menggunakan ijтиhad masing-masing berdasarkan latar belakang mereka yang pelbagai seperti kemampuan intelektual mereka, pengetahuan, mazhab akidah dan fekah, serta pengalaman bahasa mereka (ibid,2000:99). Faktor yang keempat pula pengajaran nahu. Memang menjadi kebiasaan dalam pengajaran, seorang pelajar akan bertanya sebab sesuatu perkara berlaku dan menjadi tugas guru untuk memberikan penjelasan dan menyatakan sebabnya (ibid, 2000:100-101).

al-Ta‘li:l telah melalui empat fasa iaitu fasa kemunculan dan pembentukan yang bermula dengan Ibn Abi: Isha:q, fasa perkembangan pada zaman al-Khalil, Sibawayh, dan al-Mubarrid, fasa kematangan dan kegemilangan pada kurun keempat hijrah, dan fasa semakan (*al-mura:ja‘at*) dan kestabilan pada kurun ketujuh hijrah (Ḩasan al-

Mulkh,2000:35). *al-Ta'li:l* pada awalnya hanyalah sekadar mencari titik asal keseragaman dengan hukum-hukum nahu iaitu meletakkan neraca nahu yang menjadi rujukan serta menolak kesalahan dan *al-laḥn* (ibid,2000:39).

Pada fasa ketiga iaitu pada kurun keempat hijrah, sarjana nahu Arab mula berlebih-lebihan dalam *al-ta'li:l*. Pada ketika ini juga bermula usaha-usaha untuk menterorikan *al-ta'li:l*. Antara usaha yang awal ialah usaha Ibn Jinni: dalam bukunya *al-Khaṣa:’is* yang menjelaskan tabiat *‘illat*, faktor-faktor pendorongnya, syarat-syarat dan kepentingannya serta menganggapnya lebih dekat dengan *‘ilal* para mutakallimin (ibid,2000:78). Fenomena berlebih-lebihan dalam *al-ta'li:l* berterusan sehingga fasa yang keempat dan pada masa ini para sarjana nahu Arab mula mencampur-adukkan *‘illat naḥwiyyat* dengan istilah-istilah falsafah (ibid,2000:89-91).

Hasan al-Mulkh juga melihat *al-ta'li:l* mempunyai kesan positif dan negatif terhadap perkembangan ilmu nahu Arab. Kesan positifnya ialah *al-ta'li:l* merupakan penjelasan kepada peraturan-peraturan nahu Arab dan mengukuhkan peraturan tersebut. Manakala kesan negatifnya ialah *al-ta'li:l* menjadi punca berlaku perselisihan antara sarjana nahu Arab dan penyebab kerumitan yang ada pada nahu sehingga timbulan rungutan dan aduan tentangnya (2000:262).

Pada fasa ketiga perkembangan *al-ta'li:l*, sarjana nahu Arab mula mengklasifikasikan *‘illat* yang menjadi unsur utama dalam *al-ta'li:l*. Pelbagai istilah digunakan bagi melambangkan jenis-jenis *‘illat*. Menurut Khaṣid al-Kindi:, kebanyakan sarjana nahu Arab tradisional membahagikan *‘illat* kepada dua. Jenis pertama ialah *‘illat muṭtaridat* iaitu sebab secara langsung yang mudah dan tidak hakiki bagi satu-satu keadaan yang didapati dalam percakapan sama ada ianya berbentuk *maqa:liyyat* (tanda secara lafzi atau maknawi) atau *maqa:miyyat*. Sebagai contoh perkataan حَضْرَ زَيْدٌ dalam ayat

(telah hadir Zaid), *marfu*: ‘ adalah kerana ia merupakan pelaku. ‘*Illat* ini mesti diajar kepada para pelajar agar mampu mempelajari bahasa Arab (2007:126). Jenis pertama ini juga disebut ‘*illat* pertama atau ‘*illat ta ‘li:miyyat* (Kha:lid al-Kindi:, 2007:177).

‘*Illat* jenis kedua ialah ‘*illat hikmiyyat* iaitu sebab hakiki yang menjadikan satu-satu fenomena itu benar-benar wujud. ‘*Illat* ini bergantung pada kelahiran fenomena bahasa dan merupakan perkara metafizik yang tidak boleh didapati dalam perkataan. Sebagai contoh apabila sarjana nahu mengatakan bahawa sebab pelaku menjadi *raf* dengan *dammat* ialah kerana *raf* merupakan hukum *i’ra:b* yang paling kuat, dan *dammat* pula merupakan harakat yang paling kuat. Maka diberikan *dammat* kepada *raf* (ibid, 2007:126). ‘*Illat* ini juga disebut sebagai ‘*illat qiya:siyyat* , ‘*illat* kedua, atau ‘*illat al-illat* (ibid,2007:177).

Namun terdapat juga sarjana nahu Arab seperti al-Zajja:jiyy yang membahagikan ‘*illat* kepada tiga iaitu ‘*illat ta ‘li:miyyat*, ‘*illat qiya:siyyat* , dan ‘*illat jadaliyyat naṣariyyat* (1978:64). ‘*Illat ta ‘li:miyyat* merupakan ‘*illat* yang membantu dalam mempelajari bahasa Arab. Manakala *illat qiya:siyyat* ialah ‘*illat* yang menyamakan sebahagian kata dengan sebahagian yang lain kerana wujud persamaan dari sudut lafzi atau maknawi manakala ‘*illat jadaliyyat naṣariyyat* ialah ‘*illat* selepas *illat qiya:siyyat* (Hasan al-Mulkh, 2000:54-55). Perbezaan antara ketiga-tiga jenis ‘*illat* ini boleh dilihat berdasarkan contoh yang diberi oleh al-Zajja:jiyy dalam ayat ﴿إِنْ زَيْدًا قَائِمٌ﴾ (sesungguhnya Zaid sedang berdiri)(1978:64-65). Perbezaan tersebut boleh dilihat dalam jadual dibawah:

Jadual 2.1: Perbezaan ketiga-tiga jenis ‘*illat*

| Jenis | ‘ <i>Illat Ta ‘li:miyyat</i> | ‘ <i>Illat Qiya:siyyat</i> | ‘ <i>Illat Jadaliyyat Naṣariyyat</i> |
|--------|---|------------------------------|---|
| Contoh | Perkataan زَيْدًا mansi: b kerana إِنْ | إِنْ menjadikan kata namanya | Mencari sebab bagi soalan-soalan selepas ‘ <i>illat qiya:siyyat</i> |

Jadual 2.1, sambungan

| Jenis | <i>'Illat Ta'li:miyyat'</i> | <i>'Illat Qiya:siyyat'</i> | <i>'Illat Jadaliyyat Nazariyyat'</i> |
|-------|-----------------------------|---|---|
| | | <i>mansu:b</i> kerana ia menyerupai kata kerja <i>muta 'addi:</i> | seperti dari sudut apa ^{إِنْ} menyerupai kata kerja <i>muta 'addi:</i> , kata kerja manakah yang disamakan dengan ^{إِنْ} kala lampau, kala kini, atau kata kerja perintah dan sebagainya. |

Hasan al-Mulkh menyimpulkan bahawa *'illat ta'li:miyyat'* menjelaskan persamaan dalam satu bab nahu, manakala *'illat qiya:siyyat'*, dan *'illat jadaliyyat nazariyyat'* menjelaskan persamaan antara dua bab nahu atau lebih. *'illat ta'li:miyyat'* bersandarkan pada perkataan yang disebut secara nyata, manakala *'illat qiya:siyyat'*, dan *'illat jadaliyyat nazariyyat'* bersandarkan pada pemerhatian akal terhadap frasa kata dan ayat. (2000:55).

2.1.3 *al-Qiya:s*

Menurut al-Anba:ri: dalam Maḥmu:d Fajja:l (1989:175), *al-qiya:s* ialah

" حَمْلُ فَرْعَعٍ عَلَى أَصْلٍ بَعْلَةٍ وَإِجْرَاءٌ حُكْمٌ الْأَصْلٌ عَلَى الْفَرْعَعِ ".
"membawa perkara cabang kepada perkara asal berdasarkan 'illat dan melaksanakan hukum perkara asal ke atas perkara cabang."

Definisi di atas menunjukkan bahawa untuk menjalankan *al-qiya:s*, terdapat empat rukun iaitu perkara asal, perkara cabang, sebab dan hukum. *al-Qiya:s* merupakan sumber nahu yang kedua sehingga dikatakan oleh al-Kisa:’i: dalam puisinya

إِنَّمَا النَّحُو قِيَامٌ يَتَّبِعُ

وَبِهِ فِي كُلِّ أَمْرٍ يُتَّسِّعُ

Sesungguhnya nahu itu *qiyas* yang diikuti
dan dengannya setiap perkara dimanfaatkan (*al-Qaftiyy*, 1989:2/267)

Peranan *al-qiya:s* dalam nahu tidak dapat dinafikan. Abu: 'Ali: dalam Maḥmu:d Fajja:l mengatakan bahawa nahu merupakan ilmu yang mempunyai neraca atau ukuran (*maqa:yi:s*) yang dikeluarkan daripada hasil kajian dan analisis (*istiqra:*') sumber *al-sama:* ' (1989:176). Sejajar dengan perkembangan nahu, sarjana nahu tradisional mula berlebih-lebihan dalam *al-qiya:s* sehingga perbahasan nahu menjadi sangat luas dan bercabang-cabang. Menurut Muḥammad 'I:d, ini kerana *al-qiya:s* berkaitan dengan akal dan pemikiran dan ia sebahagian daripada logik akal (1989:71). Berlebih-lebihan dalam *al-qiya:s* dikatakan antara faktor yang menjadikan nahu susah (Sa:diq Dabba:s, 2008:91 & Abdullah al-Kari:m, 2004:190).

2.1.4 *al-'A:mil*

Menurut 'Abd al-Ḥami:d Tilb '*a:mil* ialah

"مَا يُحَدِّثُ الْأَثَرُ إِلَّا عَرَبِيٌّ فِي الْكَلِمَةِ لَفْظًا أَوْ مَحَالً، ظَاهِرًا أَوْ مُقَدَّرًا"
"apa yang mencetuskan kesan *i'ra:b* pada perkataan sama ada pada lafaznya atau pada tempatnya, secara zahir atau secara andaian" (t.t: 282)

Daripada definisi ini dapat disimpulkan bahawa kata dalam bahasa Arab memberi kesan antara satu sama lain dan dizahirkan pada kesan *i'ra:b* atau fleksi pada perkataan itu. '*A:mil* inilah yang digunakan oleh sarjana nahu Arab untuk mentafsirkan sistem *i'ra:b* dan mengukuhkan kaedah-kaedah nahu yang membawa kepada penggunaan *al-qiya:s* dan mengeluarkan *illat* (Muhammad al-Mukhta:r, 1996: 31).


‘A:mil yang dicetuskan oleh al-Khali:l ini terus berkembang sehingga ia menjadi antara topik utama yang mencetuskan perbahasan dan perselisihan antara sarjana nahu Arab. Pandangan yang berbeza tentang ‘a:mil juga antara penyebab berlaku perbezaan dalam banyak masalah nahu antara aliran nahu Basrah dan Kufah (Abd al-Hami:d Tilb, t.t :282).

Sebagai contoh, aliran nahu Basrah yang banyak terkesan dengan falsafah dan ilmu kalam telah mempraktikkan kedua-duanya dalam meletakkan beberapa prinsip asas bagi ‘a:mil iaitu (ibid,t.t :281-282):

- 1- tiada *ma ‘mu:l* tanpa kewujudan ‘a:mil
- 2- dua ‘a:mil tidak akan berkumpul pada satu *ma ‘mu:l*
- 3- setiap *ma ‘mu:l* mesti mempunyai ‘a:mil yang boleh dilihat secara zahir dalam ayat, jika tidak para sarjana mesti mengandaikan kewujudan ‘a:mil tersebut (*al-taqdi:r*).
- 4- *ma ‘mu:l* mesti berada selepas ‘a:mil.

Kedua-dua aliran nahu ini bersepakat mengatakan bahawa terdapat dua jenis ‘a:mil iaitu ‘a:mil *lafzīyy* dan ‘a:mil *ma ‘nawiyy*. ‘A:mil *lafzīyy* ialah ‘a:mil yang dapat dikesan secara zahir dalam bentuk lafaz atau kata yang ada dalam ayat. ‘A:mil *lafzīyy* ada tiga dan jika disusun mengikut kekuatan ia ialah kata kerja, kata nama, dan kata tugas (Abd al-Hami:d Tilb, t.t: 283). Manakala ‘a:mil *ma ‘nawiyy* pula ialah ‘a:mil yang tidak wujud secara zahir pada kata dalam ayat akan tetapi para sarjana mengandaikan kewujudan peranannya (ibid,t.t :303-304). Jenis- jenis ‘a:mil *ma ‘nawiyy* ini berbeza antara aliran nahu Basrah dengan aliran nahu Kufah (Abd al-Hami:d Tilb,t.t:304-309).

Ia boleh dilihat pada rajah berikut:



Rajah 2.1: ‘A:mil Ma’nawiyy

Şa:diq Fawzi: Daba:s dalam artikelnya *Juhu:d ‘Ulama:’ al- ‘Arabiyyat Fi: Tayṣi:r al-Nahw Wa Tajdi:dih* telah menyatakan antara perkara yang menyebabkan kerumitan pada ilmu nahu Arab ialah ‘a:mil. Sarjana nahu Arab tradisional saling berdebat tentang ‘a:mil sehingga menimbulkan pelbagai pendapat tentangnya. Perdebatan ini menyebabkan ilmu nahu telah tersasar daripada objektifnya iaitu mengelakkan berlaku kesilapan dalam penggunaan bahasa (2008:88-89).

Penekanan yang melampau dalam isu ‘a:mil menyebabkan aspek makna dan cara membentuk ayat terabai. Makna yang dikehendaki daripada satu-satu ayat juga banyak yang berubah kerana *ta’wi:l* hasil penekanan terhadap ‘a:mil. Sebagai contoh ayat yang menggunakan uslub *insha:’yy*, ﴿يَعْلَمٰ﴾ (wahai Ali) bertukar kepada uslub *khabariyy* apabila sarjana nahu membuat *ta’wi:l* kewujudan kata kerja kala kini أَدْعُو (saya

memanggil) sebagai ‘*a:mil* seolah-olah ayat tersebut ialah أَدْعُو عَلَيْا (saya memanggil Ali)(Ḫadiq Daba:s, 2008:89).

Penyusunan tajuk-tajuk nahu yang berasaskan ‘*a:mil* juga menyebabkan tajuk-tajuk yang serupa diletakkan dalam bab-bab yang berlainan. Sebagai contoh partikel dan kata tugas untuk penafian, كَانَ وَأَخْوَاتُهَا لَيْسَ diletakkan dalam bab khas untuknya, لَكِنْ dalam bab partikel *al-naṣb*, لَمْ dalam partikel *al-jazm*, manakala لَا yang sepatutnya menjadi tonggak dalam kata tugas penafian diletakkan dalam bab kata tugas *muhmalat* (ibid, 2008:89-90).

Selain itu, ‘*a:mil* juga menyebabkan sarjana nahu Arab mengklasifikasikan kata tugas mengikut pengkhususan sama ada kata tugas khusus untuk kata kerja, kata nama, atau kedua-duanya sekali. Partikel-partikel ini merupakan ‘*a:mil* bagi pengkhususan masing-masing. Pengkhususan ini juga menyebabkan berlakunya *ta'wi:l* sebagai contoh sarjana nahu aliran Basrah membuat *ta'wi:l* kewujudan لَمْ selepas أَنَّ النَّاصِيَةَ seperti dalam ayat حَتَّى لِأَدْرُسَ التَّعْلِيل (saya telah datang untuk belajar). Ini kerana bagi mereka لَمْ khusus untuk kata nama dan tidak boleh menjadi “‘*a:mil* yang menjadikan kata kerja kala kini *mansu:b*. Oleh itu, untuk menjelaskan keadaan kata kerja kini yang mansub dalam contoh ayat tersebut mereka membuat *ta'wi:l* kewujudan لَمْ التَّعْلِيل selepas أَنَّ النَّاصِيَةَ (ibid, 2008 :90).

2.1.5 *al-Ta'wi:l*

Menurut Ibn Ṭayyib al-Fa:si: *al-ta'wi:l* ialah

”حَمْلُ الْفَظْرِ عَلَى مُخَالَفِ الظَّاهِرِ لِلْكَلِيلِ“

”membawa sesuatu perkataan pada perkara yang bertentangan secara zahir kerana terdapat dalil yang menunjukkannya“ (2002:1019/2)

Apabila sesuatu ayat itu pada zahirnya dilihat bertentangan dengan kaedah nahu yang telah ditetapkan, para sarjana nahu cenderung kepada *al-ta'wi:l* agar pertentangan itu dapat diselesaikan dan kembali menepati kaedah dan hukum nahu (Muhammad I:d, 1989:156). Walaubagaimanapun, berdasarkan definisi yang diberikan oleh Ibn Tayyib al-Fa:si: itu, *al-ta'wi:l* tidak boleh dibuat sesuka hati tanpa dalil.

Menurut Fala:h al-Fahdi: dalam tesis beliau *al-Ta'wi:l al-Naḥwi: Fi: al-Hadi:th al-Shari:f*, *al-ta'wi:l* banyak digunakan pada mulanya oleh sarjana usul fiqh dan sarjana tafsir untuk mentafsirkan nas-nas al-Quran (2006:6). *al-Ta'wi:l* mula berkembang dalam ilmu nahu seiring dengan perkembangan *al-ta'li:l*. Menurut Ḥasan al-Mulkh *al-ta'wi:l* merupakan antara ciri-ciri *al-ta'li:l* pada fasa pertama perkembangannya dan Ibn Abi Isḥaq hanya menggunakannya sekadar حَمَلَ عَلَى الْمَعْنَى iaitu penjelasan berdasarkan makna sahaja tidak lebih daripada itu (2000:38).

al-Ta'wi:l juga mempunyai ciri-cirinya. Antara ciri-ciri yang telah disenaraikan oleh Ibn Jinni: ialah *al-hazf*, *al-ziya:dat*, *al-taqdi:m*, *al-ta'khi:r*, *al-haml 'ala al-ma'na:*, dan *al-taḥri:f* (2000: 2/360). Abdullah Ḥamid menambah dua lagi ciri iaitu *al-taqdi:r* dan *al-iḍma:r* (2010:135).

2.1.6 Sistem *I'ra:b*

al-I'ra:b ialah kesan pada akhir perkataan yang dicetuskan oleh 'a:mil (Mustafa: al-Għala:yi:ni:,1999:18). Ia terbahagi kepada tiga bahagian iaitu *i'ra:b lafżiyy*, *i'ra:b taqdi:riyy*, dan *i'ra:b maħalliy* (ibid,1999:22).

a) *I'ra:b Lafz̄iyy*

I'ra:b lafz̄iyy ialah kesan yang boleh dilihat secara zahir pada akhir perkataan yang disebabkan oleh '*a:mil*'. Ia berlaku pada perkataan yang *mu'rab* yang tidak *mu'tal* pada akhir perkataan (Mustafa: al-Ghala:yi:ni:,1999:22).

b) *I'ra:b Taqdiriy*

I'ra:b taqdiriy kesan yang tidak boleh dilihat secara zahir pada akhir perkataan. Oleh itu, barisnya menjadi *muqaddarat* kerana tidak dapat dilihat. Ia berlaku pada perkataan yang *mu'rab* tetapi *mu'tal* pada akhir perkataan (ibid,1999:23).

c) *I'ra:b Maḥalliy*

I'ra:b maḥalliy ialah perubahan yang diandaikan disebabkan oleh '*a:mil*'. Ia bukanlah i'ra:b secara zahir yang boleh dilihat dan bukan juga *muqaddar*. Ia berlaku pada perkataan yang *mabniyy* dan juga pada ayat yang disebut (*jumal mahkiyyat*) (ibid,1999:27-28).

2.2 Teori Nahu Ibn Maḍā:

Ibn Maḍā:' merupakan seorang sarjana Arab yang hidup dalam kurun keenam hijrah pada era kegembilangan Islam di Andalus. Beliau dilahirkan pada tahun 512 hijrah di Cordova dan meninggal dunia di Seville pada tahun 592 hijrah (Muhammad 'I:d, 1989:38).

Dalam karya beliau iaitu *al-Radd 'Ala: al-Nuḥa:t*, Ibn Maḍā:' telah mengemukakan teori nahu yang bertentangan dengan teori nahu Arab tradisional. Beliau menolak penggunaan akal dan *ta'wi:l* yang digunakan oleh sarjana nahu. Beliau melihat ilmu

nahu Arab dipenuhi dengan unsur-unsur falsafah yang digunakan oleh sarjana nahu Arab bertujuan untuk berdebat dan menunjuk-nunjuk antara satu sama lain (Rabi:h Ammar, 2009: t.m.s).

Apa yang dikemukakan ini merupakan kesan pengaruh mazhab fekah yang dipegang oleh beliau iaitu *al-Za:hiriyy*. Ia merupakan mazhab yang menolak *ta'wi:l*, *ta'li:l* dan pendapat akal dalam memahami nas Al-Quran dan hadis bagi mengeluarkan sesuatu hukum fekah. Bagi mereka penggunaan *ta'wi:l*, *ta'li:l* dan *qiya:s* dalam memahami nas merupakan pengaruh mantik dan falsafah (Muhammad 'I:d, 1989:57).

Shawqi: Dayf (Ibnu Mađa:', 1988: 24-46) dalam pendahuluan buku *al-Radd 'Ala: al-Nuha:t* yang disuntingnya telah menyimpulkan empat asas teori nahu Ibnu Mađa:' iaitu :

- 1- memansuhkan teori '*a:mil*
- 2- memansuhkan '*illat* kedua dan ketiga
- 3- memansuhkan *al-qiya:s*
- 4- memansuhkan latihan yang tidak praktikal

Manakala Fađi: Şaqr dalam disertasi sarjana beliau iaitu *Juhu:d Nuha:t al-Andalus Fi: al-Taysi:r al-Naħw al-'Arabiyy* (2006: 115-126) menyatakan enam asas teori Ibnu Mađa:' iaitu:

- 1- memansuhkan teori '*a:mil*
- 2-menolak *taqdi:r* atau andaian kewujudan '*a:mil* yang digugurkan
- 3- memansuhkan '*illat* kedua dan ketiga
- 4- memansuhkan *al-qiya:s*
- 5-memansuhkan latihan yang tidak praktikal
- 6- memansuhkan perbincangan yang tidak memberi faedah pada sebutan yang betul

Walaubagaimanapun, setelah meneliti buku Ibn Mađa:’, *al-Radd ‘Ala: al-Nuḥa:t*, pengkaji cenderung untuk memilih pendapat Shawqi: Ḥayf yang mengatakan asas teori Ibnu Mađa:’ adalah empat. Asas kedua yang dinyatakan oleh Fađi: Ṣaqr masih dikira sebagai asas satu kerana ia berkaitan dengan pemansuhan teori ‘*a:mil*. Manakala asas keenam seperti yang dinyatakan Fađi: Ṣaqr sebenarnya merupakan kesimpulan yang dibuat oleh Ibn Mađa:’ dalam bukunya. Dalam kesimpulan tersebut Ibn Mađa:’ menyarankan agar perbezaan pendapat antara sarjana nahu dalam perkara yang tidak memberi faedah pada sebutan yang betul dimansuhkan seperti isu ‘*illat* yang menyebabkan pelaku *marfu*’, ‘*ilat* kedua dan sebagainya.

2.2.1 Memansuhkan Teori ‘*A:mil*

Ibn Mađa:’ menolak teori ‘*a:mil* kerana ia berkait rapat dengan konsep *al-ta’thi:r* dan *al-ta’ththur* (mempengaruhi dan dipengaruhi) yang merupakan elemen falsafah (Muhammad I:d, 1989:213). Pendapat yang mengatakan perkataan yang mencetuskan *i’ra:b* menyalahi akal dan syarak. ‘*A:mil* mesti digugurkan daripada ilmu nahu kerana ia tidak diperlukan (Ibn Mađa:’, 1988:76-77).

Ibn Mađa:’ juga tidak sehaluan dengan sarjana nahu Arab yang lain dalam isu mengandaikan kewujudan ‘*a:mil* yang digugurkan. Menurut beliau menyandarkan sesuatu tugas pada sesuatu yang tidak wujud adalah mustahil. Andaian ini menyebabkan berlaku penambahan perkataan yang tidak dilafazkan oleh penutur dan jika ia berlaku pada kalamullah maka telah jatuh hukum haram (ibid, 1988: 81)

Beberapa contoh yang berkait dengan mengandaikan kewujudan ‘*a:mil* yang digugurkan telah ditolak oleh Ibn Mađa:’. Menurut beliau ayat-ayat ini telah sempurna dan difahami maknanya.tetapi kerana teori ‘*a:mil* sarjana nahu membebangkan diri

dengan mengandaikan sesuatu yang tiada. Antara contoh yang dinyatakan oleh beliau (Ibn Mađa:, 1988:78-80):

1- apabila ditanya (لَمْنَ رَأَيْتُهُ يُعْطِيَ النَّاسُ) siapa yang awak lihat sepatutnya orang ramai memberikan kepadanya?) Maka di jawab زَيْدًا (Zaid). Tidak perlu mengandaikan kewujudan kata kerja perintah yang digugurkan iaitu أَعْطَ (berikan) seperti yang dibuat oleh sarjana nahu yang berpegang dengan teori ‘*a:mil*’.

2- tidak perlu mengandaikan kata kerja kala lampau ضَرَبَتْ (awak telah memukul) dalam ayat أَزَيْدًا ضَرَبَتْهُ (adakah Zaid yang awak telah memukulnya?).

3-menolak pendapat sarjana yang mengandaikan bahawa *muna:da:* عبد الله dalam ayat seruan يَا عبدَ الله (wahai Abdullah) *mansu:b* kerana ia adalah objek bagi kata kerja kala kini أَنْادِيْ (saya menyeru).

4- kata tugas وَالْمَعْيَةُ فَاءُ السَّبَقَةِ menjadikan kata kerja kala kini *mansūb* tanpa perlu mengandaikan kewujudan kata tugas lain iaitu أَنْ. Contoh ini juga diterangkan dengan panjang lebar dalam satu bahagian khas untuk kedua-dua kata tugas ini.

5- menolak *taqdi:r ta 'lluq al-majru:ra:t*

Sarjana nahu Arab menyatakan sekiranya *huru:f al-jarr* dalam ayat yang mengandungi *al-majru:ra:t* bukan merupakan kata tugas tambahan, maka ia memerlukan ‘*a:mil*’ untuk berperanan. Jika ‘*a:mil*’ tersebut tidak wujud secara zahir dan jelas dalam ayat, maka ia diandaikan wujud secara tersembunyi. Contoh ayat-ayat tersebut ialah :

a) زَيْدٌ فِي الدَّارِ (Zaid di dalam rumah). Diandaikan ‘*a:mil*’ tersembunyi iaitu مُسْتَقِرٌ (berada) sebagai predikat dalam ayat ini.

b) رَأَيْتُ الَّذِي فِي الدَّارِ (Saya telah melihat orang yang di dalam rumah). Diandaikan ‘*a:mil*’ tersembunyi iaitu اسْتَقَرَ (telah berada) sebagai *silat* dalam ayat ini.

c) مَرَرْتُ بِرَجُلٍ مِّنْ قُرَيْشٍ (Saya telah berjalan bersama seorang lelaki dari Quraisy) Diandaikan ‘*a:mil*’ tersembunyi iaitu كَائِنٌ (yang berasal) sebagai adjektif dalam ayat ini.

d) رَأَى زَيْدٌ فِي الدَّارِ الْمِلَالَ فِي السَّمَاءِ (Zaid telah melihat dari dalam rumah bulan sabit di langit). Diandaikan ‘*a:mil* tersembunyi iaitu (berada) sebagai *ha:l* dalam ayat ini.

Menurut Ibn Mađa:’, andaian sebegitu terjadi kerana prinsip dalam teori ‘*a:mil*. Jika ia dibatalkan, maka ayat-ayat tersebut tidak lagi memerlukan andaian sebegitu kerana kesemuanya telah sempurna dan difahami (Ibn Mađa:’, 1988:87).

6- menolak *al-dama:’ir al-mustatirat* (kata ganti nama tersembunyi) dalam *al-mushtaqqa:t*

Dalam ayat yang mana *al-mushtaqqa:t* berfungsi seperti kata kerja seperti زَيْدٌ ضَارِبٌ (Zaid memukul Amr), tidak perlu mengandaikan *al-dama:’ir al-mustatirat* iaitu هُوَ ضَارِبٌ sebagai pelaku. Perkataan ضَارِبٌ telah menunjukkan makna perbuatan memukul dan pelaku serentak.

7- menolak *al-dama:’ir al-mustatirat* (kata ganti nama tersembunyi) dalam kata kerja
Menurut Ibn Mađa:’, pelaku dalam ayat namaan seperti زَيْدٌ قَامَ (Zaid telah berdiri) ditunjukkan oleh kata kerja قَامَ itu sendiri. Bagi kata kerja seperti أَعْلَمُ telah diketahui daripada kata kerja itu sendiri bahawa pelakunya ialah saya, تَعْلَمُ pelakunya ialah kami, تَعْلَمُ pelakunya ialah awak bagi lelaki dan dia untuk perempuan. Oleh itu tidak perlu mengandaikan *al-dama:’ir al-mustatirat* sebagai pelaku. Begitu juga pelaku dalam قَاماً، يَقُولُونَ ditunjukkan oleh kata kerja itu sendiri. Bagi Ibn Mađa:’, huruf alif pada perkataan tersebut menunjukkan makna duaan dan huruf wau pula menunjukkan makna jamak (ibid, 1988:90-93). Dalam isu ini Ibn Mađa:’ berpendapat bahawa kata kerja mengandungi pelaku sebagaimana ia mengandungi makna peristiwa dan masa (ibid, 1988:90-91).

8- bab *al-Tana:zu*‘

Dalam ayat قَامَ وَقَعَدَ زَيْدٌ (telah berdiri dan telah duduk Zaid) terdapat dua kata kerja dan satu pelaku seolah-olah berlaku *tana:zu*‘(perebutan) pelaku bagi kata kerja tersebut.

Sarjana nahu berdebat tentang kata kerja yang manakah yang paling layak untuk pelaku tersebut dan siapakah pelaku bagi kata kerja yang tertinggal.

Ibn Mađa:’ tidak berbeza pendapat dengan sarjana nahu Arab yang lain dalam bab ini kecuali pada satu perkara. Oleh kerana beliau telah menolak teori ‘*a:mil*’, dalam bab *al-tana:zu*’ beliau berbeza dengan sarjana nahu yang lain apabila beliau menggunakan istilah عَلَقْتُ (saya telah mengaitkan) bukan أَعْمَلْتُ (saya telah menjadikannya berperanan)(1988:94).

Dalam isu ini, Ibn Mađa:’ mengaitkan atau mengikat (*ta’li:q*) pelaku yang jelas itu dengan kata kerja yang kedua. Beliau juga menyokong pendapat al-Kisa:’i: yang mengatakan pelaku bagi kata kerja pertama digugurkan (*mazhu:f*) bukan tersembunyi (*muqaddar*) seperti yang dikatakan oleh sarjana nahu aliran Basrah (1988:95).

Walaubagaimanapun, Ibn Mađa:’ telah menolak contoh-contoh yang dibuat atas andaian sarjana nahu tetapi tidak pernah didengari dalam gaya bahasa Arab terutama yang melibatkan kata kerja أَعْلَمْ وَأَعْلَمْنِي زَيْدٌ عَمِّرًا مُنْطِلِقاً seperti contoh ظَنَّ وَأَعْلَمْ (saya telah memberitahu dan saya diberitahu oleh Zaid bahawa Umar akan pergi) dan ظَنَّتْ وَأَعْلَمْنِي زَيْدٌ شَاحِصًا (saya telah menyangka dan Zaid juga telah menyangka saya ada)(1988:97-101).

9- bab *al-Ishtigha:l*

Dalam isu *al-ishtigha:l* seperti ayat زَيْدٌ ضَرَبَتْهُ \ زَيْدًا (Zaid aku telah memukulnya), Ibn Mađa:’ menolak pendapat sarjana nahu yang mengandaikan terdapat ‘*a:mil*’ tersembunyi berperanan menjadikan kata nama pada permulaan ayat tersebut *marfu:*’ atau *mansu:b*. Bagi beliau, yang menjadikan kata nama dalam ayat itu *marfu:*’ atau *mansu:b* ialah penutur itu sendiri mengikut apa yang didengari daripada Arab, فَإِنَّمَا يَرْفَعُ الْمُتَكَلِّمُ وَيَنْصُبُهُ اتَّبَاعًا لِكَلَامِ الْعَرَبِ (ibid, 1988:106). Daripada kata-kata Ibn Mađa:’ ini, Rabi:h ‘Amma:r dalam artikelnya *Ibn Mađa:’ Al-Qurtubiyy, Thaurat Fi: al-*

Fiq..Thaurat Fi: al-Naḥw menyimpulkan bahawa bukan ‘*a.mil* yang mencetuskan baris perkataan, dan penutur pula tidak bebas menentukan baris pertuturan mereka bahkan ia ditentukan oleh ‘urf iaitu kebiasaan masyarakat dan peraturannya yang sudah kukuh dalam minda penutur (2009: t.m.s).

Ibn Maḍa:’ juga mengkritik sarjana nahu Arab supaya tidak memanjangkan perbahasan dalam isu *al-ishtigha:l*. Perbahasan yang panjang ini telah menyebabkan mereka mereka-reka contoh yang tidak terdapat dalam gaya bahasa Arab. Bagi beliau contoh-contoh rekaan ini perlu digugurkan daripada buku nahu. Beliau juga menyarankan sarjana nahu agar mendalami perbahasan yang memberi faedah dalam membetulkan sebutan yang betul dan meninggalkannya jika ia tidak memberi faedah dalam perkara tersebut (1988:110-111).

2.2.2 Memansuhkan ‘*Illat* Kedua dan Ketiga

Ibn Maḍa:’ hanya menerima ‘*illat* pertama sahaja kerana dengannya penutur mampu mengetahui kaedah sebenar menyebut satu-satu perkataan dan ia boleh dilihat secara nyata (Rabih ‘Amma:r, 2009: t.m.s). Beliau secara jelas menolak ‘*illat* kedua dan ketiga (Ibn Maḍa:’, 1988:130).

Contoh yang diberi oleh Ibn Maḍa:’ ialah persoalan mengapakah perkataan ^{عَزَّ} dalam ayat berikut ^{عَزَّ} قَامَ زَيْدٌ (telah bangun Zaid) *marfu:* ? ‘*Illat* pertama yang boleh diterima ialah kerana perkataan tersebut ialah pelaku dan semua pelaku adalah *marfu:* . Jika ditanya lagi mengapakah pelaku *marfu:* ? Maka hendaklah dijawab begitulah yang disebut oleh orang Arab dan telah terbukti melalui penelitian terhadap nas yang mutawatir. Tidak perlu menggunakan ‘*illat* kedua dan ketiga dengan menjawab pelaku *marfu:* ‘ untuk membezakannya dengan objek kerana ia akan mencetuskan persoalan lain yang berpanjangan (*ibid*,1988:130).

2.2.3 Memansuhkan *al-Qiya:s*

Menurut Muhammad I:d (1989:83) , Ibn Mađa:’ menolak apa yang dikategorikan sebagai *al-qiya:s al-‘aqli:* iaitu *qiya:s* hukum suatu perkara ke atas perkara lain kerana terdapat persamaan. Dalam *qiya:s* kategori ini, terdapat peranan logik akal untuk menentukan persamaan tersebut dan mewujudkan hubungan antara hukum.

Menurut Ibn Mađa:’ (1988:134),

وَالْأَرَبُ أُمَّةٌ حَكِيمَةٌ، فَكَيْفَ تُشَبِّهُ شَيْئاً بِشَيْئٍ، وَتَحْكُمُ عَلَيْهِ بِحُكْمِهِ، وَعَلَيْهِ حُكْمُ الْأَصْلِ
غَيْرُ مَوْجُودَةٍ فِي الْفَرْعِ.¹

"Orang Arab merupakan bangsa yang bijaksana, maka bagaimana mereka boleh menyamakan antara satu perkara dengan perkara lain dan menghukumnya dengan hukum tersebut sedangkan sebab (*illat*) hukum perkara asal tidak terdapat dalam perkara cabang."

Daripada kata-kata ini. Muhammad I:d membuat kesimpulan bahawa Ibn Mađa:’ menolak *al-qiya:s* kerana dua sebab. Sebab pertama; orang Arab tidak mengatakan sedemikian dan kedua persamaan antara dua perkara yang dikiaskan tidak sempurna. Ketidaksempurnaan ini adalah kerana ‘*illat* hukum perkara yang asal tidak ada pada perkara cabang (1989: 85) .

Antara contoh *al-qiya:s* yang ditolak oleh Ibn Mađa:’ ialah menyamakan إِنْ dan golongannya dengan kata kerja *muta‘ddi:* (1988:135). Sarjana nahu mengkiaskan إِنْ dan golongannya dengan kata kerja *muta‘ddi:* kerana partikel tersebut menjadikan kata namanya *mansu:b* sebagaimana kata kerja menjadikan objeknya *mansu:b*. Bagi Ibn Mađa:’ *qiya:s* tersebut tidak boleh diterima kerana tiada kesamaan ‘*illat* antara kedua perkara tersebut.

2.2.4 Memansuhkan Latihan Yang Tidak Praktikal

Latihan-latihan yang dibuat dengan cara mengkiaskannya kepada satu-satu kaedah tertentu tetapi diakhirnya menghasilkan pola yang tidak digunakan oleh orang Arab dianggap sebagai latihan yang tidak praktikal dan mesti dimansuhkan. Contoh yang diberikan oleh Ibn Mađa:’ ialah, "Bina daripada perkataan الْبَيْعُ contoh bagi pola فعلٌ", maka akan ada yang mengatakan بُوْغْ و ada yang mengatakan بَعْسَ dengan hujah masing-masing. Latihan seperti ini dianggap tidak praktikal kerana kedua-dua contoh yang terbentuk daripada pola tersebut tidak digunakan oleh orang Arab (1988: 138).

Pada akhir buku beliau, Ibn Mađa:’ menyeru agar perbezaan pendapat antara sarjana nahu dalam perkara yang tidak memberi faedah pada sebutan dimansuhkan. Namun begitu, teori Ibn Mađa:’ ini tidak mendapat sambutan dalam kalangan sarjana nahu Arab yang sezaman dengan beliau kecuali sebilangan kecil. Teori yang dikemukakan oleh beliau ini dilihat agak sukar dan mustahil kerana ia diibaratkan sebagai bertentangan dengan pendapat majoriti sarjana nahu (Rabi:ḥ Amma:r, 2009: t.m.s).

Namun begitu teori beliau ini mula dilihat kembali oleh sarjana nahu Arab moden. Antara yang paling berminat dengan teori Ibn Mađa:’ ini ialah Shawqi: Dayf. Beliau merupakan penyunting buku yang mengandungi teori Ibn Mađa:’ ini iaitu *al-Radd ‘Ala: al-Nuḥa:t*. Selain Shawqi: Dayf, Ani:s Furaiḥat juga mengagumi teori Ibn Mađa:’. Beliau melihat Ibn Mađa:’ telah mendahului sarjana Barat dalam mempelopori linguistik deskriptif. Ani:s Furayḥat telah mengiktiraf Ibn Mađa:’ sebagai salah seorang pengasas linguistik deskriptif selain daripada Ibn Jinni: (dlm Rabi:ḥ Amma:r, 2009: t.m.s). Rabi:ḥ Amma:r dalam artikelnya ini juga menyatakan bahawa beliau mendapati kebanyakan usaha-usaha simplifikasi nahu Arab pada zaman moden ini adalah hasil penelitian sarjana nahu moden terhadap teori Ibn Mađa:’ (2009:t.m.s).

2.3 Simplifikasi Nahu Arab

Simplifikasi nahu Arab merupakan satu fenomena yang berlaku dalam perkembangan bahasa Arab. Usaha-usaha simplifikasi ini dilihat telah wujud sejak zaman sarjana nahu Arab tradisional lagi iaitu dengan cara penghasilan buku nahu khusus untuk para pelajar yang mempunyai ciri-ciri ringkas, mudah, berasaskan pemeringkatan dan penyaringan. Contoh-contoh buku tersebut ialah *al-Jumal* oleh al-Zajjaji:, *al-Luma'* oleh Ibn Jinni:, dan *Qaṭr al-Nada:* oleh Ibn Hisha:m (Muhammad Sa:ri:, 2001:6-7).

Namun ada antara sarjana nahu moden berpendapat bahawa simplifikasi bukan hanya ringkasan dan menggugurkan penerangan dan penjelasan yang panjang lebar. Bagi Muhammad Sa:ri: simplifikasi merupakan persembahan tajuk-tajuk nahu dengan cara baru iaitu menukar bahan mentah yang terkandung dalam ringkasan buku-buku nahu kepada bahan pendidikan yang hidup dan sesuai digunakan (2001:8).

Manakala 'Abdullah al-Kari:m berpendapat simplifikasi mestilah membolehkan pelajar-pelajar memahami tajuk-tajuk nahu yang dipersembahkan dalam bentuk baru dan meliputi pembaikian menyeluruh serta membebaskan nahu daripada unsur-unsur falsafah dan mantik (2004:157). Muhammad al-Mukhta:r (1996:26) dalam buku beliau *Ta:ri:kh al-Naḥw al-'Arabiyy* telah meletakkan usaha simplifikasi nahu Arab dalam peringkat ketujuh dalam perkembangan ilmu nahu iaitu peringkat reformasi dan simplifikasi yang berlaku pada zaman moden seolah-olah menunjukkan bahawa apa yang dilakukan oleh sarjana nahu Arab tradisional dengan cara meringkaskan buku nahu bukan simplifikasi.

Menurut Sami:r Abu: 'Absiyy, simplifikasi nahu Arab ini merupakan salah satu usaha pemodenan bahasa Arab. Pemodenan ini pula berlaku kesan kebangkitan Arab (*Arab*

Renaissance) yang bermula di Mesir dan Syria pada abad kesembilan belas kerana kesedaran politik dan pendidikan. Era baru ini adalah hasil interaksi dunia Arab dengan Barat bermula dengan ekspedisi Napoleon ke Mesir dan diteruskan oleh Muḥammad ‘Ali dengan menghantar pelajar-pelajar ke Perancis (1986:337).

Sarjana nahu Arab moden menggunakan pelbagai istilah bagi mewakili usaha-usaha simplifikasi mereka seperti *al-taysi:r*, *al-tajdi:d*, *al-iṣla:h*, *al-iḥya:*', *al-ta‘di:l*, *al-ta‘ri:b*, *al-tabsi:t* (Hasan al-‘Ukayli:, 2007:79). Kepelbagaian istilah-istilah ini walau bagaimanapun merujuk kepada penilaian semula kaerah-kaerah tatabahasa yang telah diletakkan oleh sarjana nahu Arab tradisional dan usaha penyusunan semula kaerah-kaerah tersebut. Penyusunan semula ini pula mesti dalam lingkungan yang telah ditetapkan oleh sarjana nahu Arab tradisional serta masih menggunakan istilah-istilah dan pembahagian-pembahagian yang telah dibuat oleh mereka (Hasan al-‘Ukayli:,2007:82).

Hasan al-‘Ukayli: membezakan antara simplifikasi nahu iaitu *al-taysi:r* *al-naḥwiyy* dengan reformasi nahu *al-tajdi:d* *al-naḥwiyy*. Menurut beliau *al-taysi:r* *al-naḥwiyy* ialah mempersembahkan nahu yang bebas daripada ‘*ilal*, *tafri:at*, dan *ta’wi:lat* supaya ia mudah dan dapat diterima oleh minda pelajar. Manakala *al-tajdi:d* *al-naḥwiyy* pula ialah mengubah pandangan, pendekatan, dan metodologi kajian nahu yang dimanfaatkan daripada pendekatan pengajian bahasa oleh sarjana barat (Hasan al-‘Ukayli:, 2007:82).

2.3.1 Contoh-Contoh Usaha Simplifikasi Nahu

Usaha-usaha simplifikasi nahu Arab pada zaman moden bermula pada kurun kesembilan belas ialah usaha Rifa:‘at al-Tahta:wi: yang telah menulis buku *al-Tuhfat al-Maktabiyat Fi: Taqri:b al-Lughat al-‘Arabiyyat*. Isi kandungan nahu dalam buku ini dipersembahkan dalam bentuk jadual bagi memudahkan para pelajar. Terdapat empat puluh jadual dalam buku tersebut yang meliputi pelbagai tajuk nahu antaranya jadual ‘ala:ma:t al-i‘ra:b, jadual muṭa:baqat al-na‘t al-ḥaqi:qiyy wa man‘u:tih, dan jadual ḥuru:f al-‘atf (al-Tahta:wi, 2010). Pada kurun kedua puluh, usaha-usaha simplifikasi nahu Arab semakin bertambah dan kebanyakannya terkesan dengan teori nahu Ibn Maḍa:’. Usaha-usaha simplifikasi nahu Arab pada kurun ini ada yang berbentuk usaha berkumpulan dalam organisasi tertentu dan ada juga berbentuk usaha individu (‘Abdullah al-Kari:m, 2004:167).

Antara usaha-usaha simplifikasi secara berkumpulan ialah usaha jawatankuasa simplifikasi nahu Arab yang ditubuhkan oleh Kementerian Pelajaran Mesir tahun 1938, Dewan Bahasa Kaherah tahun 1945, Kesatuan Dewan Bahasa Arab tahun 1957, Dewan Ilmu Arab Damsyik tahun 1959, Dewan Ilmu Iraq tahun 1974, dan Kementerian Kebudayaan dan Seni Iraq tahun 1977. Antara cadangan jawatankuasa simplifikasi nahu Arab pada tahun 1938 ialah memansuhkan *i‘ra:b taqdi:riyy* dan *maḥalliy*, menolak pembahagian tanda *i‘ra:b* kepada tanda utama dan tanda *far‘iyyat*, dan memansuhkan *taqdi:r mut‘allaq al-żarf* dan *al-jarr wa al-majru:r* serta *dama:’ir mustatirat*. Organisasi lain selepas itu hanyalah berbentuk perbincangan terhadap cadangan-cadangan di atas dan keputusan yang muktamad tidak dapat dibuat kerana perbezaan pendapat yang berlaku dalam setiap persidangan (Hasan al-‘Ukayli:, 2007:139,143,158,170,200).

Manakala bagi usaha simplifikasi nahu Arab secara individu sangat banyak dan agak sukar untuk menentukan secara tepat bilangannya. (Hasan al-'Ukayli:, 2012:3). Hasan dalam bukunya *Muha:wala:t al-Taysi:r al-Naḥwiyy al-Hadi:that*, menyusun usaha-usaha individu ini mengikut susunan tarikh kerana susunan ini lebih menyeluruh (2012:24). Beliau telah menyenaraikan tujuh puluh enam usaha individu meliputi pelbagai pendekatan yang mereka gunakan. Dalam buku *al-Khila:f al-Naḥwiyy Fi: Dau' Muha:wala:t al-Taysi:r al-Hadi:that*, Hasan menyatakan kepelbagaiannya usaha individu dalam simplifikasi nahu Arab ini adalah kerana perbezaan pendapat antara mereka tentang beberapa isu seperti definisi nahu, teori '*a:mil*', sistem *i'ra:b*, dan masalah-masalah nahu yang lain (2008:233).

Daripada buku Hasan (2012) ini, ada antara usaha-usaha ini yang tercetus daripada kritikan terhadap teori '*a:mil*' dan prinsip-prinsip lain dalam teori nahu Arab tradisional sehingga melibatkan rombakan pada susunan bab dalam nahu. Ada juga yang membuat pembaharuan tanpa mengganggu prinsip-prinsip dalam teori nahu Arab tradisional. Terdapat juga golongan yang melampau dalam simplifikasi nahu Arab sehingga menyeru kepada penggunaan bahasa Arab '*a:mmiyat*'.

Contoh golongan yang mengkritik teori '*a:mil*' dalam nahu dalam kalangan sarjana nahu moden yang berusaha dalam simplifikasi nahu Arab antaranya ialah Ibra:hi:m Muṣṭafa: yang menulis buku *Iḥyā:’ al-Naḥw* pada tahun 1937. Dalam buku ini, beliau melihat sistem *i'ra:b* dari sudut makna bukan '*a:mil*' (Ibra:hi:m Muṣṭafa:, 1992:41-42). Beliau bersetuju dengan pendapat 'Abd al-Qa:hir al-Jurja:niyy tentang kaitan teori *al-Nazm* dengan makna nahu dan menjadikannya satu pendekatan baru dalam kajian nahu (ibid, 1992:18-20).

Shawqi: Dayf juga antara sarjana yang termasuk dalam golongan ini. Idea untuk simplifikasi nahu bermula selepas beliau menyunting buku Ibn Mađa:’ iaitu *al-Radd ‘Ala: al-Nuha:t* pada tahun 1947. Beliau menerangkan dalam mukadimah suntingan tersebut tentang perlunya nahu kepada susunan baru dan menjauhi teori ‘*a:mil* (1988:46-48). Ini merupakan isyarat yang jelas bahawa beliau terpengaruh dengan teori nahu Ibn Mađa:’.

Terdapat juga sarjana-sarjana nahu moden yang menolak ini teori ‘*a:mil* dalam simplifikasi nahu kerana terkesan dengan pendekatan deskriptif yang menguasai ilmu linguistik moden di Barat pada tahun 40-an. Mereka melihat bahawa pendekatan ini mampu membantu meringankan masalah dalam nahu Arab. Antara sarjana-sarjana ini ialah Tamma:m Ḥassan, ‘Abd al-Rahma:n Ayyu:b, Ani:s Furayḥat, Ibra:hi:m al-Sa:mara:’iy, dan Mahdi: Makhzu:mi: (‘Abd al-Rahma:n al-‘A:rif, 2003:166-168).

Hasan al-Ukayli: dalam artikelnya, *al-Taysi:r al-Naḥwiyy Bainā al-Muḥafazat Wa al-Tajdi:d* menyatakan bahawa antara sarjana nahu yang bersederhana dalam simplifikasi nahu Arab ialah ‘Abba:s Ḥasan. Beliau membuat pembaharuan tanpa mengganggu prinsip-prinsip dalam teori nahu Arab. Beliau tidak menolak teori ‘*a:mil* dan tidak mengubah susunan bab nahu. Prinsip beliau dalam simplifikasi nahu Arab ialah memilih pendapat-pendapat nahu yang mudah. Dalam buku beliau *al-Naḥw al-Wa:fī;* beliau membahagikan setiap bab kepada dua bahagian iaitu bahagian yang ringkas untuk para pelajar dan diikuti dengan bahagian yang lebih terperinci dalam permasalahan nahu untuk ahli akademik (2001:t.m.s).

Golongan yang melampaui dalam simplifikasi nahu pula menolak penggunaan bahasa Arab *fus̬ha:* dan menyeru kepada penggunaan bahasa Arab ‘*a:mmiya:t*. Mereka ini juga

menyeru agar sistem *i'ra:b* dalam bahasa Arab dihapuskan seperti menjadikan semua perkataan bahasa Arab *mabniyy* atau menjadikan baris akhir satu-satu perkataan *suku:n* kerana ia punca kerumitan dalam bahasa Arab. Antara pendokong pendekatan ini ialah al-Qas Ḥana: Raḥma:ni:, Qa:sim Ami:n, Sala:maṭ Mu:sa:, dan Jabr Ḏu:maṭ. Mereka ini menurut Haṣan tidak memahami tabiat bahasa Arab kerana bukan pakar dalam bidang ini dan mereka terpengaruh dengan para orientalis barat yang cuba menghapuskan bahasa Arab *fūṣḥa*: (2007:131-132).

2.3.2 Pendapat Tentang Simplifikasi Nahu

Zabyaṭ al-Ṣulayṭi: (2002) dalam bukunya *Tadri:s al-Naḥw al-'Arabiyy* menjelaskan usaha-usaha simplifikasi nahu Arab terbahagi kepada dua; pertama; penambahbaikan pada buku, melibatkan pemilihan buku yang sesuai untuk pengajaran yang memiliki ciri-ciri mudah, menyeluruh, dan ada pemeringkatan mengikut tahap pelajar dan kesediaan mereka dan kedua pada kandungan nahu itu sendiri (2002:43-44). Beliau berpendapat percubaan simplifikasi nahu Arab ini tidak bersandarkan kajian ilmiah dan tidak benar-benar memahami maksud sebenar proses simplifikasi (ibid, 2002:52).

Percubaan ini yang melibatkan pengurangan atau penambahan dan penyusunan semula bab-bab nahu Arab hanyalah sebahagian daripada proses simplifikasi. Proses ini sepatutnya meliputi penyediaan guru yang berkelayakan, penciptaan teknik moden dan bahan bantu mengajar yang baru, menjalankan kajian lapangan terhadap pelajar agar dapat memberi cadangan yang praktikal, dan melihat pandangan-pandangan pakar dalam isu ini (ibid, 2002:52).

Dalam kajian ‘Abd al-Maji:d (2008); *al-Naḥw al-‘Arabiyy*, nahu Arab menuju ke arah kemunduran kerana pelajar-pelajarnya lemah berbanding bahasa lain. Antara usaha-usaha untuk mengatasi masalah ini ialah memudahkan cara pengajaran nahu, menukar bentuk persesembahannya dalam buku, atau menukar sebahagian prinsip-prinsip nahu itu sendiri (2008:7). Namun usaha-usaha ini mendapat kritikan golongan yang pro untuk mengekalkan keaslian nahu Arab. Abd al- Maji:d cuba membuat pertimbangan antara mengekalkan keaslian nahu dengan usaha-usaha membaikinya dan memperbaharuiinya dalam kalangan sarjana klasik dan moden dalam usaha mencari penyelesaian dalam masalah pembelajarannya (2008:8).

Bagi golongan prokeaslian nahu Arab, usaha-usaha reformasi dan simplifikasi nahu Arab mempunyai motif menghancurkan bahasa Arab dan berbaur agenda Barat. Abd al-Maji:d bagaimanapun mengambil jalan tengah dengan berpandangan usaha-usaha pembaharuan ini perlu dinilai secara ilmiah untuk mengetahui apa yang boleh memberi faedah dan apa yang perlu dibaiki (2008:9). Kesimpulan yang dibuat oleh beliau ialah masalah kesukaran yang dihadapi oleh pelajar dalam memahami nahu Arab perlu dilihat secara keseluruhan, bukan hanya melihat pada sudut-sudut tertentu sahaja. Persoalan yang boleh dijadikan asas ialah apakah isi kandungan nahu, bagaimana ia dipelajari, pada peringkat mana ia dipelajari, dan siapakah yang mengajarnya (2008:12-13).

Pengkaji bersetuju dengan pendapat Abd al-Maji:d bahawa usaha-usaha simplifikasi nahu perlu dinilai secara ilmiah kerana usaha-usaha tersebut mempunyai kepentingan terhadap perkembangan ilmu nahu terutama yang melibatkan nahu bagi tujuan pedagogi. Sehingga kini para pengkaji masih lagi mengadakan seminar-seminar yang membincangkan usaha-usaha simplifikasi nahu seperti "Mu'tamar Juhu:d al-‘Ulama: '

Fi: Taysi:r al-Naḥw al-‘Arabiyy" yang diadakan oleh Universiti Islam Gaza pada Februari 2013(<http://www.iugaza.edu>).

2.4 Shawqi: Dayf

Nama sebenar Shawqi: Dayf ialah Ahmad Shawqi: ‘Abd al-Sala:m Dayf. Beliau dilahirkan pada tahun 1910 di kampung Dimya:t, Mesir. Merupakan graduan fakulti kesusasteraan Universiti Kaherah. Antara guru beliau semasa di universiti ialah Ṭaha Husi:n, Ahmad Ami:n, Muṣṭafa: ‘Abd al-Razza:q, ‘Abd al-Wahha:b ‘Azza:m, Ibra:hi:m Muṣṭafa:, Ami:n al-Khu:li:, dan Ahmad al-Iskandara:niyy (Mahmu:d Fawzi:, 2007: 21). Shawqi: Dayf kemudiannya menjadi pensyarah fakulti kesusasteraan di Universiti Kaherah pada tahun 1942, selepas beliau memperolehi ijazah kedoktoran. Beliau dilantik menjadi anggota majlis Dewan Bahasa Arab Kaherah pada tahun 1976 dan kemudiannya pada tahun 1996 dilantik menjadi pengarah dewan tersebut (Mahmu:d Fawzi:, 2007:21&22). Meninggal dunia pada 10 Mac 2005 (ibid,2007:28)

Menurut Muhammad al-Mukhta:r kemungkinan idea untuk simplifikasi nahu Arab tercetus dalam fikiran Shawqi: Dayf selepas beliau melihat buku Ibn Maḍa:’, *al-Radd ‘Ala: al-Nuḥa:t* dan menyunting buku tersebut pada tahun 1947. Beliau dilihat sangat terpengaruh dengan teori nahu Ibn Maḍa:’. Namun idea simplifikasi nahu tersebut hanya dapat direalisasikan secara praktikal selepas lebih daripada tiga dekad (1996:566).

Kha:lid al-Kindi: dalam buku beliau, *al-Ta‘li:l al-Naḥwiyy Fi: al-Dars al-Lughawiyy al-‘Arabiyy Al-Qadi:m Wa al-Hadi:th* (2007:275) menyatakan bahawa Shawqi: Dayf

telah menulis tiga buah buku dalam siri simplifikasi nahu Arab iaitu *Tajdi:d al-Naḥw* pada tahun 1982, *Taysi:r al-Naḥw al-Ta'li:miyy Qadi:man Wa Hadi:than Ma'a Nahj Tajdi:dih* pada tahun 1986 dan *Taysi:rat Lughawiyyat* pada tahun 1990.

Setelah meneliti buku *Taysi:rat Lughawiyyat* pengkaji mendapati bahawa buku tersebut tidak boleh dikategorikan sebagai buku simplifikasi nahu Arab. Dalam mukadimah buku tersebut Shawqi: Ḥayf telah menyatakan bahawa tujuan beliau menulis buku tersebut adalah untuk membetulkan salah faham yang berlaku dalam kalangan orang ramai terhadap beberapa kaedah bahasa, pola, dan ayat yang disangkakan salah serta tidak menepati bahasa Arab *fūṣḥa*:. Namun setelah dibuat penellitian, kaedah, pola, dan ayat tersebut adalah menepati bahasa Arab *fūṣḥa*: (Shawqi: Ḥayf, 1990:5). Berdasarkan objektif yang dinyatakan oleh Shawqi: Ḥayf tersebut, jelaslah ia bukan bertujuan untuk memudahkan nahu Arab.

2.5 Kajian Lepas Berkaitan Usaha Shawqi: Ḥayf Dalam Simplifikasi Nahu Arab

Terdapat empat kajian lepas yang berkaitan dengan usaha-usaha simplifikasi nahu Arab Shawqi: Ḥayf. Satu kajian merupakan buku Muḥammad ‘I:d iaitu *Qaḍa:ya: Mu‘a:sarat Fi: al-Dira:sat al-Lughawiyyat Wa al-Adabiyyat* (1989), dan tiga lagi adalah dalam bentuk artikel ilmiah. Artikel-artikel ini ialah kajian ‘Ala:’ Isma:‘i:l al-Ḥamza:wi:; *Mawqif Shawqi: Ḥayf Min al-Dars al-Naḥwiyy: Dira:sat Fi: al-Manhaj Wa al-Taṭbi:q* (t.t), Ra:fi‘ ‘Abdullah al-‘Ubaydi:; *Juhu:d Shawqi: Ḥayf Fi: Tajdi:d al-Naḥw al-Ta'li:mi: Wa Taysi:ni:hi* (2001), dan Zaynab Madi:ḥ al-Nu‘aimi:; *Juhu:d al-Tajdi:d Wa al-Taysi:r Inda Shawqi: Ḥayf Wa ‘Abd al-Raḥman Ayyu:b* (2010).

Muhammad ‘I:d dalam bukunya telah mengkhususkan satu bab untuk mengkaji simplifikasi nahu dengan menjadikan buku *Tajdi:d al-Naḥw* sebagai sampel untuk dinilai. Beliau telah membahagikan kajian beliau kepada lima isi penting iaitu pandangan penulis terhadap buku *Tajdi:d al-Naḥw*, asas-asas simplifikasi nahu yang terdapat dalam buku tersebut, perkara yang diterima pakai (*musallamat*), bahan-bahan ilmiah dalam buku tersebut, dan objektif buku serta masa depannya (1989:11).

Muhammad ‘I:d melihat buku *Tajdi:d al-Naḥw* tidak bertepatan dengan teori nahu Ibn Maḍā:’ kerana teori tersebut bertujuan memudahkan nahu dengan cara membebaskannya daripada unsur-unsur falsafah manakala buku Shawqi: Dayf menyebabkan bab-bab nahu dimansuhkan ataupun perbincangan dalamnya diringkaskan. *Tajdi:d al-Naḥw* juga mencampur-adukkan dua tahap pembelajaran, iaitu tahap ahli akademik dan tahap pelajar-pelajar sekolah. Ini merujuk kepada pendekatan Shawqi: Dayf yang tidak jelas dalam mengumpulkan isi-isi ilmu nahu daripada buku-buku nahu tradisional. Ditambah pula dengan penggunaan istilah-istilah pelik seperti *al-jumlat al-mustaqqillat* dan *al-jumlat al-kha:ḍi ‘at* bagi menggantikan istilah *al-jumlat al-lati: la: laha: min al-i‘ra:b* dan *al-jumlat al-lati: laha: min al-i‘ra:b* lebih menimbulkan kesulitan bukan memudahkan (1989:12-15).

Menurut Muhammad ‘I:d lagi, asas-asas simplifikasi nahu yang terdapat dalam buku *Tajdi:d al-Naḥw* disifatkan sebagai *takalluf*, *tashti:t*, dan ringkasan yang silap dan merosakkan. *Takalluf* dilihat pada pemindahan bab-bab nahu kepada bab-bab yang lain manakala *tashti:t* dilihat pada isu penyebutan dan pengguguran yang bertaburan dalam bab-bab nahu yang berbeza dalam buku nahu tradisional, dipisahkan daripada bab-bab tersebut dan dikumpulkan dalam satu bab baru penyebutan dan pengguguran. Asas-asas ini juga dilihat menjadikan nahu lebih ringkas tetapi bersifat merosakkan dan terdapat

kesilapan apabila pengguguran bab-bab ini tidak mewakili uslub Arab yang sebenar malah menyebabkan bab-bab yang penting seperti *al-mi:za:n al-ṣarfi:*, *al-i'la:l*, dan *al-tarkhi:m* tidak dipelajari (1989:18-21).

Isi kandungan buku ini yang didakwa mengandungi perkara yang diterima pakai (*musallamat*) dilihat sebagai dakwaan tanpa bukti oleh Muḥammad 'I:d. Sebagai contoh, apabila Shawqi: Ḥayf memansuhkan bab مَا الْحِجَازِيَّةَ dan menolak contoh-contoh dalam al-Quran seperti ((مَا هَذَا إِلَّا بَشَرٌ)) kepada bab *al-ḥa:l*. Beliau mengambil pendapat aliran nahu Kufah yang lemah. Contoh ini sebagai bukti daripada Muḥammad 'I:d bahawa yang dikatakan *musallama:t* dalam buku ini sebenarnya tidak *musallama:t* (1989:30).

Pada pandangan Muḥammad 'I:d juga, bahan-bahan dalam buku *Tajdi:d al-Naḥw* termasuk contoh-contohnya diambil daripada buku-buku nahu tradisional dan tidak ada pembaharuan isi kandungan sepertimana yang ditunjukkan oleh tajuk buku tersebut. Ia dilihat sebagai ringkasan buku-buku nahu tradisional atau yang digelar oleh Muḥammad 'I:d sebagai *mukhtaṣar al-mutu:n* (1989:33).

Menurut penulis lagi, buku *Tajdi:d al-Naḥw* dilihat tidak mempunyai masa depan dan tidak sesuai untuk pelajar sekolah malah juga ahli akademik. Beliau juga tidak menolak bahawa memang ramai yang akan membaca buku ini kerana tertarik pada tajuknya yang seolah-olah melambangkan pembaharuan dalam nahu dan juga melihat kepada populariti pengarangnya (1989:35).

'Ala:' Isma'i:l al-Ḥamza:wi: dalam kajian beliau menyatakan bahawa usaha Shawqi: Ḥayf untuk simplifikasi nahu Arab merupakan usaha yang menonjol dan berani. Asas-asas yang diletakkan oleh beliau untuk memudahkan nahu adalah berdasarkan teori

nahu Ibn Mađa:’. Kemudian beliau cuba untuk mempraktikkan teori tersebut beserta tambahan daripada sumber lain dalam bab-bab nahu yang disusun dalam buku *Tajdi:d al-Naħw* (t.t :5-8).

Tujuan kajian ‘Ala:’ Isma:‘i:l al-Ḥamza:wi: ialah untuk menjawab beberapa soalan, iaitu adakah Shawqi: Dayf berjaya mempraktikkan pendekatan yang digunakan untuk simplifikasi nahu dalam setiap bab? Adakah pendekatan yang digunakan tersebut boleh dianggap hasil inovasi beliau sendiri? Adakah pendekatan tersebut berjaya menyelesaikan masalah kelemahan berbahasa pelajar? (t.t :8).

Secara jelasnya, ‘Ala:’ mengkaji usaha Shawqi: Dayf ini dari sudut teori dan praktikalnya. Dari sudut teori, beliau mengkaji pandangan Shawqi: Dayf dalam mukadimah suntingan buku *al-Radd ‘Ala: Al-Nuħa:t* dan mukadimah buku *Tajdi:d al-Naħw*. Manakala dari sudut praktikalnya, beliau mengkaji setiap bab dalam buku *Tajdi:d al-Naħw* untuk melihat keseragaman antara teori dan praktikal (t.t:9).

Hasil dapatan kajian ialah Shawqi: Dayf telah berjaya mempraktikkan asas-asas simplifikasi nahu pada sebahagian besar bab-bab nahu. ‘Ala:’ mendapati ia merupakan satu penolakan terhadap nahu yang terdapat dalam buku-buku nahu tradisional semenjak Sibawayh. Penolakan ini adalah kerana Shawqi: Dayf mengambil pendekatan yang sama digunakan oleh Ibn Mađa:’ (‘Ala:’ ,t.t :69).

Secara umumnya, Shawqi: Dayf telah mempraktikkan asas-asas simplifikasi nahu Arab beliau dari sudut penyusunan baru nahu dengan baik. Namun apabila dianalisis isi kandungan setiap bab tersebut, kajian ‘Ala:’ mendapati ia banyak bertentangan dengan asas-asas simplifikasi nahu yang ditetapkan oleh Shawqi: Dayf. Pengaruh teori ‘a:mil

tidak dapat dielakkan ketika beliau cuba mempraktikkan pendekatan beliau dalam isi kandungan nahu. Dalam bahagian lima buku *Tajdi:d al-Naḥw*, bab penyebutan dan pengguguran, Shawqi: Dayf tidak dapat mengelak daripada penggunaan *ta'wi:l* dan *taqdi:r* dalam ayat ('Ala:',t.t:70-71).

Walau bagaimanapun, kajian 'Ala:' mendapati susunan baru bagi nahu yang dikemukakan oleh Shawqi: Dayf ini masih lagi menjaga struktur asas nahu Arab. Susunan baru ini mengecilkan bilangan bab-bab nahu tanpa menggugurkannya. Ia juga meringankan beban pelajar apabila banyak syarat, kaedah, dan ayat yang direka-reka berdasarkan andaian sarjana nahu tradisional digugurkan tanpa mencacatkan kaedah asas yang perlu diketahui oleh pelajar (ibid,t.t: 71).

Namun begitu, kajian ini mendapati susunan baru ini tidak diguna pakai di sekolah-sekolah mahupun universiti. Ilmu nahu masih diajar mengikut susunan dalam buku nahu tradisional terutama nahu aliran Basrah. Oleh itu simplifikasi nahu yang diusahakan oleh Shawqi: Dayf tidak boleh diukur kejayaannya untuk mengatasi kelemahan berbahasa pelajar ('Ala:',t.t:71-72).

Artikel Ra:fi' 'Abdullah al-'Ubaydi: pula bertujuan untuk menjelaskan sumbangan Shawqi: Dayf dalam usaha simplifikasi nahu Arab dan bagaimana ia memberi faedah pada nahu pedagogi. Kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian; pertama asas simplifikasi nahu Arab oleh Shawqi: Dayf, kedua, pendirian beliau dalam beberapa masalah nahu, ketiga, sumber-sumber yang dijadikan asas oleh Shawqi: Dayf dalam simplifikasi nahu, dan keempat penilaian terhadap pendekatan Shawqi: Dayf dalam simplifikasi nahu Arab (2001:t.m.s).

Hasil kajian mendapati bahawa usaha simplifikasi nahu oleh Shawqi: Dayf ini merupakan usaha membebaskan nahu daripada pengaruh falsafah seperti dalam masalah ‘*illat* dan *qiya:s* serta latihan-latihan yang tidak praktikal. Susunan baru bagi bab-bab nahu untuk tujuan pedagogi yang dilakukan oleh Shawqi: Dayf pula tidak mengganggu struktur asas nahu Arab.

Dalam beberapa masalah nahu, Shawqi: Dayf tidak berpegang pada aliran nahu tertentu. Beliau memilih pendapat-pendapat daripada sarjana nahu Arab tradisional yang sesuai untuk pedagogi dan juga kemampuan pelajar. Tujuan Shawqi: Dayf menggunakan pendekatan tersebut adalah untuk mengurangkan cabang-cabang daripada kaedah asas. Sumber-sumber utama yang menjadi sandaran Shawqi: Dayf ialah teori nahu Ibn Mađa:, dan pendapat sarjana nahu aliran Kufah di samping pendapat sarjana nahu aliran Basrah dan lain-lain.

Ra:fī ‘Abdullah al-‘Ubaydi: dalam penilaianya menyatakan bahawa pendekatan Shawqi: Dayf ini terhasil daripada pendekatan bahasa yang betul. Inovasi yang dibuat oleh Shawqi: Dayf dalam penyusunan semula bab-bab nahu dengan memasukkan ilmu fonologi yang diadaptasi daripada ilmu tajwid sangat penting. Ia merupakan satu penegasan bahawa para pelajar memang lemah dari sudut ini. Shawqi: Dayf merupakan satu-satunya tokoh yang terlibat dalam simplifikasi nahu Arab yang melihat kelemahan pelajar dari sudut ini.

Kajian Zaynab Madi:h al-Nu‘aimi: dalam artikel beliau merupakan kajian perbandingan. Beliau mengkaji usaha simplifikasi nahu Arab dan membuat perbandingan antara usaha Shawqi: Dayf dengan ‘Abd al-Rahman Ayyu:b. Hasil kajian

mendapati bahawa usaha simplifikasi nahu Arab ini tidak bersandarkan teori nahu akan tetapi bertujuan melihat nahu dari sudut pedagogi (2010:27).

Zaynab juga melihat usaha simplifikasi nahu Arab ini merosakkan apa yang telah ditetapkan oleh sarjana nahu tradisional seperti fungsi tanda *i'ra:b* dan percubaan menggunakan bahasa pertengahan (2010:27). Sarjana nahu yang berusaha untuk simplifikasi nahu Arab ini meletakkan teori sahaja dan mengabaikannya dari sudut praktikal ataupun meletakkan teori yang sukar untuk dilaksanakan (Zaynab, 2010:27).

Kajian ini juga mencadangkan agar diletakkan pendekatan nahu untuk pedagogi secara jelas dari sudut teori dan praktikalnya pada isi kandungan nahu. Selain itu beliau mencadangkan agar ilmu linguistik moden dimanfaatkan bagi tujuan tersebut terutama dari sudut statistik agar pemilihan kaedah dibuat berdasarkan penggunaan yang meluas. Beliau juga mencadangkan agar sembilan tahun pertama persekolahan digunakan untuk menghafal pelbagai nas daripada Al-Quran, hadis dan *kala:m al-'arab* yang menggambarkan kaedah-kaedah nahu yang akan dikembangkan dan dijelaskan pada tahun persekolahan berikutnya (Zaynab, 2010:27).

Daripada keempat-empat kajian ini, pengkaji membuat kesimpulan bahawa kajian yang dilakukan kebanyakannya tidak melihat usaha simplifikasi nahu Shawqi: Dayf secara menyeluruh. Ini didapati apabila sampel kajian hanyalah buku *Tajdi:d al-Naḥw* secara tunggal tanpa mengkaji juga buku kedua beliau *Taysi:r al-Naḥw al-Ta'lī:miyy Qadi:man Wa Hadi:than Ma'a Nahj Tajdi:dih*. Kajian-kajian lepas juga hanya melihat kelemahan buku tersebut tanpa cuba berlaku adil untuk melihat juga kelebihan yang ada pada buku tersebut. Hanya kajian Ra:fī‘ ‘Abdullah al-‘Ubaydi: sahaja yang menonjolkan sedikit kelebihan buku tersebut. Apa yang lebih penting, keempat-empat

kajian tersebut dilihat dari sudut pandangan penutur jati Arab, manakala pengkaji akan cuba melihat usaha simplifikasi nahu Shawqi: Dayf dari sudut pandangan bukan penutur jati.

2.6 Kerangka Model Kajian Simplifikasi Nahu

Menurut Othman Lebar (2012),

"Model menyediakan kerangka yang menyeluruh tentang bagaimana kita melihat realiti. Ia akan memberitahu kita tentang apa dia realiti dan unsur-unsur asas yang terkandung dalam realiti (soal ontologi)serta apakah bentuk dan status pengetahuan (soal epistemologi)." (hal. 32)

Model juga berfungsi untuk memandu seseorang penyelidik untuk melihat sesuatu fenomena mengikut cara-cara tertentu (ibid,2012:34).


Antara model kajian simplifikasi nahu ialah kajian ‘Abdullah Ḥam̄d (2010) yang merupakan tesis PhD di Universiti Umm al-Qura:, Arab Saudi. Tajuk kajian beliau ialah "*Taysi:r al-Naḥw ‘Inda Abba:s Ḥasan Fi: Kita:bih al-Naḥw al-Wa:fī: Dira:sat Wa Taqwī:m*" (Simplifikasi Nahu Oleh Abba:s Ḥasan Dalam Bukunya *al-Naḥw al-Wa:fī: Satu Analisis dan Penilaian*). Beliau telah mengkaji isu simplifikasi nahu Arab dengan menjadikan buku Abba:s Ḥasan iaitu *al-Naḥw al-Wa:fīy* sebagai sampel. Kajian ‘Abdullah Ḥam̄d merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan.

Objektif kajian ialah untuk menonjolkan sejauh mana ‘Abba:s Ḥasan terpengaruh dengan idea-idea reformasi dan simplifikasi nahu Arab pada zamannya dan sejauhmana kejayaan beliau dalam usaha tersebut. ‘Abdullah Ḥam̄d telah membahagikan kajian beliau kepada tiga bahagian; simplifikasi nahu Arab pada *uṣū:l naḥwiyyāt*, asas

simplifikasi nahu Arab ‘Abba:s Ḥasan, dan penilaian terhadap usaha simplifikasi tersebut.

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa beliau memang terkesan dengan idea-idea reformasi dan simplifikasi nahu Arab pada zamannya seperti terkesan dengan teori nahu Ibn Maḍā:, memanfaatkan pendapat aliran nahu Kufah dan terkesan dengan pendekatan deskriptif dalam nahu. Buku *al-Naḥw al-Wa:fī*: antara buku nahu moden yang paling menonjol untuk memudahkan nahu. ‘Abba:s Ḥasan berhati-hati dalam mengumpul pendapat sarjana nahu Arab dan menyusunnya mengikut keperluan guru dan pelajar dan ditulis dalam bahasa yang mudah dan jelas. Beliau juga memasukkan pendapat-pendapat dan panduan dalam buku tersebut.


Rajah di bawah menunjukkan kerangka model kajian ‘Abdullah Ḥamd:



Rajah 2.2: Kerangka Model Kajian ‘Abdullah Ḥamd

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan kerangka model kajian ‘Abdullah Ḥamd (2010) dengan sedikit pindaan. Pengkaji memilih kajian ‘Abdullah Ḥamd sebagai kerangka model kajian disebabkan asas kajian adalah sama iaitu mengkaji isu simplifikasi nahu Arab dengan mengambil buku sebagai sampel. Kajian ‘Abdullah Ḥamd juga merupakan kajian yang terkini dalam bidang ini.

Pindaan dibuat dengan cara pengkaji menggabungkan bahagian pertama dan kedua menjadi satu bahagian iaitu asas simplifikasi nahu Arab Shawqi: Ḥayf, Oleh kerana pengkaji melibatkan unsur-unsur perbandingan, bahagian kedua merupakan perbandingan antara kedua-dua buku Shawqi: Ḥayf untuk meneliti perkembangan yang berlaku dalamnya. Manakala bahagian penilaian dijadikan sebagai bahagian ketiga. Pindaan tersebut boleh dilihat dalam rajah 2.3 berikut:



Rajah 2.3: Pindaan yang dibuat daripada kajian ‘Abdullah Hamd

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Bahagian ini menerangkan tentang metodologi yang digunakan untuk menjawab persoalan kajian seterusnya mencapai objektif kajian. Ia meliputi aspek reka bentuk kajian, proses pengumpulan data, dan penganalisisan data.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif kerana ia melibatkan kajian secara mendalam bagi fenomena yang dikaji, iaitu simplifikasi nahu Arab Shawqi: Dayf dalam kedua-dua buku beliau iaitu *Tajdi:d al-Naḥw* dan *Taysi:r al-Naḥw al-Ta‘li:miyy Qadi:man Wa Ḥadi:than Ma‘a Nahj Tajdi:dih*. Pengkaji menggunakan kaedah analisis dokumen dengan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian bagi mencapai matlamat kajian dan menjawab persoalannya.

Menurut Mohd Majid (2009:108) analisis dokumen ialah satu kaedah penyelidikan deskriptif yang digunakan untuk menjelaskan suatu fenomena berdasarkan kepada dokumen-dokumen yang berkaitan. Kaedah analisis dokumen digunakan dalam kajian ini kerana ia melibatkan dua buah dokumen iaitu buku *Tajdi:d al-Naḥw* dan *Taysi:r al-Naḥw al-Ta‘li:miyy* untuk menjelaskan isu simplifikasi nahu yang diusahakan oleh Shawqi: Dayf.

Bagi menganalisis kedua-dua dokumen ini, pengkaji menggunakan reka bentuk atau teknik analisis kandungan. Ini kerana penggunaan dokumen biasanya melibatkan

pendekatan analisis khusus yang dipanggil analisis kandungan seperti yang dinyatakan oleh Othman Lebar (2012:146).

Neuman (1997) telah mendefinisikan analisis kandungan sebagai

"..a technique for examining information, or content, in written or symbolic material (e.g., pictures, movies, song lyrics)." (hal 31)

Beliau juga menjelaskan bahawa dalam analisis kandungan, seorang pengkaji terlebih dahulu perlu mengenalpasti bahan atau material yang hendak dianalisis seperti buku, suratkhabar, filem dan sebagainya. Seterusnya pengkaji tersebut harus membentuk satu sistem untuk merekod aspek-aspek khusus bagi kandungan tersebut (ibid,1997:31).

Krippendorf (2004) pula mendefinisikan analisis kandungan sebagai

" ..a research technique for making replicable and valid inferences from texts (or other meaningful matter) to the contexts of their use." (hal 18)

Kesimpulan daripada definisi yang diberikan ialah analisis kandungan merupakan satu teknik penyelidikan. Ia boleh memberikan pandangan baru, meningkatkan kefahaman terhadap fenomena tertentu atau memberitahu penyelidik tentang tindakan yang praktikal yang boleh diambil hasil daripada penyelidikan. Teknik penyelidikan ini juga membantu penyelidik membuat inferensi yang boleh direplikasi dan mempunyai kesahan.

Sumber penyelidikan ini pula sama ada daripada teks atau bahan lain yang bermakna seperti hasil kerja seni, gambar, peta, simbol dan tanda. Apa yang lebih penting dalam analisis kandungan ialah konteks kandungan tersebut, iaitu satu-satu teks dihasilkan oleh seseorang untuk memberi makna kepada orang lain. Oleh itu penyelidik dalam kajian analisis kandungan tidak boleh mengabaikan sebab kewujudan teks tersebut pada awalnya (Krippendorf, 2004:18-19).

Dalam kajian ini, pengkaji menganalisis kandungan kedua-dua dokumen untuk mengkaji idea-idea simplifikasi nahu Shawqi: Dayf yang terkandung dalam kedua-duanya. Tema-tema akan dibentuk untuk merekod aspek-aspek berkaitan simplifikasi nahu Shawqi: Dayf agar kefahaman terhadap isu ini dapat ditingkatkan seterusnya mencadangkan tindakan-tindakan yang perlu diambil hasil daripada kajian ini.

3.2 Persampelan

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan persampelan bertujuan (*purposeful sampling*). Menurut Creswell persampelan bertujuan ialah sampel yang mana penyelidik dengan sengaja ataupun berniat memilih individu atau tempat tersebut untuk mengkaji dan memahami fenomena atau isu utama (Cresswell, 2012:206). Oleh kerana kajian ini berkaitan dengan simplifikasi nahu Arab yang telah dilakukan oleh Shawqi: Dayf, maka kedua-dua buku beliau iaitu *Tajdi:d al-Nahw* dan *Taysi:r al-Nahw al-Ta'li:miyy Qadi:man Wa Hadi:than Ma'a Nahj Tajdi:dih* dijadikan sampel kajian.

Creswell telah membahagikan persampelan bertujuan sebelum proses pengumpulan data kepada enam jenis. Ia adalah persampelan variasi maksima (*maximal variation sampling*), persampelan kes ekstrem (*extreme case sampling*), persampelan biasa (*typical sampling*), persampelan konsep atau teori (*theory or concept sampling*), persampelan homogen (*homogeneous sampling*), dan persampelan kritikal (*critical sampling*). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan persampelan bertujuan daripada jenis persampelan konsep atau teori (*theory or concept sampling*). Menurut Creswell lagi, persampelan jenis ini membantu penyelidik menemui atau memahami teori atau konsep tertentu (2012: 208). Ia bertepatan dengan tujuan kajian ini iaitu meneroka idea-

idea simplifikasi nahu Arab Shawqī Dayf dalam kedua-dua buku yang dipilih sebagai sampel.

Bagi buku *Tajdi:d al-Naḥw*, pengkaji menggunakan cetakan terkini iaitu tahun 2003 begitu juga bagi buku *Taysi:r al-Naḥw al-Ta‘li:miyy Qadi:man Wa Hadi:than*, yang mana cetakan terkininya ialah tahun 1993. Kedua-dua buku ini dicetak oleh Da:r al-Ma‘a:rif, Kaherah. Cetakan terkini bagi buku *Tajdi:d al-Naḥw* diperolehi dari Perpustakaan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya manakala buku *Taysi:r al-Naḥw al-Ta‘li:miyy* memang sedia ada dalam koleksi pengkaji.

3.3 Prosedur Pengumpulan Data

Menurut Cresswell (2012:212), data kajian kualitatif boleh dikumpul daripada empat sumber iaitu pemerhatian, temubual dan soal selidik, dokumen, dan bahan audio visual. Oleh kerana kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen maka data yang dikumpul adalah daripada dokumen sepenuhnya.

Dokumen-dokumen yang digunakan untuk mengumpul data daripadanya dibahagikan kepada sumber asli dan sumber sekunder. Menurut Mohd Majid, sumber asli atau sumber pertama merupakan bukti atau hasil langsung daripada satu-satu kejadian atau dengan kata lainnya data mentah yang belum dianalisis dan diinterpretasi. Manakala sumber sekunder pula ialah sumber yang mengandungi bahan atau maklumat tentang satu-satu kejadian yang diperolehi daripada sumber pertama dengan kata lainnya ia dihasilkan berdasarkan sumber pertama (2009:90).

.

Dalam kajian ini, sumber pertama pengkaji ialah dua buah buku Shawqi: Dayf yang dijadikan sampel kajian iaitu *Tajdi:d al-Naḥw* dan *Taysi:r al-Naḥw al-Ta'li:miyy Qadi:man Wa Hadi:than Ma'a Nahj Tajdi:dih*. Kedua-dua buah buku ini tidak sukar untuk didapati kerana ia merupakan antara koleksi buku pengkaji dan cetakan terkini bagi buku *Tajdi:d al-Naḥw* diperolehi dari Perpustakaan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Manakala dokumen-dokumen daripada sumber sekunder dalam isu simplifikasi nahu Arab secara umum dan kajian-kajian penyelidik lain tentang simplifikasi nahu Arab menurut Shawqi: Dayf yang dijadikan kajian literatur diperolehi daripada buku-buku ilmiah dan tesis serta artikel-artikel ilmiah.

Untuk mendapatkan dokumen daripada sumber sekunder ini, pengkaji mendapatkannya dari perpustakaan Universiti Malaya. Bagi dokumen daripada perpustakaan universiti-universiti lain seperti Universiti Islam Antarabangsa (UIA) pengkaji menggunakan perkhidmatan pembekalan dan pinjaman antara perpustakaan yang diuruskan oleh perpustakaan Universiti Malaya.. Manakala dokumen luar negara seperti artikel-artikel ilmiah diperolehi dalam bentuk PDF yang dimuat naik dalam jurnal-jurnal akademik versi elektronik ataupun laman web berautoriti. Ini bagi memastikan data-data yang diperolehi daripada dokumen-dokumen ini mempunyai kredibiliti.

Langkah seterusnya ialah membaca dan membuat penelitian terhadap seluruh isi kandungan bagi setiap bahagian dalam buku *Tajdi:d al-Naḥw* dan *Taysi:r al-Naḥw al-Ta'li:miyy*. Kedua-dua buah buku dibaca secara tiga peringkat mengikut tiga tema yang dibentuk. Semasa proses bacaan dilakukan, data-data dikeluarkan, dicatat dan dikumpulkan untuk dianalisis . Setelah selesai, proses yang sama diulang bagi peringkat kedua dan ketiga untuk tema yang kedua dan yang ketiga. Pengkaji menetapkan masa lima bulan untuk membaca, memahami, mengumpul data dan

meneliti semula data-data yang dikumpulkan daripada kedua-dua buah buku tersebut. Pengkaji memerlukan fokus yang mendalam terhadap pengumpulan data daripada kedua-dua buah buku memandangkan kajian ini merupakan kajian kualitatif.

3.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian

Kesahan didefinisikan sebagai pernyataan atau penjelasan yang sah atau benar sekiranya ia mewakili secara tepat ciri-ciri fenomena yang cuba dijelas, diterang, atau diteorikan (Othman Lebar, 2012:184). Ia melibatkan kesahan dalaman iaitu bagaimana kajian sepadan dengan realiti dan kesahan luaran iaitu sejauhmana dapatan kajian dapat digunakan dalam situasi lain (ibid,2012:185-186). Kebolehpercayaan kajian ditakrifkan sebagai keupayaan sesuatu kajian untuk memperoleh nilai yang serupa apabila pengukuran yang sama diulangi (Chua, 2011:242). Dalam kajian kualitatif, kebolehpercayaan berkait rapat dengan kebolehsandaran dan ketekalan hasil atau keputusan daripada data yang dikumpul (Othman Lebar, 2012:187).

Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif boleh ditingkatkan dengan beberapa cara antaranya penggunaan kaedah triangulasi, pemeriksaan rakan sebaya, atau penggunaan alat pencatat sebagai bukti seperti borang temubual dan perakam suara (Chua,2011:244 & Othman Lebar, 2012:187-188 & 192).

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah semakan rakan sebaya untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan. Rakan sebaya yang diminta untuk membuat semakan ini merupakan penyelidik yang mempunyai pengkhususan dalam bidang bahasa Arab pada peringkat sarjana muda dan juga sedang melanjutkan pelajaran dalam bidang yang sama pada peringkat sarjana. Pengkaji meminta beliau

membuat semakan terhadap data-data yang terkumpul agar tiada data-data yang tercicir atau tidak menepati tema. Rakan sebaya ini juga diminta untuk menyemak ketepatan terjemahan yang dibuat oleh pengkaji semasa pengumpulan data dibuat.

3.6 Penganalisisan Data

Bagi kajian kualitatif, proses analisis data merupakan proses yang berterusan. Ia melibatkan proses mengatur, menstruktur dan menginterpretasi data yang telah dikumpul. Proses ini tidak bersifat linear kerana penelitian, pendefinisan dan pengkategorian semula sentiasa berlaku bagi mendapat analisis dan interpretasi yang tepat dan bermakna. Biasanya proses pengumpulan data dan penganalisisannya berjalan serentak dalam kajian kualitatif bagi membina interpretasi data yang koheren (Othman Lebar, 2012: 152).

Menurut Creswell (2011: 239) data kajian kualitatif boleh dianalisis menggunakan perisian komputer atau secara manual. Oleh kerana kajian ini tidak melibatkan data yang sangat besar, penganalisisan data dibuat secara manual. Proses penganalisisan bermula dengan pengekodan data iaitu satu set arahan atau peraturan bagaimana meneliti dan merekod kandungan daripada teks secara sistematik dan ia juga bergantung pada unit analisis yang digunakan oleh pengkaji (Neuman, 1997:274).

Dalam proses penganalisisan data, pemilihan unit analisis sangat penting. Unit analisis ialah jenis unit yang digunakan oleh seseorang pengkaji untuk mengukur pemboleh ubah (Neuman, 1997: 113). Dalam kajian yang menggunakan teknik analisis kandungan, terdapat pelbagai unit analisis antaranya ialah perkataan, frasa, tema, plot, watak dan sebagainya (ibid,1997:274). Pengkaji menggunakan tema sebagai unit

analisis bersetujuan dengan tujuan penyelidikan yang ingin mengkaji isu simplifikasi nahu Shawqi: Dayf .

Dalam kajian ini, tema dibentuk berdasarkan kerangka model kajian ‘Abdullah Ḥamđ (2010) dengan sedikit pindaan seperti yang dinyatakan dalam kerangka model kajian. Terdapat tiga tema yang dibentuk yang berkait rapat dengan objektif kajian. Tema-tema tersebut ialah asas simplifikasi nahu Shawqi: Dayf, perbandingan antara buku *Tajdi:d al-Naḥw* dan *Taysi:r al-Naḥw al-Ta‘li:miyy* dan penganalisisan sumber simplifikasi nahu Shawqi: Dayf dan keselarasannya antara teori dan pelaksanaan. Data-data yang telah dikumpulkan dan dikodkan, disusun mengikut kategori yang dibina berdasarkan tiga tema tersebut.

Bagi tema yang pertama, iaitu asas simplifikasi nahu Arab Shawqi: Dayf,, pengkaji mengumpul data daripada buku *Tajdi:d al-Naḥw* terlebih dahulu. Ini kerana data yang berkaitan asas simplifikasi nahu Shawqi: Dayf dalam bentuk teori kebanyakannya terkandung dalam mukadimah buku *Tajdi:d al-Naḥw*. Kemudian pengkaji merujuk buku kedua iaitu *Taysi:r al-Naḥw* dan mengumpul data-data tambahan yang terdapat dalam buku tersebut. Kedua-dua set data ini kemudiannya digabungkan untuk dianalisis.

Tema pertama dibahagi kepada enam subtema berdasarkan enam asas simplifikasi nahu yang telah dinyatakan oleh Shawqi: Dayf, iaitu penyusunan semula bab-bab nahu, memansuhkan *i 'ra:b taqdi:riyy* dan *mahalliy*, *i 'ra:b* bertujuan untuk sebutan yang betul, meletakkan definisi dan pencirian yang tepat, memansuhkan tambahan-tambahan yang banyak, dan menambah tajuk-tajuk penting. Dalam asas satu iaitu penyusunan semula bab-bab nahu, Shawqi: Dayf banyak menumpukan penerangannya pada

rombakan yang dibuat yang melibatkan pengguguran atau pemindahan bab-bab nahu. Untuk memahami susunan tajuk-tajuk nahu dalam buku *Tajdi:d al-Naḥw*, pengkaji merujuk pada senarai kandungan pada akhir buku tersebut untuk mengumpul data dan seterusnya menganalisisnya.

Oleh kerana dalam tema ini pengkaji hanya menerangkan simplifikasi nahu Shawqi: Dayf berdasarkan asas yang diberi secara terperinci maka ia dianalisis secara deskriptif. Kaedah deskriptif ini digunakan untuk menerangkan sesuatu perkara dan memberi gambaran bagi sesuatu perkara secara spesifik dan menerangkannya secara tepat (Neuman, 1997:20).

Dalam tema kedua, data-data dianalisis secara komparatif iaitu dengan membandingkan isi kandungan kedua-dua buah buku ini. Ini kerana kaedah komparatif merupakan proses untuk mengenalpasti persamaan dan perbezaan bagi satu-satu perkara atau fenomena (Warwick, 1973:7). Analisis secara komparatif yang dibangunkan oleh John Stuart Mill mengandungi dua asas iaitu persamaan (*method of agreement*) dan perbezaan (*method of difference*) (Neuman, 1997:428).

Dalam tema ini, perbandingan antara buku *Tajdi:d al-Naḥw* dan *Taysi:r al-Naḥw al-Ta'li:miyy* dibuat untuk meneliti perkembangan simplifikasi nahu Arab Shawqi: Dayf. Pengkaji cuba menyelidik adakah pendapat Shawqi: Dayf dan pendekatan yang digunakan dalam simplifikasi nahu Arab kekal dan tetap atau di sana terdapat perubahan atau pertentangan pendapat dalam kedua-dua buku.

Perbandingan ini dibuat berdasarkan tiga subtema iaitu tujuan penulisan buku, penyusunan buku, dan asas-asas simplifikasi nahu yang diterangkan. Penerangan asas-

dasas simplifikasi dalam kedua-dua buku ini dibandingkan dengan melihat persamaan antara kedua-duanya, pertambahan atau pengurangan yang berlaku dan percanggahan antara kedua-dua buah buku tersebut.

Bagi tema ketiga iaitu penganalisisan sumber simplifikasi nahu Arab Shawqi: Dayf dan keselarasan antara teori dan praktikal, data dianalisis secara kritis. Dalam tema ini, data dibahagikan kepada dua subtema yang dibuat berdasarkan kerangka model kajian. Kedua-dua subtema tersebut ialah sumber-sumber yang mempengaruhi pembentukan dasas simplifikasi nahu Arab Shawqi: Dayf dan keselarasan simplifikasi nahu Arab Shawqi: Dayf antara teori dan pelaksanaan.

Penganalisisan satu-satu simplifikasi nahu berdasarkan sumber yang digunakan adalah perlu kerana menurut ‘Abdullah Ḥamid (2010:4-5) sumber-sumber tersebut memberi kesan kepada kekuatan satu-satu usaha simplifikasi nahu yang dilakukan. Manakala keselarasan antara teori dan praktikal dalam simplifikasi nahu merupakan petunjuk yang paling tepat bagi kejelasan idea pemiliknya dan pendekatan yang digunakannya. Kejelasan ini menunjukkan kemampuan idea dan pendekatan tersebut dilaksanakan secara praktikal (*ibid*, 2010:416),.

Bagi analisis berdasarkan sumber yang mempengaruhi pembentukan simplifikasi nahu Shawqi: Dayf, pengkaji meneliti buku *Taysi:r al-Naḥw al-Ta’limiy* terlebih dahulu. Ini kerana setiap topik nahu yang diterangkan telah dinyatakan sekali perbahasan antara sarjana nahu tradisional dan Shawqi: Dayf menyatakan dengan jelas pendapat mana yang menjadi kecenderungan beliau. Pengkaji membataskan analisis pada apa yang dinyatakan oleh Shawqi: Dayf dalam buku tersebut dan tidak merujuk kepada sumber asal seperti yang telah dinyatakan dalam batasan kajian.

Untuk subtema yang seterusnya, iaitu keselarasan antara teori dan pelaksanaan, pengkaji memfokuskan pada buku *Tajdi:d al-Naḥw* kerana buku tersebut merupakan model simplifikasi nahu yang dirangka oleh Shawqi: Ḏayf. Pengkaji akan membincangkan pelaksanaan yang selaras dengan teori dan diikuti dengan percanggahan yang berlaku antara teori dan pelaksanaan.

Ketika proses penganalisisan data, pengkaji hanya menghuraikan apa yang terkandung dalam kedua-dua buah buku. Ini kerana analisis kandungan tidak dapat menginterpretasi signifikan satu-satu kandungan dan para pengkaji seharusnya mengkaji teks secara langsung tanpa melibatkan analisis yang bersifat subjektif seperti tujuan sebenar disebalik apa yang ditulis oleh pengarang teks tersebut atau kesan mesej yang terkandung dalam teks tersebut kepada penerima (Neuman, 1997:274& 279).

Dalam proses penganalisisan data, pengkaji akan merujuk juga buku-buku lain sebagai semakan dan memastikan ketepatan pemahaman pengkaji terhadap pendapat Shawqi: Ḏayf. Sebagai contoh, untuk lebih memahami susunan baru tajuk-tajuk nahu dalam buku *Tajdi:d al-Naḥw*, pengkaji perlu merujuk buku nahu tradisional bagi meneliti tajuk-tajuk yang dimansuhkan atau ditambah. Bagi tujuan ini, pengkaji membandingkan susunan tajuk-tajuk dalam buku tersebut dengan susunan tajuk dalam buku *Auḍāḥ Al-Masa:lik Ila: Alfiyat Ibn Ma:lik* oleh Ibn Hisha:m.

Pengkaji memilih buku ini sebagai sandaran semakan kerana pada pendapat pengkaji, Shawqi: Ḏayf merujuk susunan dan isi kandungan buku ini sebelum membuat perubahan. Ini terbukti dalam atas simplifikasi nahu yang keempat, iaitu memberi definisi yang tepat untuk sebahagian tajuk nahu, beliau telah menjadikan definisi-definisi Ibn Hisha:m sebagai sandaran untuk beliau membentuk definisi yang baru

(Shawqi:,1993:118). Buku Ibn Hisha:m ini juga menurut Hasan ‘Ukayli: merupakan buku nahu yang paling mahsyur dan biasa digunakan oleh para pelajar (2008:233).

Manakala dalam tema tiga, pengkaji juga menjadikan kajian lepas berkaitan simplifikasi nahu Arab Shawqi: Dayf terutama kajian ‘Ala:’ Isma:‘i:l al-Ḥamza:wi (t.t) dan Ra:fi‘ ‘Abdullah al-‘Ubaydi: (2001) sebagai bantuan untuk memastikan bahawa pengkaji tidak tersilap dalam membuat inferensi. Dapatkan-dapatkan daripada kajian lepas ini juga dapat membantu pengkaji mengelak daripada unsur-unsur berat sebelah dalam membuat penilaian. Kedua-dua kajian lepas ini diutamakan kerana pada pendapat pengkaji, mereka bersifat adil dalam kajian terhadap Shawqi: Dayf. Kedua-duanya menonjolkan kelebihan dan kekurangan usaha simplifikasi Shawqi: Dayf bukan hanya tertumpu pada kekurangannya sahaja.

3.7 Kaedah Persempahan dan Pelaporan Data

Menurut Cresswell (2012:253-254) dapatkan kajian kualitatif boleh dipersembahkan dalam bentuk jadual perbandingan, diagram, rajah, peta dan jadual demografi. Pelaporan dapatkan pula biasanya dibuat dalam bentuk naratif (*narrative discussion*) iaitu dalam bentuk perenggan yang mana seseorang pengkaji merumus dengan terperinci dapatkan kajian hasil daripada analisis data (Cresswell,2012:254). Oleh kerana kajian ini merupakan kajian kualitatif, pelaporan dibuat secara naratif manakala data dipersembahkan dalam bentuk jadual dan rajah.

BAB 4

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

4.0 Pendahuluan

Bab ini akan menghuraikan analisis data daripada sampel kajian iaitu buku *Tajdi:d al-Naḥw* dan *Taysi:r al-Naḥw al-Ta'li:miyy Qadi:man Wa Ḥadi:than Ma'a Nahj Tajdi:dih*. Analisis dibuat berdasarkan tiga subtema iaitu asas simplifikasi nahu Arab yang dicadangkan oleh Shawqi: Dayf, perbandingan antara kedua-dua buah buku, dan penilaian terhadap simplifikasi nahu Arab Shawqi: Dayf.

4.1 Asas Simplifikasi Nahu Arab Menurut Shawqi: Dayf

Negara Arab dilanda dengan masalah kelemahan berbahasa dalam kalangan pelajar-pelajarnya. Shawqi: Dayf berpendapat bahawa kelemahan ini berpunca daripada ilmu nahu yang diajar kepada mereka. Menurut beliau ilmu nahu tersebut terlampaui banyak bab dan cabang serta struktur-struktur ayat yang bersandarkan andaian sarjana nahu tetapi tiada dalam penggunaan bahasa. Perkara ini juga menyebabkan banyak *taṣri:f*, partikel dan struktur-struktur ayat diabaikan menyebabkan para pelajar tidak jelas dengan penggunaan bahasa yang sebenar serta perinciannya (1993:3).

Kekurangan nahu untuk pedagogi dari sudut kaedah dan pola bahasa Arab yang sepatutnya serta meluasnya pola yang terbentuk atas andaian sarjana nahu merupakan dua perkara yang mendorong Shawqi: Dayf berkecimpung dalam usaha simplifikasi nahu (1993:3). Usaha Shawqi: Dayf untuk memudahkan nahu merupakan usaha secara berperingkat. Ia bermula apabila beliau menyunting buku Ibn Maḍa:’, *al-Radd ‘Ala: al-Nuḥa:t* pada tahun 1947. Tiga asas yang pertama untuk simplifikasi nahu Arab

merupakan cetusan idea beliau selepas menyunting buku tersebut dan diterangkan dalam mukadimahnya (2003:3-4). Asas-asas tersebut ialah:

- 1- penyusunan semula bab-bab nahu
- 2- memansuhkan *i'ra:b taqdi:riyy* dan *maḥalliy*
- 3- *i'ra:b* untuk sebutan yang betul

Usaha kedua Shawqi: Dayf pula ialah pada tahun 1977 apabila beliau mengemukakan satu perancangan untuk simplifikasi nahu Arab kepada Dewan Bahasa Kaherah. Dalam perancangan tersebut, Shawqi: Dayf telah menambah asas yang keempat untuk simplifikasi nahu Arab iaitu meletakkan definisi yang lebih tepat dan terperinci untuk beberapa bab tertentu.. Pihak Dewan Bahasa Kaherah telah memperakui sebahagian besar daripada perancangan tersebut pada tahun 1979 (,1993:49).

Pada tahun 1981, Shawqi: Dayf telah meneruskan usaha ketiga beliau dalam isu simplifikasi nahu ini. Beliau telah membentangkan perancangan untuk simplifikasi nahu Arab ini dalam seminar yang dianjurkan Dewan Bahasa Kaherah (1993:65). Dalam pembentangan ini, beliau telah menambah asas yang kelima dan keenam bagi simplifikasi nahu. Asas kelima yang ditambah ialah menggugurkan tambahan-tambahan yang pelbagai tetapi tidak diperlukan dalam bab-bab nahu. Manakala asas keenam pula ialah menambah perkara-perkara yang penting bagi menampung kekurangan yang ada pada nahu (2003:5).

Setelah itu, Shawqi: Dayf merasakan satu keperluan untuk menulis buku bagi merealisasikan perancangan beliau dalam simplifikasi nahu Arab. Buku pertama beliau yang ditulis sebagai satu model nahu yang dimudahkan mengikut asas-asas yang dicadangkan itu ialah *Tajdi:d al-Naḥw* (1993:65). Kemudian beliau menulis pula buku

Taysi:r al-Naḥw al-Ta‘li:miyy Qadi:man Wa Ḥadi:than Ma‘a Nahj Tajdi:dih untuk menyokong dan mengukuhkan lagi buku pertama beliau (1993:6).

Secara kesimpulannya, buku *Tajdi:d al-Naḥw* ditulis berpandukan enam asas simplifikasi nahu Arab yang telah ditetapkan oleh Shawqi: Dayf iaitu :

- 1) penyusunan semula bab-bab nahu
- 2) memansuhkan *i ‘ra:b taqdi:riyy* dan *maḥalliy*
- 3) *i‘ra:b* bertujuan untuk sebutan yang betul
- 4) memberi definisi dan pencirian yang tepat
- 5) menggugurkan perincian dan tambahan yang merumitkan
- 6) menambah perkara-perkara yang penting


4.1.1 Penyusunan Semula Bab-Bab Nahu

Shawqi: Dayf dalam mukadimah buku *Tajdi:d al-Naḥw* berpendapat bahawa bab-bab dalam ilmu nahu perlu disusun semula. Ini kerana terdapat bab-bab yang dirasakan tidak perlu. Susunan baru ini sangat perlu agar pemikiran pelajar tidak terpisah-pisah pada bab-bab yang banyak yang boleh melemahkan kekuatan kognitif mereka (2003:4).

a) Susunan Baru

Dalam buku *Tajdi:d al-Naḥw*, Shawqi: Dayf telah membahagikan buku tersebut kepada enam bahagian. Dua bahagian yang terawal dalam buku tersebut berkaitan dengan ilmu *sarf* (morphology) manakala empat bahagian yang berikutnya adalah untuk ilmu *naḥw* (syntax). Bahagian pertama diberi nama bahagian Sebutan Perkataan dan Pembahagian Kata Kerja dan *Taṣri:f*nya serta Jenis-Jenis Huruf. Bahagian kedua ialah bahagian Pembahagian Kata Nama, *Taṣri:f*nya dan Jenis-Jenisnya. Bahagian ketiga

ialah bahagian *al-Marfu:‘a:t*, bahagian keempat ialah *al-Mansu:ba:t*, bahagian kelima ialah *Takammula:t* dan bahagian keenam diberi nama *Ida:fa:t*. Rajah di bawah menunjukkan bahagian-bahagian dalam buku *Tajdi:d al-Naḥw* :



Rajah 4.1 : Bahagian-Bahagian Buku *Tajdi:d al-Naḥw*

Bahagian pertama buku merupakan Sebutan Perkataan, Jenis-Jenis Kata Kerja dan *Taṣri:fnya*, dan Jenis-Jenis Kata Tugas. Terdapat lima bab dalam bahagian pertama ini dan di bawah setiap bab terdapat beberapa tajuk kecuali bab empat dan lima. Bab pertama ialah bab Sebutan Perkataan, bab kedua Jenis-Jenis Kata Kerja, manakala bab ketiga dan keempat dikhhususkan untuk jadual *taṣri:f* kata kerja dan bab kelima ialah

Jenis-Jenis Kata Tugas. Jadual di bawah menunjuk pecahan tajuk bagi setiap bab dalam bahagian pertama buku *Tajdi:d al-Nahw* :

Jadual 4.1: Pecahan Bab dan Tajuk Bahagian Pertama

| Bil | Bab Bahagian Pertama | Pecahan Tajuk |
|-----|--|---|
| 1. | Sebutan Perkataan | 1- Jenis-Jenis Perkataan 2- Makhraj Huruf 3- Sifat-Sifat Harakat dan Huruf 4- Harakat, Sabdu (<i>Tasyd:id</i>) dan Tanwin 5- Huruf-Huruf <i>Li:n</i> dan <i>Mad</i> 6- Hamzah <i>al-Qat'</i> Dan <i>al-Waṣl</i> , 7- <i>al-Idgha:m</i> dan <i>al-Ibda:l</i> 8- Alif Lam <i>al-Qamariyyat</i> dan <i>al-Shamsiyyat</i> 9- Contoh-Contoh <i>al-Idgha:m</i> dan <i>al-Ibda:l</i> . |
| 2. | Jenis-Jenis Kata Kerja | 1- Kata Kerja Kala Lampau, Kata Kerja Kala Kini, dan Kata Kerja Perintah 2- <i>Mujarrad</i> dan <i>Mazi:d</i> 3- <i>Sahi:h</i> dan <i>Mu'tal</i> 4- <i>Mutaṣarrif</i> dan <i>Ja:mid</i> 5- <i>Mabniyy</i> dan <i>Mu'rab</i> 6- Tak Transitif dan Transitif 7- Pasif dan Aktif |
| 3. | Jadual <i>Taṣrif</i> Bagi Kata Kerja Tiga Huruf (<i>al-Fi'l al-Thula:thiy</i>) Bersama <i>Dama:’ir al-Raf'</i> <i>al-Muttaṣilat</i> | 1- Jadual <i>Taṣri:f</i> Kata Kerja <i>al-Sa:lim</i> 2- Jadual <i>Taṣri:f</i> Kata Kerja <i>al-Muḍa‘af</i> , 3- Jadual <i>Tasri:f</i> kata kerja <i>al-Mitha:l</i> 4- Jadual <i>Taṣri:f</i> kata kerja <i>al-Ajwaf</i> 5- Jadual <i>Taṣri:f</i> kata kerja <i>al-Na:qış</i> |
| 4. | Jadual <i>Taṣri:f</i> Kata Kerja Kala Kini Dan Kata Kerja Perintah Yang Bersambung Dengan Huruf Nun Penegasan (<i>Nu:n al-Tawki:d</i>) | - |
| 5. | Jenis-Jenis Kata Tugas | Antara yang disenaraikan ialah kata tugas <i>jarr</i> , ‘ <i>af</i> , pertanyaan, penafian, <i>syart</i> , galakan (<i>taḥdi:q</i>), seruan, jawapan, <i>naṣb al-muḍa:ri</i> ‘, kata tugas yang memberi makna kala depan, makna ramalan, penegasan, dan herdikan (<i>al-zajr</i>). |

Bahagian dua buku *Tajdi:d al-Nahw* yang juga berkaitan dengan ilmu morfologi telah dikhususkan untuk lapan bab yang berkaitan dengan kata nama. Jadual di bawah


merupakan senarai bab dan pecahan tajuk yang terdapat dalam bahagian dua buku tersebut:

Jadual 4.2: Senarai Bab dan Pecahan Tajuk Bahagian Dua

| Bahagian | Bab | Tajuk |
|---|---|--|
| Bahagian Dua Pembahagi an Kata Nama, <i>Taṣri:fnya</i> dan Jenis- Jenisnya | <u>Bab 1:</u> Jenis-Jenis Kata Nama dan <i>Taṣri:fnya</i> | 1- Kepelbagaian Binaan Kata Nama 2- Tak Definit – Definit 3- Ṣahiḥ - Mu‘tal 4- Maskulin – Feminin 5- Tunggal – Duaan – Jamak 6- Konkrit – Abstrak |
| | <u>Bab 2:</u> Kata Terbitan | 1- <i>Ism al-Fa:’il</i> 2- <i>Asma:’ l-Muba:laghat</i> 3- <i>Ism al-Maf’u:l</i> 4- <i>al-Sifat al-Mushabbahat</i> 5- <i>Ism al-Tafḍī:l</i> 6- <i>Ism al-Maka:n</i> 7- <i>Ism al-Zama:n</i> 8- <i>Ism al-A:lat</i> |
| | <u>Bab 3:</u> <i>al-I’ra:b</i> dan <i>al-Bina:’</i> | 1- Istilah <i>al-I’ra:b</i> dan <i>al-Bina:’</i> 2- <i>al-I’ra:b</i> dengan harakat dan huruf - <i>al-Asma:’ al-Khamṣat</i> 3- <i>al-I’ra:b al-Maḥalliy</i> |
| | <u>Bab 4:</u> <i>al-Mabniyyat</i> | 1- Kata Ganti Nama dan Jenis- Jenisnya 2- Kata Tunjuk 3- <i>Ism al-Mawṣu:l</i> 4- Kata Tanya 5- <i>Ism al-Shart</i> 6- <i>al-Zarf</i> 7- <i>Asma:’ al-Aswa:t</i> |
| | <u>Bab 5:</u> <i>al-Muḍa:f – Ghayr al-Muḍa:f</i> | - |
| | <u>Bab 6:</u> <i>al-Matbu:’ – al-Ta:bi:’</i> | 1- <i>al-Na’t</i> 2- <i>al-‘Ataf</i> 3- <i>al-Tawki:d</i> 4- <i>al-Badal</i> |
| | <u>Bab 7:</u> <i>al-Taṣghi:r</i> | - |
| | <u>Bab 8:</u> <i>al-Nasab</i> | - |

Bagi ilmu sintaksis yang telah dikhaskan dalam bahagian tiga,empat,lima, dan enam; Shawqi: Dayf telah memulakannya dengan *al-Marfu:’a:t* diikuti dengan *al-Mansu:ba:t*,

Takammula:t, dan *Ida:fa:t*. Rajah di bawah menerangkan bab-bab yang ada dalam setiap bahagian dalam ilmu sintaksis:



Rajah 4.2: Bahagian dan Bab bagi Ilmu Sintaksis

Dalam bahagian *Takammula:t*, bab Pola Kata Kerja, Shawqi: Dayf memasukkan perbincangan kepadaan bentuk kata kerja yang melibatkan perubahan pada makna seperti kata kerja kala lampau yang memberi makna kala kini, kata kerja kala kini yang memberi makna kala lampau. Beliau juga memasukkan tajuk-tajuk yang berkaitan dengan kemasukan peranti-peranti dalam kata kerja yang merubah struktur dan makna kata kerja seperti peranti *al-naṣb* dan *al-jazm*, kata kerja kala kini yang membawa makna perintah, kata kerja kala kini *mabniyy*, dan kata kerja perintah. Manakala bagi bab terakhir dalam bahagian lima, iaitu bab partikel-partikel tambahan, Shawqi: Dayf

telah membahagikannya kepada dua jenis iaitu kata tugas tambahan *ja:rrat* seperti رُبْ وَ الْبَاءِ وَ الْكَافِ مِنْ dan *dankata* tugas tambahan bukan *ja:rrat* seperti أَنْ وَ إِنْ وَ.

Bagi bahagian *Ida:fa:t*, bab Penyebutan dan Pengguguran, Shawqi: Dayf memasukkan situasi-situasi ayat yang melibatkan pengguguran seperti pengguguran subjek atau predikat. Bab Pendepanan dan Pengakhiran pula diterangkan keadaan-keadaan yang memerlukan suatu komponen dalam ayat seperti subjek atau predikat didepankan atau diakhirkan. Dua ayat asas dalam bahasa Arab iaitu ayat namaan dan ayat kerjaan diterangkan oleh Shawqi: Dayf dalam bab ayat-ayat asas. Selain meletakkan contoh-contoh ayat namaan dan kerjaan dalam pelbagai bentuk dan gaya bahasa, beliau juga menjelaskan perbezaan antara ayat namaan dan kerjaan dari segi kala yang ditunjukkan oleh kedua-dua jenis ayat, struktur ayat yang membawa perbezaan fokus pendengar, dan bilangan tambahan pada ayat namaan lebih banyak.

Bab yang terakhir dalam bahagian *Ida:fa:t* ialah Jenis-Jenis Ayat. Dalam bab ini, Shawqi: Dayf membahagikan jenis-jenis ayat ini kepada dua bahagian iaitu ayat tak terikat dan ayat terikat. Pembahagian ini menggantikan pembahagian yang dibuat oleh sarjana nahu tradisional iaitu membahagikan ayat kepada ayat yang mempunyai kedudukan dalam *i'ra:b (jumlah laha maḥall min al-i'ra:b)* dan ayat yang tidak mempunyai kedudukan dalam *i'ra:b (jumlah la maḥall laha min al-i'ra:b)*. Dalam pembahagian ayat, Shawqi: Dayf memfokuskan pada pembahagian yang menjelaskan ayat-ayat asas dan ayat-ayat tambahan serta hubungan di antaranya agar para pelajar dapat melihat dengan jelas unit-unit dan struktur yang membentuk perenggan-perenggan dalam prosa dan puisi (1993:194).

Ayat tak terikat didefinisikan oleh Shawqi: Dayf sebagai ayat yang bebas dan tidak memerlukan ayat sebelumnya untuk melengkapannya manakala ayat terikat

merupakan ayat yang berkait dengan perkataan atau ayat sebelumnya dan melengkapannya (2003:256). Jadual berikut menjelaskan jenis-jenis ayat mengikut pembahagian baru yang dilakukan oleh beliau:

Jadual 4.3 :Pembahagian Baru Bagi Jenis-Jenis Ayat

| Ayat Tak Terikat | Ayat Terikat |
|---|---|
| <p>1- Ayat pengulang bicara(<i>al-musta'�afat</i>)</p> <p>2- Ayat dialog (<i>al-罕wariyyat</i>)</p> <p>3- Ayat <i>al-mu'taridat</i></p> <p>4- Ayat penjelasan (<i>al-mufassarat</i>)</p> <p>5- Ayat yang berhubung dengan salah satu ayat di atas (<i>al-jumlat al-ma'tu:fat 'ala: i罕da: al-jumal al-sa:biqat</i>)</p> | <p>1- Ayat predikat</p> <p>2- Ayat yang berada pada tempat pelaku atau naib pelaku</p> <p>3- Ayat yang berada pada tempat objek</p> <p>4- Ayat yang berada pada tempat <i>ha:l</i></p> <p>5- Ayat yang mengikut (<i>al-jumlat al-ta:bi'a罕 - na 't, 'atf, tawki:d, badal</i>)</p> <p>6- Ayat <i>al-silat</i></p> <p>7- Ayat <i>al-mu罕da:f ilayha</i></p> <p>8- Ayat <i>jawa:b al-shart</i></p> <p>9- Ayat menjawab kepada sumpahan</p> <p>10- Ayat yang berhubung dengan salah satu ayat di atas(<i>al-jumlat al-ma'tu:fat 'ala: i罕da: al-jumal al-sa:biqat</i>)</p> |

b) Rombakan Yang Dilakukan

Dalam penerangan asas satu yang dibuat oleh Shawqi: Dayf dalam kedua-dua buah bukunya iaitu *Tajdi:d al-Na罕w* dan *Taysi:r al-Na罕w*, beliau banyak menjelaskan tentang rombakan dalam susunan baru tersebut. Rombakan tersebut melibatkan pengekalan, pemindahan, penambahan, dan pemansuhan tajuk-tajuk. Bagi pengekalan

tajuk ia melibatkan sama ada pengekalan secara mutlak atau pengekalan berserta pindaan. Begitu juga pemansuhan, sama ada pemansuhan secara mutlak atau pemansuhan yang melibatkan bab sahaja manakala contoh-contoh yang terdapat dalamnya dikekalkan dengan cara memindahkannya kepada bab-bab yang dikekalkan.

Pada bahagian satu dan dua buku *Tajdi:d al-Naḥw*, iaitu yang melibatkan morfologi, berlaku dua penambahan seperti yang dinyatakan sendiri oleh Shawqi: Dayf. Beliau menambahkan bab Sebutan Perkataan yang melibatkan peraturan menyebut huruf, sifat-sifatnya dan juga harakatnya yang diadaptasi daripada ilmu tajwid. Bab ini dilihat oleh Shawqi: Dayf boleh membantu pelajar menyebut perkataan dengan baik (1993:66). Bab kedua yang ditambah dalam bab morfologi ialah jadual-jadual *taṣrif* kata kerja supaya pelajar boleh menggambarkan bentuk-bentuk kata kerja tersebut (1993:173).

Perubahan ketara dalam ilmu morfologi dapat dilihat apabila Shawqi: Dayf memindahkan bab *al-Muḍā:f* dan *al-Muḍā:f Ilayh* serta *al-Tawa:bi'* daripada bab sintaksis seperti yang terkandung dalam buku-buku nahu tradisional dan moden kepada bab morfologi. Alasan yang dinyatakan ialah agar pelajar jelas bahawa kedua-dua bab ini tidak termasuk dalam bab ayat yang menjadi inti pati ilmu sintaksis tetapi sebenarnya merupakan bab yang melibatkan perkataan yang menjadi inti pati ilmu morfologi. Alasan lain yang diberikan ialah dengan pemindahan ini ia dapat menghilangkan kekeliruan pelajar antara kata adjektif yang terkandung dalam bab *al-Tawa:bi'* dengan predikat dan antara kata adjektif dengan *ha:l* (1993:49).

Pemansuhan dalam bahagian morfologi berlaku apabila Shawqi: Dayf mengeluarkan secara terus tajuk *al-i 'la:l* dan juga *al-mawa:zi:n al-ṣarfiyyat*. Bagi beliau tajuk *al-i 'la:l* tidak bersifat praktikal. Ia hanya merupakan satu andaian kewujudan huruf *mu'tal*

dalam satu-satu perkataan dan tidak memberi kesan pada sebutan. Manakala dalam isu *al-mawa:zi:n al-ṣarfīyyat* Shawqi: Dayf berpendapat tajuk ini hanya menambah kerumitan dalam ilmu morfologi (2003:11).

Dalam bahagian sintaksis pula, Shawqi: Dayf sendiri telah mengekalkan lima bab dalam bahagian *al-Marfu'a:T* iaitu Subjek dan Predikat, ^{كَانَ} dan Golongannya, ^{يَأْتِي} *al-Na:fiyat Li al-Jins*, Pelaku, dan Naib Pelaku. Manakala dalam bahagian *al-Manṣu:ba:t*, semua bab *al-Mafa:i:l* dikekalkan, begitu juga bab Pengecualian, *al-Ha:l*, dan Seruan. Bab *al-Tamyi:z* juga dikekalkan dalam bahagian *al-Manṣu:ba:t* dengan sedikit pindaan. Shawqi: Dayf membenarkan *al-tamyi:z* berada selepas kata kerja tak transitif, *sifat mushabbahat*, dan kata nama *tafdī:l* tanpa perlu sebarang *taqdi:r*. *Al-tamyi:z* juga boleh datang dalam bentuk definit, dan boleh juga *ja:mid* atau kata terbitan. Pindaan ini menyebabkan enam bab dalam bahagian sintaksis dimansuhkan. Shawqi Dayf berpendapat perkataan عَيْوَنَاتٍ ^{وَفَجَرَنَا} الأَرْضَ ^{عَيْوَنَاتٍ} dalam ayat Al-Quran lebih jelas dan utama dijelaskan sebagai *badal* berbeza dengan sarjana nahu Arab tradisional yang mengatakannya *al-tamyi:z*. Oleh itu contoh ini dipindahkan daripada tajuk *al-tamyi:z* kepada tajuk *badal* (2003:18-22).

Sebanyak lapan belas bab dalam bahagian sintaksis telah dimansuhkan oleh Shawqi: Dayf; tujuh bab yang melibatkan bahagian *al-Marfu:'a:t* dan sebelas bab yang melibatkan bahagian *al-Manṣu:ba:t*. Jadual 4.4 , 4.5 dan 4.6 menunjukkan perincian bagi isu pemansuhan bab ini:

Jadual 4.4 : Bab-bab yang dimansuhkan dalam bahagian *al-Marfu:'a:t*

| Bil. | Bab yang dimansuhkan | Pemindahan Contoh |
|------|--|--|
| 1. | كَانَ dan Golongannya | Bahagian <i>al-Manṣu:ba:t</i> dalam bab <i>al-Ha:l</i> . |
| 2. | يَأْتِي dan لَاتَّ yang berfungsi seperti لَيْسَ | Bab Subjek dan Predikat |

Jadual 4.4 , sambungan

| Bil. | Bab yang dimansuhkan | Pemindahan Contoh |
|------|--------------------------|--|
| 3. | كَادَ dan Golongannya | Bahagian <i>al-Manṣu:ba:t</i> dalam bab Objek |
| 4. | ظَنَّ dan Golongannya | Bahagian <i>al-Manṣu:ba:t</i> dalam bab Objek |
| 5. | أَعْلَمَ dan Golongannya | Bahagian <i>al-Manṣu:ba:t</i> dalam bab Objek. |
| 6. | <i>al-Tana:zu'</i> | Bahagian <i>Iḍa:fa:t</i> dalam bab <i>al-Dhikr</i> dan <i>al-Hadhf</i> |
| 7. | <i>al-Ishtigha:l</i> | Bahagian <i>Iḍa:fa:t</i> dalam bab <i>al-Dhikr</i> dan <i>al-Hadhf</i> |

Jadual 4.5: Bab-bab yang dimansuhkan dalam bahagian *al-Manṣu:ba:t*

| Bil. | Bab yang dimansuhkan | Pemindahan Contoh |
|------|------------------------|--|
| 1. | <i>al-Taḥdhi:r</i> | Bahagian <i>Iḍa:fa:t</i> dalam bab <i>al-Dhikr</i> dan <i>al-Hadhf</i> |
| 2. | <i>al-Ighra: '</i> | Bahagian <i>Iḍa:fa:t</i> dalam bab <i>al-Dhikr</i> dan <i>al-Hadhf</i> |
| 3. | <i>al-Tarkhi:m</i> | dimansuhkan secara mutlak |
| 4. | <i>al-Istigha:that</i> | Bab <i>al-Nida: '</i> |
| 5. | <i>al-Nudbat</i> | Bab <i>al-Nida: '</i> |

Jadual 4.6 : Bab-bab yang dimansuhkan hasil rombakan bab *al-Tamyi:z*

| Bil. | Bab yang dimansuhkan | Pemindahan Contoh |
|------|--|-----------------------|
| 1. | Bab <i>al-Sifat al-Mushabbahat</i> | Bab <i>al-Tamyi:z</i> |
| 2. | Bab <i>Ism al-Tafḍī:l</i> | Bab <i>al-Tamyi:z</i> |
| 3. | Bab <i>Fi 'l al-Ta 'ajjub</i> | Bab <i>al-Tamyi:z</i> |
| 4. | Bab <i>Af'a:l al-Madḥ</i> dan <i>al-Dham</i> | Bab <i>al-Tamyi:z</i> |
| 5. | Bab <i>Kina:ya:t al'Adad</i> | Bab <i>al-Tamyi:z</i> |
| 6. | Bab <i>al-Ikhtiṣa:s</i> | Bab <i>al-Tamyi:z</i> |

Sebanyak tujuh belas bab yang dimansuhkan merupakan pemansuhan pada nama sahaja akan tetapi contoh-contohnya masih dikekalkan dan dipindahkan dalam bab-bab yang masih ada setelah mengambil kira pendapat-pendapat sarjana nahu Arab. Hanya satu bab sahaja dimansuhkan secara mutlak dengan alasan bentuk tersebut tidak lagi diguna pakai iaitu bab *al-Tarkhi:m*.

Kebiasaan buku-buku nahu sama ada tradisional dan moden menyusun bab-babnya mengikut struktur *i‘ra:b* iaitu *al-marfu:‘a:t*, *al-mansu:ba:t*, dan *al-majru:ra:t* akan tetapi Shawqi: Dayf hanya mengekalkan bahagian *al-Marfu:‘a:t* dan *al-Mansu:ba:t* sahaja. Beliau langsung tidak menyebut tentang bahagian *al-Majru:ra:t* atau sebab ia tidak dikekalkan. Pada pendapat pengkaji, ketiadaan bahagian tersebut berkaitan dengan pemindahan bab *Muḍa:f Ilayh* kepada bahagian morfologi. Berdasarkan susunan buku-buku nahu tradisional, bab *Muḍa:f Ilayh* merupakan bab utama dalam bahagian tersebut selain bab kata nama selepas kata tugas *jarr*. Oleh kerana Shawqi: Dayf tidak mengiktirafnya sebagai sebahagian daripada bab ayat yang menjadi inti pati ilmu sintaksis, maka bahagian *al-Majru:ra:t* tidak dikekalkan dalam susunan bab-bab nahu.

Pengkaji juga mendapati kedua-dua bahagian *al-Marfu:‘a:t* dan *al-Mansu:ba:t* dikhususkan untuk kata nama sahaja. Manakala penerangan berkaitan pola-pola kata kerja sama ada kata kerja kala lampau, kata kerja kala kini berbentuk *marfu:‘*, *mansu:b* atau *majzu:m*, dan kata kerja perintah berada pada bahagian berasingan yang diperkenalkan oleh Shawqi: Dayf iaitu *Takammula:t*.

4.1.2 Memansuhkan *I‘ra:b Taqdi:riyy* dan *Maḥalliy*

Untuk memudahkan nahu Arab, Shawqi: Dayf memansuhkan *i‘ra:b taqdi:riyy* dan *maḥalliy* yang melibatkan ayat. Asas ini diletakkan dengan mengambil kira pendapat Ibn Maḍā’ dan cadangan Jawatankuasa Simplifikasi Nahu yang ditubuhkan oleh Kementerian Pelajaran Mesir pada tahun 1938 (2003:23).

Bagi *i‘ra:b taqdi:riyy*, Shawqi Dayf memansuhkannya dan mengantikannya dengan *i‘ra:b maḥalliy* untuk perkataan (bukan ayat). *I‘ra:b* tersebut pula berpada dengan menyebut fungsinya dalam ayat dan kedudukan *i‘ra:bnya* sahaja. Sebagai contoh perkataan **جَاءَ الْفَتَى** dalam ayat (telah datang seorang pemuda) akan dinyatakan dalam *i‘ra:b* sebagai **فَاعِلٌ مَحَلُّهُ الرَّفْعُ** (pelaku dan kedudukannya adalah *al-raf*) begitu juga perkataan **هَذَا زَيْدٌ هَذَا** dalam ayat (ini Zaid) dihuraikan sebagai **مُبْتَدأً مَحَلُّهُ الرَّفْعُ** (subjek dan kedudukannya adalah *al-raf*). Ini berbeza dengan kebiasaan sarjana nahu Arab yang lain yang menyatakan perkataan **الفَتَى** dalam contoh pertama sebagai **فَاعِلٌ مَرْفُوعٌ بِضَمَّةٍ مُقَدَّرَةٍ مَنْعَ مِنْ ظُهُورِهَا التَّعْذُرُ** (pelaku *marfu:* dengan *dammat* yang *muqaddarat* dan dihalang kemunculannya kerana *al-ta‘adhdhur*) dan perkataan dalam contoh kedua sebagai **مُبْتَدأ مَبْنِيٌّ عَلَى السُّكُونِ فِي مَحَلِّ رَفْعٍ** (subjek *mabniyy* dengan *al-suku:n* dan kedudukannya ialah *al-raf*)(2003:23-24).

Manakala pemansuhan *i‘ra:b maḥalliy* pula hanya berlaku sekiranya ia melibatkan ayat. Shawqi: Dayf berpendapat ayat hanya perlu dinyatakan fungsinya sahaja tanpa perlu menyatakan kedudukannya dalam *i‘ra:b*. Sebagai contoh **يَكْتُبُ** dalam ayat **زَيْدٌ يَكْتُبُ** (Zaid sedang menulis) hanya dinyatakan sebagai **جُمَلَةٌ فِعْلَيَّةٌ خَبَرٌ لِزَيْدٍ** (ayat kerjaan predikat bagi Zaid)(2003:24). Jadual 4.7 merumuskan perubahan yang dibuat oleh Shawqi: Dayf dalam isu *i‘ra:b taqdi:riyy* dan *maḥalliy*:

Jadual 4.7 : Pemansuhan *i'ra:b taqdi:riyy* dan *maḥalliy* dalam ayat

| Bil | Perkataan / Ayat Yang Terlibat | Sebelum Perubahan | Selepas Perubahan |
|-----|--|--------------------------|--|
| 1- | Kata nama <i>manqu:s</i> , <i>maqṣu:r</i> , dan <i>muda:f</i> kepada <i>ya:’ al-mutakallim</i> | <i>i'ra:b taqdi:riyy</i> | <i>i'ra:b taqdi:riyy</i> dimansuhkan dan <i>i'ra:b</i> dibuat menggunakan <i>i'ra:b maḥalliy</i> pada perkataan yang hanya disebut fungsi dan kedudukan <i>i'ra:b</i> sahaja |
| 2- | Kata nama <i>mabniyy</i> | <i>i'ra:b maḥalliy</i> | mengekalkan <i>i'ra:b maḥalliy</i> pada perkataan dengan sedikit pengubahsuai iaitu menyatakan fungsi dan kedudukan <i>i'ra:b</i> sahaja |
| 3- | Ayat | <i>i'ra:b maḥalliy</i> | <i>i'ra:b maḥalliy</i> pada ayat dimansuhkan dan hanya fungsi ayat tersebut sahaja dinyatakan |

Pemansuhan *i'ra:b taqdi:riyy* pula memberi kesan dalam beberapa isu perkara iaitu :

a) membuang *taqdi:r muta’llaq* bagi *zarf* dan *al-ja:rr wa al-majru:r*

Sarjana nahu Arab berpendapat *zarf* dan *al-ja:rr wa al-majru:r* dalam ayat bergantung dengan predikat, adjektif, atau *ha:l* yang digugurkan yang diandaikan sebagai **مستقرّ** (menetap) atau **استقرّ** (telah menetap) Shawqi: Dayf menyatakan pendapat sarjana nahu ini merupakan satu beban. Andaian tersebut bagi beliau tidak perlu kerana *zarf* dan *al-ja:rr wa al-majru:r* itu sendiri merupakan predikat, adjektif, atau *ha:l* dalam ayat (2003:24-25). Jadual 4.8 di bawah menunjukkan contoh-contoh ayat yang melibatkan *zarf* atau *al-ja:rr wa al-majru:r* dalam ketiga-tiga keadaan tersebut:

Jadual 4.8: Contoh ayat namaan yang melibatkan *zarf* dan *al-ja:rr wa al-majru:r*

| Keadaan | Contoh Ayat | Sarjana Tradisional | Nahu | Shawqi: Dayf |
|-------------|---|---------------------|--|--|
| 1- Predikat | زَيْدٌ فِي الْدَّرْسِ. (Zaid sedang belajar) | | <i>al-ja:r wa al-majru:r</i> berkait dengan predikat yang digugurkan dan diandaikan sebagai مستقرّ (menetap) atau استقرّ (telah menetap) | <i>al-ja:r wa al-majru:r</i> predikat bagi subjek iaitu Zaid |

Jadual 4.8, sambungan

| Keadaan | Contoh Ayat | Sarjana Tradisional | Nahu | Shawqi: Dayf |
|----------------|---|---|--------------------------------------|--------------|
| 2- Adjektif | هَذِهِ هِرَّةٌ فَوْقَ السُّطْحِ. (Ini kucing di atas atap) | فَوْقَ zarf berkait dengan adjektif yang digugurkan dan diandaikan sebagai مُسْتَقِرَّةٌ (menetap) atau مُسْتَقَرَّ (telah menetap) | فَوْقَ Zarf adjektif bagi هِرَّةٌ | |
| 3- <i>Ha:l</i> | هَذَا زَيْدٌ أَمَامَ الدَّارِ. (Ini Zaid di dalam rumah) | Zarf berkait dengan <i>ha:l</i> yang digugurkan dan diandaikan sebagai مُسْتَقِرٌ (menetap) atau مُسْتَقَرٌ (telah menetap) | أَمَامَ Zarf <i>ha:l</i> bagi زَيْدٌ | |

b) membuang *taqdîr* أن المصدرية dalam kata kerja kala kini

Kata kerja kala kini bagi Shawqi: Dayf *mansu:b* selepas peranti-peranti berikut; حتى، أو، كي، و، فأء السببية لام الجحود dan لام التعليل, كي، و، فأء السببية yang tersembunyi selepas partikel-partikel tersebut seperti yang dilakukan oleh sarjana-sarjana nahu. Sebagai contoh ayat (saya telah datang kepada awak untuk bertemu awak), kata kerja kala kini *mansu:b* kerana kemasukan peranti كي أن المصدرية yang tersembunyi selepas peranti tersebut sebagaimana yang dinyatakan oleh sarjana nahu tradisional (2003:25).

c) memansuhkan pembahagian tanda *i'ra:b* kepada tanda utama dan tanda *far'iyyat*

Dalam nahu Arab, terdapat tanda-tanda *far'iyyat* bagi *i'ra:b* yang menggantikan tanda-tanda *i'ra:b* yang utama. Tanda-tanda *far'iyyat* tersebut ialah:

- fatḥat* yang menggantikan *kasrat* bagi perkataan *al-mamnu: ' min al-ṣarf* yang dalam keadaan *majru:r*
- kasrat* yang menggantikan *fatḥat* bagi *jam' al-muannath al-sa:lim* yang dalam keadaan *mansu:b*

- iii. huruf *waw* menggantikan *dammat* dalam *jam‘ al-mudhakkar al-sa:lim* dan *al-asma:’ al-khamsat* yang dalam keadaan *marfu:* ‘
- iv. huruf *alif* menggantikan *dammat* dalam *al-muthanna:* yang dalam keadaan *marfu:* ‘
- v. huruf *alif* menggantikan *fatḥat* bagi *al-asma:’ al-khamsat* yang dalam keadaan *mansu:b* dan huruf *ya* menggantikan *kasrat* bagi *al-asma:’ al-khamsat* yang dalam keadaan *majru:r*
- vi. huruf *ya* menggantikan *fatḥat* dan *kasrat* dalam *al-muthanna:* dan *jam‘ al-mudhakkar al-sa:lim* yang dalam keadaan *mansu:b* dan *majru:r*

Shawqi: Dayf menolak pendapat yang mengatakan tanda-tanda di atas adalah tanda-tanda *far‘iyyat* dalam *i‘ra:b* sebaliknya ia adalah tanda-tanda utama bagi *al-mamnu:’ min al-ṣarf*, *al-asma:’ al-khamsat*, *jam‘ al-muannath al-sa:lim*, *jam‘ al-mudhakkar al-sa:lim* dan *al-muthanna:.* Pendapat beliau ini adalah selari dengan keputusan Dewan Bahasa Kaherah dalam seminarnya pada tahun 1945 (2003:25-26).

d) mengekalkan istilah bagi *al-i‘ra:b* dan *al-bina:’*

Majoriti sarjana nahu Arab menggunakan istilah khas bagi membezakan baris antara perkataan yang *mu‘rab* dengan perkataan yang *mabniyy*. *Al-raf‘*, *al-naṣb*, dan *al-jarr* ialah harakat bagi kata nama yang *mu‘rab* serta *al-raf‘*, *al-naṣb*, dan *al-jazm* ialah harakat bagi kata kerja yang *mu‘rab*. Bagi perkataan yang *mabniyy* pula mereka menggunakan istilah *al-dam*, *al-fatḥ*, *al-kasr*, dan *al-suku:n* (1993:86).

Namun begitu sarjana nahu Arab juga menggunakan istilah bagi perkataan yang *mabniyy* ini untuk menerangkan tanda bagi perkataan yang *mu‘rab*. Sebagai contoh kata nama yang *mu‘rab* yang berfungsi sebagai subjek dalam ayat akan diuraikan

seperti berikut مُبْتَدأ مَرْفُوعٌ وَعَلَامَةُ الرَّفْعِ الضَّمَّةُ الظَّاهِرَةُ: (*subjek marfu:* ‘ dan tanda *al-raf*’ ialah *al-dammat* yang jelas). Ini bermakna mereka telah mengumpulkan dua istilah bagi kategori yang berbeza iaitu الرَّفْعُ untuk *al-i'ra:b* dan الضَّمَّةُ untuk *al-bina:*’ untuk menghuraikan satu-satu perkataan yang *mu'rab* (2003:109).

Pengumpulan dua istilah ini ketika *i'ra:b* seolah-olah menunjukkan bahawa perbezaan yang dibuat oleh sarjana nahu tradisional adalah tidak perlu. Oleh itu Shawqi: Dayf cenderung untuk mengumpulkan kedua-dua istilah ini perbezaan istilah ketika *i'ra:b*. Apa yang penting bagi beliau ialah membezakan dengan jelas antara kata nama dengan kata kerja kala kini dan kata kerja *mabniyy* dengan kedua-dua kata kerja kala lampau dan kata kerja perintah (1993:87). Beliau juga berpendapat bahawa bagi perkataan yang *mu'rab* memadai dengan menghuraikannya seperti berikut: مُبْتَدأ مَرْفُوعٌ، مَفْعُولٌ بِهِ مَنْصُوبٌ (2003:109).

Pengkaji mendapati perubahan yang dibuat oleh Shawqi: Dayf dengan membuang tanda *far'iyyat* dalam *i'ra:b* dan perubahan dalam harakat bagi *al-i'ra:b* dan *al-bina:*’ tidak berkait secara langsung dengan *i'ra:b taqdi:riyy* dan *maħalliy* yang dinyatakan dalam asas dua. Namun pengkaji merumuskan bahawa semua perubahan yang dibuat dalam asas bukan sahaja pada *i'ra:b taqdi:riyy* dan *maħalliy* malah melibatkan isu *i'ra:b* secara umum.

4.1.3 *I'ra:b* Untuk Sebutan Yang Betul

I'ra:b bukanlah tujuan utama dalam nahu Arab. Ia hanyalah wasilah untuk sebutan yang betul. Ia tidak diperlukan jika tidak memberi kesan pada sebutan. Shawqi: Dayf telah menyenaraikan tujuh perkara yang tidak perlu kepada *i'ra:b* iaitu لَا سِيَّماً، أَنْ، كَانْ، وَلَكِنْ الْمُخْفَفَةُ، كَمُ الْاسْتِفْهَامِيَّةُ وَالْخَبَرِيَّةُ، أَدَوَاتُ الشَّرْطِ الْاسْسِيَّةُ dan sebahagian peranti pengecualian (2003:26).

Kata nama syarat (أَدْوَاتُ الشَّرْطِ الْاسْمِيَّةِ) tergolong dalam kategori perkataan yang *mabniyy* yang mana baris akhir perkataannya tidak berubah. Oleh itu *i‘ra:b* kata nama tersebut perlu dimansuhkan kerana ia tidak memberi kesan pada sebutannya. Berpada dengan menyatakannya sebagai kata nama syarat yang menyebabkan kata kerja kala kini selepasnya *majzu:m*.

Shawqi: Dayf melihat para sarjana nahu Arab berlebih-lebihan dalam isu *i'ra:b* لا سِيمَا . Ada antara mereka mengatakan bahawa kata nama selepas perkataan tersebut *majru:r* kerana disandarkan pada سَيِّدٌ . Sebahagian yang lain pula berpendapat ia *marfu:* ‘ sebagai predikat bagi kata ganti nama yang digugurkan. Ada pula yang berpandangan ia *mansu:b* sebagai *mustathna:*dalam ayat. Sebagai memudahkan nahu Arab, Shawqi: Dayf menyimpulkan bahawa kata nama selepas لا سِيمَا tidak perlu kepada *i'ra:b*, *mansu:b*, *majru:r*. Dengan itu perkataan لا سِيمَا tidak perlu kepada *i'ra:b* (2003:27).

Dalam nahu Arab, أَنْ merupakan kata tugas *masdariyyat* yang berfungsi menjadikan kata kerja kala kini *mansu:b*. Terdapat kata kerja kala kini selepas أَنْ dalam dua ayat al-Quran tidak *mansu:b* iaitu ayat surah ﴿وَحَسِبُوا أَنْ لَا تَكُونُ فِتْنَةٌ فَعَمُوا وَصَمُوا﴾ dan ayat surah ﴿فَلَا يَرَوْنَ أَنْ لَا يَرْجِعُ إِلَيْهِمْ قَوْلًا فَعَمُوا وَصَمُوا﴾. Sarjana nahu Arab membuat takwilan bahawa أَنْ dalam ayat tersebut *mukhaffafat* atau diringankan daripada أَنْ dan kata nama *mansub* ditakwilkan sebagai *dami:r sha'n* yang digugurkan (1993:103).

Shawqi: Dayf berpendapat takwilan ini merupakan satu beban. Bagi beliau *i'ra:b* **أنْ المُخْفَفَةَ** perlu dimansuhkan memandangkan ia tidak memberi kesan pada sebutan yang betul. Beliau juga berpendapat **أنْ** dalam kedua-dua ayat Al-Quran itu hanyalah peranti penghubung yang tidak mempunyai fungsi dalam *i'ra:b* (2003:27).

Sarjana nahu Arab juga membuat takwilan yang sama bagi partikel ﻷَكُونْ dan ﻷَكَانْ. Bagi mereka ﻷَكُونْ dan ﻷَكَانْ merupakan partikel yang diringankan daripada partikel asalnya.

iaitu لَكِنْ كَانْ dan لَكِنْ كَانْ. Kata nama *mansu:b* selepas kedua-dua partikel yang diringankan ini ialah *dami:r sha'n* yang digugurkan. *I'ra:b* كَانْ لَكِنْ yang membawa takwilan seperti ini dimansuhkan oleh Shawqi: Dayf. Beliau lebih cenderung kepada pendapat sarjana nahu aliran Kufah yang mengatakan kedua-dua partikel yang diringankan ini tidak lagi mempunyai sebarang fungsi dalam *i'ra:b* seperti mana partikel yang asal (1993:104-105).

I'ra:b كَمْ الْاسْتِفْهَامِيَّةُ وَالْخَبَرِيَّةُ yang dibuat oleh sarjana nahu Arab dilihat oleh Shawqi: Dayf sebagai rumit dan tidak membawa sebarang faedah pada sebutan yang betul. Bagi para sarjana tersebut *i'ra:b* كَمْ الْاسْتِفْهَامِيَّةُ وَالْخَبَرِيَّةُ adalah berdasarkan ayat sama ada subjek seperti كَمْ طَالِبًا نَجَحَ (berapa orang pelajar yang telah berjaya?), objek كَمْ كِتَابٍ قَرَأْتُ (berapa banyak buku telah kubaca), *maf'u:l muflaq* كَمْ جِلْسَةً جَلَسْتَ? (berapa banyak majlis yang telah awak hadiri?), *zarf* كَمْ يَوْمٌ صُمِّتُ (berapa banyak hari telah aku berpuasa) atau kata nama *majru:r* بِكَمْ بَلْدَةٍ مَرَرْتُ؟ (berapa banyak negeri telah awak lalui?) Shawqi: Dayf memansuhkan *i'ra:b* tersebut dan berpada dengan hanya menyatakannya كَمْ الْخَبَرِيَّةُ atau كَمْ الْاسْتِفْهَامِيَّةُ (2003:29).

Sarjana nahu Arab juga berlebih-lebihan dalam *i'ra:b* partikel pengecualian selain daripada مَا حَاشَا, مَا خَلَّا, مَا عَدَا, مَا حَالَّا, غَيْرِ سِوَى إِلَّا *I'ra:b*. مَا حَاشَا dan مَا عَدَا yang dinyatakan oleh mereka adalah rumit dan tiada kaitan langsung dengan kedudukannya sebagai partikel pengecualian. Oleh itu Shawqi: Dayf memansuhkan *i'ra:b* tersebut dan hanya berpada dengan bentuk *mansu:b* sahaja untuk pengajaran para pelajar. Beliau berpendapat cukuplah dengan menyatakan مَا حَاشَا, مَا خَلَّا, مَا عَدَا sebagai peranti pengecualian dan perkataan selepasnya ialah *mustathna: mansu:b* (2003:28).

Manakala partikel غَيْرِ سِوَى dan سِوَى dikeluarkan oleh Shawqi: Dayf daripada peranti pengecualian. Beliau berpendapat kedua-dua perkataan ini sekiranya dalam keadaan

mansub ialah *ha:l* (جَاءَ الْقَوْمُ غَيْرَ زَيْدٍ) (telah datang kaum tersebut selain Zaid) dan dalam keadaan *marfu:* ‘ dan *majru:r* ialah adjektif seperti (tiada yang telah datang selain Zaid) dan ayat ketujuh surah Al-Fatihah ﴿صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرَ مَغْضُوبٍ عَلَيْهِمْ﴾. Beliau juga mengambil pendapat jawatankuasa Kementerian Pelajaran Mesir yang mengeluarkan bentuk *al-istithna:* ‘ *al-mufarragh* daripada bab pengecualian kerana ia lebih tepat dinyatakan sebagai bab *Al-Qaṣr* atau *Al-Takhṣi:* (2003:28).

4.1.4 Memberi Definisi Dan Pencirian Yang Lebih Tepat Serta Terperinci

Shawqi: Dayf mendapati beberapa definisi yang diberikan oleh sarjana nahu Arab tidak berapa tepat dan kurang terperinci. Definisi tersebut melibatkan tiga bab nahu dalam bahagian *al-Manṣu:ba:t* iaitu *maf'u:l muṭlaq*, *maf'u:l ma'ah*, dan *ha:l*. Definisi yang tepat bagi bab-bab ini penting supaya pelajar lebih memahami pola-pola ayat yang ditunjukkan dalam contoh bagi setiap bab tersebut. Shawqi: Dayf telah memilih definisi yang diberikan oleh Ibn Hisham sebagai ukuran penilaianya (1993:118).

Shawqi: Dayf dalam *Tajdi:d al-Naḥw* menyatakan definisi *maf'u:l muṭlaq* yang diberikan oleh Ibn Hisham iaitu

"إِسْمٌ يُغَرِّكُ عَامِلَةً أَوْ يُبَيِّنُ تَوْعِيدَهُ أَوْ عَدَدَهُ وَلَا يَسِّرُ حَبَراً وَلَا حَالاً"

"kata nama yang menegaskan sesuatu perbuatan atau menerangkan jenis atau bilangannya dan ia juga bukan predikat dan bukan juga *ha:l*" (2003:30)

Shawqi: Dayf mengkritik definisi ini sebagai mengelirukan apabila Ibn Hisham memasukkan predikat dan *ha:l* dalamnya sedangkan kedua-duanya mempunyai makna yang memang jauh berbeza dengan *maf'u:l muṭlaq*. Definisi ini juga tidak mencakupi isu naib *maf'u:l muṭlaq* dengan bentuknya yang pelbagai. Jadual 4.9 menunjukkan bentuk-bentuk *maf'u:l muṭlaq* dan naibnya:

Jadual 4.9: Contoh bentuk *maf'u:l muflaq* dan naibnya

| Bil | Bentuk <i>Maf'u:l Muflaq</i> / Naibnya | Contoh Ayat |
|-----|---|--|
| 1- | Menegaskan perbuatannya | جَلَسَ جُلُوسًا Dia telah duduk sebenar-benar duduk. |
| 2- | Menjelaskan jenisnya | عَمِلَ عَمَلَ الْمُخْلِصِينَ Dia telah bekerja dengan pekerjaan orang-orang yang ikhlas. |
| 3- | Menerangkan bilangannya | نَظَرَ نَظَرَتَيْنِ Dia telah melihat dengan dua pandangan. |
| 4- | Naib <i>Maf'u:l Muflaq</i> : Perkataan yang sinonim dengan <i>maṣdar</i> | قَامَ وُقُوفًا Dia telah berdiri dengan sebenar-benar berdiri. |
| 5- | Naib <i>Maf'u:l Muflaq</i> : Sifat bagi <i>maṣdar</i> | نَامَ طَوِيلًا Dia telah tidur dengan tidur yang panjang. |
| 6- | Naib <i>Maf'u:l Muflaq</i> : Kata ganti nama yang merujuk kepada <i>maṣdar</i> | أَتَقْنَهُ إِتْقَانًا لَمْ يَتَقْنَهُ أَحَدٌ Dia telah meneliti dengan sebenar-benar penelitian yang mana tidak ada seorang pun yang meneliti sepertinya. |
| 7- | Naib <i>Maf'u:l Muflaq</i> : Bilangan <i>maṣdar</i> | سَجَدَ أَرْبَعَ سَجَدَاتٍ Dia telah sujud sebanyak empat kali sujud. |
| 8- | Naib <i>Maf'u:l Muflaq</i> : Lafaz كُلُّ dan بَعْضُ yang disandarkan kepada <i>maṣdar</i> | أَفَادَ مِنْ عَلَيِّ كُلُّ إِلَفَادَةٍ Dia telah mendapat faedah daripada Ali keseluruhan faedah tersebut. |
| 9- | Naib <i>Maf'u:l Muflaq</i> : Kata tunjuk yang mendahului <i>maṣdar</i> | وَصَاهُ تِلْكَ الْوَصِيَّةَ Dia telah mewasiat dengan wasiat itu. |
| 10- | Naib <i>Maf'u:l Muflaq</i> : <i>Ism a:lat</i> bagi <i>maṣdar</i> | ضَرَبَهُ عَصَمًا Dia telah memukulnya dengan tongkat. |

(2003:31-32)

Oleh itu Shawqi: Dayf telah memberi definisi yang dilihat lebih tepat dan mengatasi kekurangan dalam definisi sebelum ini. Pada pandangan beliau *maf'u:l muflaq* ialah

"إِسْمٌ مَنْصُوبٌ يُغَرِّكُ عَامَلُهُ أَوْ يَصِفُهُ أَوْ يُبَيِّنُهُ ضَرَبًا مِنَ التَّبَيِّنِ"
"kata nama yang menegaskan perbuatannya atau menerangkan sifatnya atau menjelaskannya dalam bentuk penjelasan".(2003:31)

Beliau telah mengeluarkan kenyataan tentang predikat dan *ha:l* yang boleh mengelirukan pelajar daripada definisi tersebut. Pernyataan *ضَرَبًا مِنَ التَّبَيِّنِ* (menjelaskannya dalam bentuk penjelasan) dalam definisi yang baru ini juga dapat mencakupi semua bentuk *maf'u:l muflaq* dan naibnya (2003:31).

Bagi *maf'u:l ma'ah* pula, Ibn Hisha:m memberikan definisi berikut

"إِسْمٌ فَضْلَةٌ تَالٌ لِوَاوٍ بِمَعْنَى ((مَعَ)) تَالِيَةً لِجُمْلَةِ ذَاتِ فِعْلٍ أَوْ إِسْمٌ فِيهِ مَعْنَاهُ وَحُوْرُوفُهُ"
"kata nama tambahan selepas kata tugas wau yang bermakna bersama selepas ayat yang mempunyai kata kerja atau kata nama yang padanya terdapat maknanya dan hurufnya." (2003:32)

Shawqi Dayf menyatakan pernyataan *إِسْمٌ فَضْلَةٌ تَالٌ لِوَاوٍ بِمَعْنَى ((مَعَ))* (kata nama tambahan selepas partikel wau yang bermakna bersama terdapat kesamaran). Ia menyebabkan sarjana nahu Arab terpaksa mengandaikan lima keadaan ayat yang terdapat kata nama selepas kata tugas wau sebagai penjelasan tambahan bagi mengelakkan kekeliruan. Jadual 4.10 menunjukkan lima keadaan tersebut:

Jadual 4.10 : Bentuk-bentuk kata nama selepas kata tugas *waw*

| Bil. | Bentuk | Alasan | Contoh Ayat |
|------|-----------------------------|---|---|
| 1- | <i>Wajib al-'Atf</i> | Kata kerja boleh dikongsi dengan kata nama sebelum dan selepas kata tugas wau. | اشْتَرَكَ زَيْدٌ وَعَمْرُو. Zaid dan Amru telah menyertai. |
| 2- | <i>al-'Atf</i> paling tepat | Penutur bermaksudkan kata kerja tersebut dilakukan bersama oleh kedua-dua kata nama sebelum dan selepas kata tugas wau. | جَاءَ زَيْدٌ وَعَمْرُو. Zaid dan Amru telah datang. |

Jadual 4.10, sambungan

| Bil. | Bentuk | Alasan | Contoh Ayat |
|------|--|---|---|
| 3- | <i>Mafu':l</i> <i>Ma'ah</i> paling tepat | tetapi contoh ini tertolak kerana ia merupakan contoh yang dibina berdasarkan andaian sarjana nahu dan bertembung dengan kaedah tidak boleh 'af' kepada kata ganti nama <i>muttasil marfu':</i> ' tanpa kata ganti nama <i>fa:ṣil</i> yang dibina berdasarkan ayat Al-Quran dari surah Al-Baqarah ﴿اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ﴾ | قُمْتُ وَمُحَمَّدًا. Aku telah bangun dan Muhammad |
| 4- | Tidak <i>boleh</i> <i>Mafu':l</i> <i>Ma'ah</i> atau <i>ma'tu:f</i> | Kerana terdapat kata kerja yang digugurkan selepas kata tugas <i>waw</i> . Oleh itu kata nama selepas kata tugas tersebut merupakan objek bagi kata kerja yang digugurkan itu. | شَرَبْتُ مَاءً وَطَعَاماً. Saya telah minum air dan makanan. |
| 5- | Wajib <i>maf'u:l</i> <i>ma'ah</i> | Kata kerja sebelum kata tugas <i>waw</i> tidak boleh berlaku pada kata nama selepasnya. | سِرَتْ وَالْجَامِعَةَ. Saya telah berjalan bersama universiti itu. استيقظْتُ وَطَلُوعَ الشَّمْسِ Saya telah bangun bersama terbitnya matahari. |

(2003:32-33)

Jika dilihat pada contoh sebenar *maf'u:l ma'ah* dalam dua ayat berikut سِرَتْ وَالْجَامِعَةَ dan استيقظْتُ وَطَلُوعَ الشَّمْسِ didapati kata kerja sebelum kata tugas wau tidak boleh berlaku pada kata nama selepasnya dan partikel wau ini juga mengambil tempat *zarf maka:n* ataupun *zarf zama:n*. Oleh itu menurut Shawqi: Dayf adalah lebih tepat untuk mendefinisikan *maf'u:l ma'ah* sebagai:

"سُمْ منصوبٌ ثالِ لِيَاوِ غَيْرِ عَاطِفَةٍ بِمَعْنَى ((مَعَ))"

"kata nama *mansu:b* selepas kata tugas *waw* bermakna bersama dan bukan penghubung" (2003:33).

Ha:l pula menurut Ibn Hisha:m ialah

"وَصُفْتُ فِضْلَةً مَذْكُورٌ لِبَيْانِ الْحَمِيمَةِ"

"perihal tambahan disebut untuk menjelaskan keadaan" (2003:33)

Bagi Shawqi: Dayf definisi ini tidak berapa jelas kerana Ibn Hisha:m dalam huraianya menyebut bahawa وَصُفْتُ ini bukan *maf'u:l muflaq*, predikat, adjektif, ataupun *tamyi:z*. Seolah-olah definisi *ha:l* bagi Ibn Hisha:m ialah kata nama yang bukan *maf'u:l muflaq*, predikat, adjektif, ataupun *tamyi:z* (2003:33).

Shawqi: Dayf cenderung kepada pendapat Sibawayh dan al-Mubarrid yang menyatakan bahawa *ha:l* mengandungi makna *zarfiyyat*. Sebagai contoh مُبَسِّمًا sebagai *ha:l* dalam ayat جَاءَ مُحَمَّدٌ مُبَسِّمًا (telah datang Zaid dalam keadaan tersenyum) perihal bagi Muhammad yang tertakluk dengan waktu tertentu iaitu waktu berlakunya kata kerja جاء. Oleh itu Shawqi: Dayf berpendapat bahawa definisi bagi *ha:l* yang lebih tepat ialah

صِفَةُ لِصَاحِبِهَا نَكِيرَةٌ مُؤْقَنَةٌ مَنْصُوبَةٌ

sifat bagi pemiliknya yang berbentuk tak definit, sementara dan manusu:b.
(2003:33-34)

4.1.5 Menggugurkan Pelbagai Perincian Dan Tambahan Yang Merumitkan

Terdapat perincian dan tambahan dalam tajuk-tajuk nahu dilihat oleh Shawqi: Dayf sebagai merumitkan. Pada pandangan beliau juga ia sebenarnya tidak diperlukan sangat dan tidak mempunyai sebarang kepentingan (2003:34).

Banyak perincian dan tambahan yang digugurkan ini adalah kerana ia bersandarkan pendapat yang lemah , bukti-bukti yang *sha:dh* (terpencil) ataupun contoh-contoh yang terbina hasil andaian para sarjana nahu Arab. Shawqi: Dayf juga menggugurkan contoh-contoh yang tidak diguna pakai ataupun sangat jarang digunakan pada masa kini. Syarat-syarat yang banyak juga digugurkan oleh beliau sebagai satu keringanan

bagi pelajar. Syarat-syarat ini digantikan dengan pelbagai contoh yang mewakili syarat-syarat itu. Jadual berikut menjelaskan perincian dan tambahan yang digugurkan:

Jadual 4.11: Perincian dan tambahan yang digugurkan

| Bil | Pengguguran | Sebab | Bab/ Tajuk |
|-----|---|---|---------------------------|
| 1. | Syarat-syarat dan kaedah <i>ism al-alat</i> kerana kata nama ini sebenarnya <i>sama: iyy</i> | Berpada dengan contoh-contoh yang mewakili pelbagai bentuk <i>ism al-a:lat</i> (2003:34) | Tajuk <i>Ism al-A:lat</i> |
| 2. | Syarat-syarat dan kaedah pembentukan <i>al-Taṣghi:r</i> serta contoh-contoh yang tidak digunakan lagi pada masa kini seperti <i>taṣghi:r fi'l al-ta'ajjub</i> dan kata tunjuk | berpada dengan contoh-contoh sedia ada bagi mewakili syarat dan kaedah yang digugurkan dan mengekalkan contoh yang masyhur dan digunakan. (2003:35) | Bab <i>al-Taṣghi:r</i> |
| 3. | Kaedah-kaedah yang banyak dan menyusahkan contohnya kaedah nasab bagi kata nama <i>manqu:s, maqsu:r</i> dan <i>mamdu:d</i> | Berpada dengan contoh yang menunjukkan bentuk <i>al-Nasab</i> (2003:35) | Bab <i>al-Nasab</i> |
| 4. | - Pendepanan predikat sebelum subjek - Pengguguran subjek atau predikat dalam ayat | Dipindahkan ke bahagian enam dalam bab Penyebutan dan Pengguguran serta Pendepanan dan Pengakhiran (2003:35) | Bab Subjek dan Predikat |
| 5. | - أَنْ الْمُخَفَّةَ - - كَانْ — لَكِنْ - - fungsi ليتَ apabila bersama dengan ما الكافية | -Mengambil pendapat yang menolak <i>ta'wi:l</i> melampau sarjana nahu Arab - dalil yang menunjuk apabila bersama dengan ما الكافية tidak berfungsi lebih banyak berbanding satu bait puisi yang menunjukkan kefungsiannya (1993:103-105) | Bab إِنْ dan Golongannya |

Jadual 4.11, sambungan

| Bil | Pengguguran | Sebab | Bab/ Tajuk |
|-----|---|--|--|
| 7. | Empat bentuk <i>i'ra:b</i> ayat $\text{لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ}$ dan hanya mengekalkan yang masyhur iaitu kedua-dua kata nama itu <i>manṣu:b</i> sebagai kata nama bagi $\text{\textcircumflex al-na:fiyat li al-jins}$ | Menolak bentuk-bentuk yang tidak digunakan lagi (1993:106) | Bab $\text{\textcircumflex al-Na:fiyat Li al-Jins}$ |
| 8. | Empat keadaan kata nama selepas kata tugas <i>wau</i> yang diandaikan bermaksud <i>ma'a</i> iaitu bersama secara salah oleh sarjana nahu Arab | Andaian sarjana nahu Arab (2003:37) | Bab <i>Maf'u:l Ma'ah</i> |
| 9. | Syarat-syarat pemilik <i>al-ha:l</i> , hukum-hukumnya, dan fungsinya | Berpada dengan contoh-contoh yang mewakili setiap bentuk tersebut (2003:38) | Bab <i>al-Ha:l</i> |
| 10. | Syarat-syarat pembentukan kata nama <i>al-taṣṣīl</i> dan <i>fi'l al-ta'ajjub</i> | Berpada dengan contoh-contoh yang mewakili setiap bentuk tersebut (2003:34) | Bab Kata Nama Terbitan dan Bab <i>al-Tamyi:z</i> |
| 11. | Syarat-syarat bagi partikel $\text{\textcircumflex اذن}$ dan $\text{\textcircumflex حتى}$ untuk menjadikan kata kerja kala kini <i>manṣu:b</i> | Berpada dengan contoh-contoh yang mewakili setiap bentuk tersebut (2003:38) | Tajuk Partikel Yang Menjadikan Kata Kerja Kala Kini <i>Manṣu:b</i> |
| 12. | <i>Maṣdar</i> yang definit dengan $\text{\textcircumflex ال}$ atau yang tak definit boleh berfungsi seperti kata kerja | Mengambil pendapat lain yang menolak kefungsian <i>maṣdar</i> yang definit dengan $\text{\textcircumflex ال}$ atau yang tak definit (1993:156-157) | Bab <i>Maṣdar</i> dan Kata Nama Terbitan Yang Berfungsi Seperti Kata Kerja |
| 13. | Syarat yang menyatakan <i>ism fa:il</i> tidak boleh berfungsi seperti kata kerja jika membawa makna kala lampau. | Mengambil pendapat sarjana nahu lain yang membolehkan kefungisan <i>ism fa:il</i> bagi menolak <i>ta'wi:lan</i> sarjana nahu aliran Basrah (1993:155-156) | Bab <i>Maṣdar</i> dan Kata Nama Terbitan Yang Berfungsi Seperti Kata Kerja |

Jadual 4.11, sambungan

| Bil | Pengguguran | Sebab | Bab/ Tajuk |
|-----|---|---|---|
| 14. | Pendapat yang membolehkan <i>ism fa:il</i> atau <i>ism maf'u:l</i> yang menjadi subjek jika didahului dengan kata nafi atau kata tanya, kekal tunggal walaupun predikatnya duaan atau jamak. | Andaian sarjana nahu Arab yang dibuat berdasarkan empat bait puisi yang tidak diketahui pemiliknya (1993:88-89) | Bab <i>Masdar</i> dan Kata Nama Terbitan Yang Berfungsi Seperti Kata Kerja |
| 15 | <i>i'ra:b al-tawa:bi'</i> berdasarkan makna ayat melibatkan <i>tawa:bi' ism إِنَّ الْتَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ إِنْ</i> , <i>al-muḍa:f ilayh al-masdar, al-muḍa:f ilayh ism al-fa: 'il, al-muḍa:f ilayh ism al-maf'u:l</i> , dan <i>al-muna:da:</i> | Berpada dengan <i>i'ra:b</i> berdasarkan zahir ayat. <i>I'ra:b</i> berdasarkan makna ayat ini pula tidak mempunyai dalil daripada penggunaan Arab dan merupakan ta'wi:lan sarjana nahu sahaja. (1993:157-162) | -Bab إِنْ dan Golongannya -Bab ﴿ Al-Na:fiyat Li Al-Jins -Bab <i>Masdar</i> dan Kata Nama Terbitan Yang Berfungsi Seperti Kata Kerja -Bab Kata Seru |

Kesimpulan daripada pengguguran ini ialah Shawqi: Dayf berusaha mengurangkan pendapat-pendapat atau kaedah-kaedah sampingan yang bertentangan dengan kaedah umum. Jika terdapat pertentangan, beliau akan mengambil pendapat sarjana nahu Arab yang sedia ada bagi menyokong kaedah umum tersebut walaupun pendapat tersebut tidak popular. Pendapat yang bertentangan dengan kaedah umum walaupun lebih masyhur, akan tetapi jika bersandarkan bukti-bukti yang lemah dan terpencil juga akan ditolak oleh Shawqi: Dayf. Pengguguran ini juga bertujuan untuk memudahkan pelajar dan meringankan mereka daripada syarat-syarat dan kaedah yang banyak serta membebankan.

4.1.6 Menambah Perkara-Perkara Yang Penting

Beberapa perkara yang dirasakan penting oleh Shawqi: Dayf mesti dimasukkan dalam subjek ini untuk mengatasi masalah kelemahan pelajar dalam nahu Arab dan memudahkannya untuk mereka. Selain itu tambahan ini perlu bagi menjelaskan pola-pola bahasa Arab kepada para pelajar dengan lengkap (2003:41). Jadual 4.12 ini merupakan senarai tambahan yang dimasukkan oleh Shawqi: Dayf:

Jadual 4.12: Tambahan penting yang dimasukkan

| Bil. | Tambahan |
|------|---|
| 1. | Perkataan Arab dan huruf-hurufnya |
| 2. | Jadual <i>taṣrif</i> kata kerja tiga huruf bersama <i>dama:’ir al-raf’ al-muttaṣilat</i> |
| 3. | Jadual <i>taṣrif</i> kata kerja kala kini dan kata kerja perintah bersama kata tugas <i>nu:n</i> untuk penegasan. |
| 4. | <i>Ta:’ al-ta’ni:th al-lafzīy</i> dan maknanya yang pelbagai |
| 5. | Perbezaan antara huruf <i>nu:n</i> duaan dan jamak <i>mudhakkar sa:lim</i> dengan <i>nu:n al-af'a:l al-khamṣat</i> |
| 6. | <i>Ism al-jam’</i> dan <i>ism al-jins al-jam’</i> untuk melihat perbezaan antara kedua-duanya dengan jamak |
| 7. | <i>Maṣdar ṣina:</i> ‘iȳ kerana penggunaannya meluas terutama dalam isitilah-istilah saintifik |
| 8. | Pengguguran huruf <i>ya</i> daripada <i>ism fa:’il</i> yang tak definit yang diterbitkan daripada kata kerja yang <i>maqṣu:r</i> dan <i>manqu:s</i> |
| 9. | Jika suatu benda itu banyak di satu-satu tempat, boleh diterbitkan <i>ism al-maka:n</i> daripadanya dalam pola مَسْدَةٌ |
| 10. | Penjelasan yang lebih tentang isu <i>nu:n al-wiqa:yat</i> dengan <i>ya:’ al-mutakallim</i> dalam kata kerja, kata nama, dan peranti |
| 11. | Pembahagian kata nama kepada <i>muḍa:f-</i> bukan <i>muḍa:f</i> dan <i>ta:bi:’ – matbu:’</i> |
| 12. | Kata nama jamak tak berakal dikira sebagai kata tunggal yang feminine apabila digandingkan dengan adjektif, predikat, dan kata kerja. |
| 13. | Jamak <i>taksi:r</i> bagi manusia apabila menjadi pelaku, kata kerja bagi pelaku tersebut boleh feminine atau maskulin |
| 14 | Bentuk أَحَادٍ – مَوْحِدٌ dan أُخْرٌ |
| 15 | Memberikan lebih huraian untuk bab ini |

Jadual 4.12, sambungan

| Bil. | Tambahan |
|------|--|
| 16 | Menambah kata tugas dan membahagikannya kepada kata tugas yang <i>ja:rat</i> dan bukan <i>ja:rat</i> |
| 17 | Bab Penyebutan dan Pengguguran |
| 18 | Bab Pendepanan dan Pengakhiran |
| 19 | Menerangkan tentang ayat namaan dan ayat kerjaan serta perbezaan antara kedua-duanya |
| 20 | Membahagikan ayat kepada ayat bebas dengan ayat terikat |

Bilangan satu dalam jadual di atas, ditambah oleh Shawqi: Dayf memandangkan kepentingannya dalam membentuk sebutan yang betul. Kaedah-kaedahnya diambil daripada ilmu tajwid. Buku-buku nahu sebelum ini tidak terdapat bab ini kerana pada zaman tersebut, para pelajar mempelajarinya ketika mereka menghafaz Al-Quran. Oleh kerana ilmu nahu dipelajari selepas hafazan Al-Quran maka bab tersebut tidak lagi perlu dipelajari. Berbeza dengan masa kini, para pelajar tidak menghafaz Al-Quran dan jika mereka menghafaznya, bab ini tidak dipelajari semasa hafazan (1993:169).

Shawqi: Dayf juga berpendapat jadual *taṣri:f* bagi kata kerja tiga huruf yang ditambah dalam nahu dapat memudahkan pelajar untuk mempraktikkannya. Dengan adanya jadual ini, pelajar dapat menggambarkan dan menggunakan dengan betul kerana ia bukanlah kaedah yang berbentuk teori semata-mata tetapi jadual yang jelas. Kebanyakan bahasa yang hampir serupa dengan bahasa Arab dalam kesukaran *taṣri:f* kata kerja dengan kata ganti nama seperti bahasa Perancis juga menggunakan cara yang sama (1993:173).

Bagi tambahan bilangan sebelas, iaitu pembahagian kata nama kepada *muða:f*- bukan *muða:f* dan *ta:bi'* – *matbu:*' dalam bahagian morfologi, ia ditambah dalam bahagian ini agar pelajar faham bahawa ia bukan isu ayat akan tetapi perkataan. Namun pada pendapat pengkaji apa yang dilakukan oleh Shawqi: Dayf ini sebenarnya bukanlah tambahan tetapi perpindahan daripada bahagian sintaksis kepada bahagian morfologi.

4.2 Perkembangan simplifikasi nahu Shawqi: Dayf dalam buku *Tajdi:d al-Naḥw* dan *Taysi:r al-Naḥw al-Ta'li:miyy Qadi:man Wa Ḥadi:than Ma'a Nahj Tajdi:dih*

Buku *Tajdi:d al-Naḥw* merupakan buku simplifikasi nahu Arab pertama Shawqi: Dayf bagi tujuan pengajaran yang diterbitkan pada tahun 1983 iaitu tiga puluh enam tahun selepas beliau meletakkan asasnya dalam mukadimah buku *al-Radd 'Ala: al-Nuḥa:t* yang disuntingnya. Buku ini telah dicetak sebanyak lima kali dan cetakan terakhir ialah pada tahun 2003 (Maḥmu:d al-Mana:wi:, 2007:30).

Manakala buku *Taysi:r al-Naḥw al-Ta'li:miyy Qadi:man wa Ḥadi:than Ma'a Nahj Tajdi:dih* merupakan buku kedua Shawqi: Dayf tentang simplifikasi nahu Arab. Ia diterbitkan kali pertama pada tahun 1986. Sehingga tahun 1993, buku ini telah dicetak sebanyak dua kali (ibid:2007:29).

Bagi melihat perkembangan simplifikasi nahu Arab Shawqi: Dayf dalam kedua-dua buah buku tersebut, pengkaji membuat perbandingan antara kedua-duanya. Ia dibuat dari sudut tujuan buku-buku ini ditulis, susunan buku dan penerangan tentang asas-asas simplifikasi. Dalam buku *Tajdi:d al-Naḥw*, tujuan, susunan buku, dan penerangan asas-asas simplifikasi dijelaskan dalam mukadimah dan pendahuluan buku manakala dalam buku *Taysi:r al-Naḥw al-Ta'li:miyy*, ia dijelaskan dalam mukadimah dan bahagian

pertama buku iaitu dalam bab Asas-Asas Pembaharuan Nahu dan bab Buku *Tajdi:d al-Naḥw*.

4.2.1 Tujuan Penulisan

Dalam mukadimah kedua-dua buah buku Shawqi: Dayf berkaitan dengan simplifikasi nahu Arab, beliau telah menyatakan tujuan kedua-duanya ditulis. Buku *Tajdi:d al-Naḥw* ditulis bertujuan memperbaharui nahu Arab dengan menjadikannya dekat dengan para pelajar serta memudahkannya untuk mereka (2003:4). Buku ini merealisasikan harapan Shawqi: Dayf agar nahu Arab diperbaharui dan dipermudahkan dalam bentuk dan kaedah yang mantap. Dengan itu, ia dapat membantu untuk menggambarkan kaedah-kaedah nahu Arab serta menyempurnakan kekurangannya (2003:8).

Dalam buku *Taysi:r al-Naḥw al-Ta‘li:miyy*, dalam bab khas yang menerangkan lebih lanjut tentang buku *Tajdi:d al-Naḥw*, Shawqi: Dayf telah menerangkan sebab buku pertama tidak dinamakan *Taysi:r al-Naḥw* walaupun tujuannya ialah *taysi:r* atau simplifikasi. Sebab yang dinyatakan ialah buku tersebut telah membentuk semula ilmu nahu dalam bentuk yang baru. Apabila ia dinamakan *Tajdi:d* iaitu pembaharuan, maka namanya selaras atau seragam dengan isi kandungannya yang telah diperbaharui itu (1993:74) .

Beliau juga berharap agar kaedah, cara penyusunan bab, dan isi kandungan buku *Tajdi:d al-Naḥw* menjadi rujukan penulis-penulis untuk menghasilkan buku nahu bagi tujuan pengajaran mengikut pemeringkatan tahun pembelajaran. Dalam buku *Taysi:r al-Naḥw al-Ta‘li:miyy*, Shawqi: Dayf telah menambah agar buku-buku yang akan

dihadarkan itu disertakan dengan latihan yang meliputi ciri-ciri bahasa Arab dan menggambarkan bentuk-bentuknya dengan baik serta sempurna (1993:75).

Buku *Taysi:r al-Naḥw al-Ta’li:miyy*: dihasilkan untuk menyokong dan menguatkan lagi buku pertama Shawqi: Ḥayf tentang simplifikasi nahu Arab iaitu *Tajdi:d al-Naḥw*. Dalam buku kedua ini, beliau memasukkan koleksi kajian-kajian dan bukti-bukti agar pendekatan yang beliau guna untuk simplifikasi nahu Arab bagi tujuan pedagogi lebih jelas (1993:6).

4.2.2 Penyusunan Buku

Dalam mukadimah buku *Tajdi:d al-Naḥw*, Shawqi: Ḥayf telah menerangkan susunan buku tersebut. Buku itu dimulai dengan satu bab pendahuluan yang menjelaskan asas-asas pembaharuan nahu Arab. Kemudian, isi kandungan nahu Arab yang telah diperbaharui itu disusun dalam enam bahagian; dua bahagian khusus untuk ilmu morfologi dan empat bahagian untuk ilmu sintaksis. Keenam-enam bahagian terebut ialah bahagian Sebutan Perkataan, Jenis-Jenis Kata Kerja, Dan Jenis-Jenis Kata Tugas, bahagian Kata Nama, bahagian *al-Marfu:’a:t*, bahagian *al-Manṣu:ba:t*, bahagian *Takammula:t*, dan bahagian *Iḍa:fa:t* (2003:5-6).

Buku *Taysi:r al-Naḥw al-Ta’li:miyy* pula dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama buku menceritakan usaha-usaha simplifikasi nahu Arab bagi tujuan pengajaran pada zaman dahulu dan moden. Usaha-usaha pada zaman dahulu yang tidak merombak teori nahu Arab tradisional sama ada dalam bentuk matan seperti *Matan al-Ajru:miyyat* atau ringkasan seperti *Qaṭr al-Nada:*, atau pun yang melibatkan rombakan pada teori tersebut yang dinamakan reformasi Ibn Maḍa:’. Usaha-usaha pada zaman moden pula

antara yang disenaraikan oleh Shawqi: Dayf ialah usaha Rifa:‘at al-Tahṭawi;, Ibrahi:m Muṣṭafa:, cadangan jawatan kuasa simplifikasi nahu Arab Kementerian Pelajaran Mesir, ketetapan mesyuarat agung Dewan Bahasa Arab Kaherah tahun 1945, dan buku beliau *Tajdi:d al-Naḥw* (1993:4-5).


Bahagian kedua buku pula merupakan penerangan Shawqi: Dayf tentang kaedah pertama beliau yang asas dalam simplifikasi nahu iaitu membebaskan nahu daripada kaedah-kaedah serta bab-bab sampingan dan tambahan. Kedua-dua perkara ini dilihat sebagai rumit dan menyusahkan pelajar bahkan langsung tidak membantu mereka mendalami serta menguasai bahasa Arab. Sebanyak dua puluh pemansuhan telah diterangkan lengkap dengan pendapat-pendapat sarjana nahu Arab serta rujukan.

Dalam bahagian ketiga buku *Taysi:r al-Naḥw al-Ta‘li:miyy*, diterangkan cara Shawqi: Dayf menyempurnakan kekurangan nahu Arab dengan menambah perkara-perkara penting. Ia dilihat dapat membantu pelajar-pelajar memahami dan mencontohi bentuk-bentuk bahasa Arab dari sudut binaan perkataan dan ayatnya . Sebanyak lapan perkara tambahan yang diterangkan oleh beliau dalam bahagian ini.

Pengkaji mendapati bahawa keenam-enam asas simplifikasi nahu Arab yang dibuat oleh Shawqi: Dayf telah dikumpulkan dan diterangkan dalam bahagian kedua atau ketiga buku *Taysi:r al-Naḥw al-Ta‘li:miyy*. Ia seolah-olah menunjukkan bahawa terdapat dua perkara utama dalam simplifikasi nahu Arab yang dibuat oleh Shawqi: Dayf. Setiap asas simplifikasi nahu yang dibuat oleh beliau, ia akan kembali pada dua perkara tersebut. Perkara tersebut ialah pertama memansuhkan tajuk atau perincian nahu yang banyak dan rumit tetapi tidak penting dan yang kedua penambahan beberapa tajuk yang

terabai daripada nahu sebelum ini tetapi sebenarnya penting dalam menguatkan kemampuan berbahasa pelajar (1993:5).

Dalam dalam bahagian kedua atau ketiga *Taysi:r al-Naḥw al-Ta’li:miyy* juga, Shawqi: Dayf telah menerangkan dan membincangkan setiap satu itu dengan mendalam beserta dengan perbincangan sarjana-sarjana nahu Arab tradisional. Pada akhir setiap perbincangan, Shawqi: Dayf akan menyatakan pendapat beliau sendiri atau pendapat sarjana nahu yang manakah beliau pilih kerana ketepatannya dengan prinsip beliau dalam simplifikasi nahu. Beliau juga menyenaraikan buku-buku nahu tradisional yang dirujuk bagi setiap isu nahu yang diperbincangkan. Rajah 4.3 menunjukkan contoh penerangan Shawqi: Dayf dalam buku *Taysi:r al-Naḥw al-Ta’li:miyy*:



Rajah 4.3: Contoh bahagian akhir penerangan setiap isu

4.2.3 Asas simplifikasi nahu Arab

Hasil daripada perbandingan asas simplifikasi nahu yang diterangkan oleh Shawqi: Dayf dalam buku *Tajdi:d al-Naḥw* dan *Taysi:r al-Naḥw al-Ta'li:miyy*, pengkaji mendapati ada antara penerangan tersebut yang mempunyai persamaan, pertambahan, perbezaan, dan percanggahan. Jadual 4.13 di bawah merupakan rumusan bagi dapatan tersebut:

Jadual 4.13: Hasil perbandingan asas simplifikasi nahu dalam kedua-dua buku

| Bil. | Asas Simplifikasi Nahu | Persamaan | Pertambahan | Perbezaan | Percanggahan |
|------|---------------------------|-----------|-------------|-----------|--------------|
| 1. | Satu | √ | √ | √ | √ |
| 2. | Dua | √ | √ | - | - |
| 3. | Tiga | √ | - | √ | - |
| 4. | Empat | √ | - | - | - |
| 5. | Lima | √ | √ | √ | √ |
| 6. | Enam | √ | √ | - | - |

A) Persamaan

Secara umumnya, asas simplifikasi nahu yang diterangkan dalam kedua-dua buah buku adalah sama. Iaitu kedua-dua buku menerangkan keenam-enam asas simplifikasi nahu yang sama. Persamaan ini menunjukkan bahawa secara umumnya, simplifikasi nahu Shawqi: Dayf bersifat tekal.

B) Pertambahan

Dalam buku *Taysi:r al-Nahw al-Ta'li:miyy*, pengkaji mendapati terdapat pertambahan yang melibatkan empat asas simplifikasi iaitu asas satu, dua, lima dan enam. Pertambahan tersebut hanya melibatkan pertambahan pada penerangan bersesuaian dengan tujuan buku tersebut ditulis iaitu untuk menjadi sokongan pada buku pertama agar lebih difahami. Pertambahan yang berlaku adalah seperti berikut:

i) Asas Satu

- 1) Penambahan penerangan tentang pemindahan bab *al-Tawa:bi:* ‘ ke bahagian morfologi iaitu untuk mengelakkan kekeliruan dalam kalangan pelajar antara kata adjektif yang terdapat dalam bab *al-Tawa:bi:* ‘ dengan predikat dan *ha:l* (1993:49).
- 2) Penambahan lima kesimpulan pada akhir penerangan tentang asas satu (1993:55-56).

Kesimpulan tersebut ialah:

- a) Sebanyak dua puluh lima bab utama nahu dikekalkan iaitu
 - 1- Subjek dan Predikat
 - 2- ن و Golongannya dan الـ *al-Na:fiyat li al-Jins*
 - 3- Pelaku
 - 4- Naib Pelaku
 - 5- Objek
 - 6- *al-Maf'u:l al-Mu'tlaq*
 - 7- *al-Maf'u:l Fi:h*
 - 8- *al-Maf'u:l Li Ajlih*
 - 9- *al-Maf'u:l Ma'ah*
 - 10- *al-istithna:*’ (Pengecualian)
 - 11- *al-Ha:l*
 - 12- *al-Tamyi:z*
 - 13- Bilangan
 - 14- Kata Tugas *Jarr*
 - 15- *al-Iḍa:fat*
 - 16- Kefungsian *al-Maṣdar* dan Kata Terbitan
 - 17- Adjektif
 - 18- Penegasan

- 19- *al-'Atf*
- 20- *al-Badal*
- 21- *Nu:n al-Tawki:d*
- 22- Kata Seru
- 23- *Ism al-Fa: 'il*
- 24- *I'ra:b* Kata Kerja Kala Kini
- 25- *al-Mamnu: ' Min al-Sarf*

b) Sebanyak lapan belas subtopik dimansuhkan iaitu

- 1- *كَانَ* dan Golongannya
- 2- *مَا، لَا* yang berfungsi seperti *لِيُسَّ*
- 3- *كَادَ* dan Golongannya
- 4- *ظُنْنَ* dan Golongannya
- 5- *أَعْلَمَ* dan Golongannya
- 6- *al-Tana:zu* ‘
- 7- *al-Ishtigha:l*
- 8- *al-Šifat al-Mushabbahat*
- 9- *Ism al-Tafđī:l*
- 10- *Fi 'l al-Ta 'ajjub*
- 11- *Fi 'l al-Madħ* dan *al-Dham*
- 12- *Kinaya:t al- 'Adad*
- 13- *al-Nudbat*
- 14- *al-Ikhtiṣa:s*
- 15- *al-Taḥdhi:r*
- 16- *al-Ighra: '*
- 17- *al-Tarkhi:m*
- 18- *al-Istigha:that*

c) Kebanyakan bab yang dimansuhkan ini bersandarkan kepada pendapat sarjana nahu aliran Kufah dan sebahagian yang lain adalah sarjana nahu aliran Basrah.

d) Kesemua contoh-contoh yang mewakili pola bab-bab yang dimansuhkan tidak dikeluarkan daripada nahu akan tetapi dimasukkan dalam bab-bab utama yang dikekalkan.

e) Penyusunan baru ini masih lagi menjaga struktur am ilmu nahu Arab. Kesemua perkara yang dimansuhkan ini merupakan cabang-cabang daripada bab-bab utama. Ia dimansuhkan bagi membantu pelajar mendalami kaedah-kaedah dalam bentuk yang mudah sehingga mereka dapat mengambarkannya dan mencontohnya.

ii) Asas Dua

Dalam buku *Tajdi:d al-Naḥw*, dinyatakan bahawa asas kedua ini telah menyebabkan pemansuhan tiga perkara lain iaitu membuang *taqdi:r mutallaq* bagi *zarf* dan *al-jar wa al-majru:r*, membuang *taqdi:r* أَنْ الْمَصْدَرِيَّةُ dalam kata kerja kala kini, dan membuang tanda *far'iyyat* dalam *i'ra:b*. Shawqi: Dayf telah menambah perkara yang keempat dalam buku *Taysi:r al-Naḥw al-Ta'li:mi:* iaitu mengekalkan istilah bagi *al-i'ra:b dan al-bina:'* (1993:58). Pengkaji mendapati bahawa kajian-kajian lepas tidak mengulas perkara yang keempat ini kerana sampel kajian mereka yang terhad pada buku *Tajdi:d al-Naḥw* sahaja.

Dalam isu membuang *taqdi:r mutallaq* bagi *zarf* dan *al-jar wa al-majru:r*, Shawqi: Dayf telah menambah peranti yang kelapan dalam senarai peranti yang menjadikan kata kerja kala kini *mansu:b* iaitu إِذْنٌ (1993:57-58). Beliau juga telah menambah penerangan bagi syarat yang membolehkan partikel ذُو menjadikan kata kerja kala kini - *mansu:b* iaitu ia mestilah membawa makna إِلَى atau لِإِلَى (ibid:57-58).

iii) Asas Lima

Pada akhir penerangan asas ini dalam buku *Taysi:r al-Naḥw al-Ta'li:miyy*, Shawqi: Dayf menyatakan bahawa beliau yakin dengan pengguguran ini, pengajaran nahu akan menjadi lebih mudah. Para pelajar juga mampu menggambarkan bentuk-bentuk nahu tanpa sebarang halangan dan kesusahan. Mereka hanya patut mempelajarinya sekadar untuk mengelakkan diri daripada melakukan kesalahan berbahasa. Perkara-perkara

yang digugurkan ini kekal dalam buku nahu tradisional yang lebih terperinci yang lebih sesuai untuk ahli akademik dan pakar-pakar dalam bidang ini.

iv) Asas Enam

Pada akhir penerangan tentang asas enam dalam buku *Taysi:r al-Naḥw al-Ta‘li:miyy*, Shawqi: Dayf telah menambah tentang enam bab yang perlu diambil berat oleh para pelajar. Bab-bab tersebut ialah *al-masdar* dan kata terbitan yang berfungsi seperti kata kerja, kata-kata tugas, penyebutan dan pengguguran, pendepanan dan pengakhiran, bab ayat-ayat asas dan jenis-jenis ayat iaitu ayat yang terikat dan ayat yang tidak terikat (1993:63-64).

Pada akhir asas ini juga, beliau menyertakan agar buku-buku nahu arab tradisional diteliti semula. Penelitian ini perlu agar perincian yang dilihat dapat membantu pelajar lebih memahami pola-pola ayat bahasa Arab dapat ditambah dalam buku mereka dan tidak diabaikan begitu sahaja (1993:64).

C) Perbezaan

Perbezaan yang berlaku dalam kedua-dua buku hanya melibatkan kedudukan penerangan tersebut iaitu ada perubahan yang dibuat oleh Shawqi: Dayf diterangkan dalam asas satu dalam buku *Tajdi:d al-Naḥw* tetapi dalam buku *Taysi:r al-Naḥw al-Ta‘li:miyy* perkara yang sama diterangkan dalam asas yang berbeza. Jadual berikut menerangkan perbezaan yang berlaku antara kedua-dua buku:

Jadual 4.14: Perbezaan penerangan antara kedua-dua buah buku

| Bil | Asas Simplifikasi Nahu | Tajdi:d al-Naḥw | Taysi:r al-Naḥw al-Ta‘li:miyy |
|-----|---|--|--|
| 1 | Asas Satu: i) Pemansuhan bab <i>al-Mi:za:n al-Şarfiyy</i> dan <i>al-I'la:l</i> serta penambahan bab Sebutan Perkataan dalam ilmu morfologi | diterangkan dalam asas satu (2003:11). | diterangkan dengan lebih jelas dalam asas lima iaitu pemansuhan tambahan-tambahan yang banyak dan dalam asas enam iaitu penambahan tajuk-tajuk penting (1993:62-63). |
| 2 | Asas Tiga: <i>i'ra:b</i> untuk sebutan yang betul dengan cara memansuhkan <i>i'ra:b</i> yang tidak memberi kesan pada sebutan | menerangkan pemansuhan <i>i'ra:b</i> kata nama <i>shart</i> , لَكُمْ الْاسْتِفْهَامِيَّةُ، سِيمَا وَالخُرْبَةُ، أَنْ، كَانْ، لَكُنْ، الْمُخْفَفَةُ، dan partikel pengecualian. Bagi partikel pengecualian, beliau hanya mengekalkan partikel yang mempunyai <i>mustathna:mansu:b</i> sahaja. (2003:27-28). | pemansuhan partikel لَكُنْ الْمُخْفَفَةُ كَانْ dan tidak dinyatakan. Beliau juga tidak menyatakan bahawa <i>al-istithna: ‘ al-mufarragh</i> dikeluarkan daripada bab pengecualian (1993:58-59) |
| 3 | Asas Lima | Pengguguran bab <i>al-i'la:l</i> dan <i>al-mi:za:n al-şarfiyy</i> diterangkan dalam asas satu | Menerangkan pengguguran bab <i>al-i'la:l</i> dan <i>al-mi:za:n al-şarfiyy</i> dalam asas lima |

D) Percanggahan

1) Pembahagian Bab Buku

Dalam bahagian pertama buku *Taysi:r al-Naḥw al-Ta‘li:miyy:*, iaitu dalam bab yang menerangkan tentang buku *Tajdi:d al-Naḥw*, pengkaji mendapati bahawa Shawqi: Dayf menerangkan bahawa buku tersebut mengandungi lima bahagian sahaja; dua bahagian ilmu morfologi dan tiga bahagian nahu. Bahagian-bahagian tersebut ialah bahagian sebutan perkataan, jenis-jenis kata kerja, dan jenis-jenis partikel, bahagian kata nama, bahagian *al-marfu'a:t*, bahagian *al-mansu:ba:t*, dan bahagian *takammula:t*. Selepas beliau menerangkan tentang bahagian kelima iaitu *takammula:t*, beliau menyebut bahawa buku *Tajdi:d al-Naḥw* diakhiri dengan ayat asas bahasa Arab iaitu ayat namaan

dan kerjaan serta jenis-jenis ayat bahasa Arab tanpa menyebut langsung tentang bahagian keenam buku tersebut iaitu *iḍa:fa:t* (1993:65).

2) Peranti *Idhan*

Dalam buku *Tajdi:d al-Naḥw* Shawqi: Dayf menerangkan bahawa beliau menggugurkan syarat-syarat yang membolehkan peranti *idhan* menjadikan kata kerja kala kini *maṣṣu:b*. (2003:38). Namun dalam buku *Taysi:r al-Naḥw al-Ta'limiy*, Shawqi: Dayf menyatakan keperluan mengeluarkan peranti *idhan* daripada senarai peranti *naṣb* kata kerja kala kini. Ini kerana terdapat bukti-bukti yang menunjukkan kata kerja kala kini kekal *marfu:* ‘ walaupun digandingkan dengan peranti ini (1993:144).

3) Isu *al-Ikhtiṣa:s*

Shawqi: Dayf memansuhkan bab *al-Ikhtiṣa:s* daripada bahagian *al-Mansuba:t* dan memindahkan contoh-contohnya seperti نَحْنُ مَعَاشِرُ الْأَنْبِيَاءِ kepada bab *al-Tamyi:z* (2003:21). Manakala dalam buku *Taysi:r al-Naḥw al-Ta'li:miyy* beliau menyenaraikan contoh tersebut sebagai ayat *mu'taridat* (1993:195). Ini bertentangan dengan penerangan beliau dalam buku *Tajdi:d al-Naḥw* kerana *tamyi:z* bukan ayat.

Percanggahan ini walau bagaimanapun tidak mengubah model simplifikasi nahu yang dibuat oleh Shawqi: Dayf dalam buku *Tajdi:d al-Naḥw* walaupun ia dicetak berulang kali selepas terbitnya buku kedua.

Kesimpulan daripada perbandingan antara dua buah buku ini, pengkaji mendapati berlaku perkembangan idea berkaitan isu simplifikasi nahu Shawqi: Dayf. Terdapat tujuh penambahan penerangan yang melibatkan empat asas, tiga perbezaan dan tiga percanggahan. Oleh itu pengkaji berpendapat kajian terhadap simplifikasi nahu

Shawqi: Dayf haruslah melibatkan kedua-dua buah buku ini bagi mendapat gambaran secara tepat dan menyeluruh tentang simplifikasi nahu beliau.

4.3 Analisis Sumber Simplifikasi Nahu Arab Shawqi: Dayf dan Keselarasan Antara Teori dan Pelaksanaan

Simplifikasi nahu Arab yang dilakukan oleh Shawqi: Dayf dianalisis dari dua sudut. Pertama, ia dianalisis dari sudut sumber-sumber yang mempengaruhi beliau dalam membentuk asas-asas simplifikasi tersebut. Kedua, simplifikasi nahu yang dibuat oleh beliau akan dianalisis dari sudut ketepatannya iaitu adakah simplifikasi nahu Shawqi: Dayf ini secara praktikalnya menepati asas-asas yang ditetapkan oleh beliau.

4.3.1 Sumber-Sumber Simplifikasi Nahu Shawqi: Dayf

Pengkaji membahagikan sumber-sumber simplifikasi nahu Shawqi: Dayf kepada tiga, iaitu pengaruh Ibn Mađa:, pengaruh sarjana nahu yang lain dan ijтиhad Shawqi: Dayf sendiri.

4.3.1.1 Pengaruh Ibn Mađa:’

Kebanyakan pengkaji menyatakan Shawqi: Dayf antara sarjana yang banyak terpengaruh dengan teori nahu Ibn Mađa:. Muhammad al-Mukhta:r (1996:566) menyatakan Shawqi: Dayf selepas menyunting buku Al-Radd ‘Ala: al-Nuḥa:t, beliau menyokong pendapat Ibn Mađa:’ dan menyahut seruan beliau serta berusaha mempraktikkannya dalam nahu. Menurut Kha:lid al-Kindi: (2007:275), kebanyakan perbincangan dalam buku *Tajdi:d al-Nahw* adalah berdasarkan pendapat Ibn Mađa:’

Pengaruh Ibn Mađa:’ dapat dilihat apabila Shawqi: Dayf menyatakan bahawa tiga asas pertama simplifikasi telah diletakkan seawal suntingan beliau terhadap buku Ibn Mađa:’(1986:3-4). Asas-asas tersebut ialah penyusunan semula tajuk-tajuk nahu, memansuhkan *i’ra:b taqdi:riyy* dan *maḥaliyy* pada ayat, serta *i’ra:b* bagi tujuan sebutan yang betul. Ketiga-tiga asas ini diletakkan kerana terkesan dengan prinsip pertama dalam teori nahu Ibn Mađa:’ iaitu memansuhkan teori ‘*a:mil*.

Dalam kedua-dua buah buku Shawqi: Dayf iaitu *Tajdi:d al-Naḥw* dan *Taysi:r al-Naḥw al-Ta’li:miyy Qadi:man Wa Ḥadi:than Ma‘a Nahj Tajdi:dih*, beliau tidak menyatakan dengan jelas pendirian beliau terhadap teori ‘*a:mil*. Namun apabila diteliti mukadimah suntingan buku *al-Radd ‘Ala: al-Nuḥa:t* beliau telah bersetuju dengan pendapat Ibn Mađa:’ untuk memansuhkan teori ‘*a:mil*. Ibn Mađa:’ dalam buku tersebut mempraktikkan seruannya untuk memansuhkan teori tersebut dalam beberapa isu atau topik nahu akan tetapi Shawqi: Dayf bercita-cita untuk meluaskan seruan tersebut dalam ilmu nahu keseluruhannya (Ibn Mađa:’,1988:48).

Cita-cita beliau ini diterjemahkan dalam usaha membuat susunan baru tajuk-tajuk nahu. yang bukan berdasarkan teori ‘*a:mil* (Ibn Mada:’,1988:48). Shawqi: Dayf berpendapat susunan berdasarkan teori ‘*a:mil* menyebabkan bab atau tajuk-tajuk nahu menjadi bercabang-cabang dan kucar-kacir (ibid,1988:55). Oleh itu dalam buku *Tajdi:d al-Naḥw*, banyak bab atau tajuk nahu yang dimansuhkan dengan cara sebahagian besarnya diserapkan dalam bab atau tajuk yang asas.

Bab yang paling menonjol terbentuk atas dasar teori ‘*a:mil* ialah bab *al-tana:zu*’ dan *al-ishtigha:l*. Kedua-dua bab ini bukan sahaja dimansuhkan daripada bahagian *al-marfu:a:t* malah Shawqi: Dayf menerima pakai saranan Ibn Mađa:’ untuk memansuhkan beberapa pola ayat yang tidak wujud dalam percakapan orang Arab

(*kala:m al-'Arab*). Pola ayat tersebut ialah yang melibatkan kata kerja transitif yang memerlukan lebih daripada satu objek seperti ظنٌّ وَعَلِمٌ (Shawqi: Dayf, 1986:18-20). Dalam bab *al-tana:zu'* juga beliau bersetuju dengan Ibn Maða:’ yang melihat pandangan al-Kisa:’i: adalah yang terbaik iaitu pelaku boleh digugurkan daripada kata kerja (*ibid*, 1986:20).

Pemansuhan teori ‘a:mił juga menyebabkan Shawqi: Dayf menolak *taqdi:r* atau andaian kewujudan perkataan yang menjadi ‘a:mił kepada perkataan lain selari dengan pendapat Ibn Maða:’. Sebagai contoh, dalam bahagian *al-mansu:ba:t*, Shawqi: Dayf memansuhkan tajuk *al-Ikhtiṣa:s* dan menyerapkan contoh-contoh ayat dalam tajuk itu dalam tajuk *al-Tamyi:z* seperti ayat تَحْنُنُ الْمِصْرِيَّينَ أَوْ فِيَاءُ (Kami orang-orang Mesir adalah orang menepati janji). Beliau menolak pendapat sarjana nahu tradisional yang mengandaikan kewujudan kata kerja أَنْحُصُّ sebagai ‘a:mił bagi kata nama yang *mansi:u:b* dalam ayat tersebut.

Selain itu, Shawqi: Dayf juga memansuhkan bab dalam nahu bersandarkan pada pendapat Ibn Maða:’ iaitu menolak andaian sarjana nahu tradisional, *ta'wi:l* atau *taqdi:r*. Bab tersebut ialah bab *al-Tamyi:z al-Muḥawwal* daripada pelaku dan subjek. Untuk mengelakkan *ta'wi:l*, beliau berpendapat *al-tamyi:z* boleh didatangkan secara terus selepas kata kerja tak transitif, *al-sifat al-mushabbahat*, dan *ism al-tafđil*. Bagi mengelakkan *ta'wi:l* juga beliau memansuhkan bab *al-Tamyi:z al-Muḥawwal* daripada objek dan contoh tersebut diserapkan dalam tajuk *al-Badal*.

Terdapat dua bab yang dimansuhkan oleh Shawqi: Dayf yang diterangkan dalam aras satu ini juga terkesan dengan pendapat Ibn Maða:’ iaitu memansuhkan perkara yang tidak memberi faedah pada sebutan yang betul. Kedua-dua bab itu ialah *al-Istigha:that* dan *al-Nudbat* kerana Shawqi: Dayf berpandangan analisis nahu yang dibuat oleh sarjana nahu bagi kedua-dua bab ini tidak memberi faedah pada sebutan yang betul. Kedua-dua bab ini diserapkan dalam bab *al-Nida:*’

Asas kedua simplifikasi nahu yang dilakukan oleh Shawi: Dayf ialah memansuhkan *i'ra:b taqdi:riyy* dan *i'ra:b mahalliy* dalam ayat. Asas ini juga telah diletakkan sejak beliau menyunting buku Ibn Mada:', *al-Radd 'Ala: al-Nuha:t*. Dalam mukadimah suntingan tersebut, Shawqi: Dayf telah menerangkannya ketika penjelasan beliau tentang melarang *al-ta'wīl* dan *al-taqdīr* dalam ayat.

Dalam asas kedua ini, Shawqi: Dayf telah memansuhkan *taqdi:r muta'llaq* bagi *zarf* dan *al-ja:r wa al-majru:r* selari dengan pendapat Ibn Maða:'. Begitu juga pemansuhan *taqdir* وَوَالْمَعِيَّةَ فَأَنْ الْمَصْدَرِيَّةَ dalam kata kerja kala kini selepas yang merupakan aplikasi teori nahu Ibn Maða:'. Namun begitu, Shawqi: Dayf tidak menghadkannya pada kedua-dua partikel ini sahaja, malah telah menambah baki partikel *al-našb* yang lain seperti كَيْ، لَمْ التَّعْلِيلِ، لَمْ الْجُحُودِ حَتَّى dan . Oleh itu dalam simplifikasi nahu beliau, kata kerja kala kini yang berada selepas partikel-partikel ini *mansu:b* kerana kewujudannya bukan kerana andaian kewujudan أَنْ الْمَصْدَرِيَّةَ.

Pada akhir buku *al-Radd ‘Ala: al-Nuha:t*, Ibn Mađa:’ menyeru agar memansuhkan semua perkara yang tidak memberi faedah pada sebutan ketika berbahasa. Shawqi: Dayf telah menyahut seruan ini dan menjadikan asas ketiga simplifikasi nahu ialah *i’ra:b* untuk sebutan yang betul. Asas ini juga diletakkan semasa suntingan terhadap buku Ibn Mađa:’ iaitu pada akhir penerangan Shawqi: Dayf tentang melarang *al-ta’wi:l* dan *al-taqdi:r* dalam ayat. Beliau telah menyenaraikan tujuh perkara yang tidak perlu kepada *i’ra:b* iaitu كَمِ الْاسْتَفْهَامِيَّةِ وَالْخَبَرِيَّةِ، أَنْ، كَانْ وَلَكِنْ السُّمْخَفَفَةِ، أَدَوَاتُ الشَّرْطِ الْاسْمَيَّةِ لَا سِيمَا dan sebahagian partikel untuk pengecualian. Sarjana nahu tradisional telah berlebih-lebihan dalam *i’ra:b* ketujuh-tujuh perkara ini sehingga menimbulkan kerumitan. Namun begitu pada pendapat Shawqi: Dayf, ianya tidak memberi faedah pada sebutan ketika berbahasa kerana walaubagaimanapun *i’ra:b*nya, sebutan ketujuh-tujuh perkara ini kekal dan tidak berubah.

Selain daripada ketiga-tiga asas simplifikasi nahu ini, pengkaji berpendapat asas kelima iaitu menggugurkan pelbagai perincian dan tambahan yang merumitkan dalam nahu juga terkesan dengan teori nahu Ibn Mađa:’. Pengkaji mendapati kebanyakan perincian dalam tajuk-tajuk nahu yang digugurkan adalah kerana ia terhasil daripada andaian dan contoh-contoh yang dibuat-buat oleh sarjana nahu tradisional. Shawqi: Dayf mengambil pendekatan yang digunakan oleh Ibn Mađa:’ iaitu menolak contoh-contoh yang terhasil daripada andaian dan rekaan sarjana nahu tradisional serta berpada dengan contoh yang memang jelas daripada sumber percakapan orang Arab (*kala:m al-‘Arab*). Antara perincian yang digugurkan ini atas sebab ini ialah **أَنَّ الْمُخْفَفَةَ** dan *tawa:bi* bagi *muna:da:*, dan pendapat yang membolehkan adjektif bagi kata nama yang disandarkan (*iđa:fat*) kepada *masdar* menjadi *majru:r* atau *mansu:b*.

Dalam asas yang kelima ini juga, pengkaji berpendapat Shawqi: Dayf terkesan dengan asas ketiga teori nahu Ibn Mađa:’ iaitu menolak *al-qiya:s* dalam nahu. Beliau menggugurkan contoh yang membolehkan *ism fa:’il* atau *ism maf’u:l* yang menjadi subjek selepas partikel penafian atau pertanyaan , kekal tunggal walaupun predikatnya duaan atau jamak kerana menyamakannya dengan kata kerja seperti **أَمْسَافِرُ أَخْوَاكَ؟** (Adakah kedua-dua saudaramu bermusafir?). Contoh ini jika diterima akan bercanggah dengan prinsip keseragaman antara subjek dan predikat.

Dalam asas simplifikasi yang keenam iaitu menambah perkara-perkara penting dalam nahu, Shawqi: Dayf telah menukar jenis-jenis ayat daripada *al-jumlat laha: maħal min al-i’ra:b* (ayat yang mempunyai kedudukan dalam *i’ra:b*) dan *al-jumlat la maħal laha: min al-i’ra:b* (ayat yang tidak mempunyai kedudukan dalam *i’ra:b*) kepada *jumal mustaqillat* (ayat bebas) dan *jumal kha:di’at* (ayat terikat). Penukaran ini adalah kesan daripada asas simplifikasi nahu yang kedua iaitu memansuhkan *i’ra:b maħalliy* dalam ayat. *I’ra:b maħalliy* dalam ayat juga pada pandangan Shawqi: Dayf merupakan sebahagian daripada *ta’wi:l* bagi kedudukan satu-satu ayat dalam *i’ra:b* (Ibn Mađa:’,

1988:63). Pemansuhan ini merupakan hasil pemahaman beliau terhadap seruan penolakan sebarang *ta'wi:l* dan *taqdi:r* oleh Ibn Mađa:‘.

a) Percanggahan Simplifikasi Nahu Shawqi: Dayf dengan Teori Nahu Ibn Mada:‘

Apabila diteliti secara terperinci, terdapat beberapa perkara yang dilakukan Shawqi: Dayf tidak menepati seruan Ibn Mađa:‘. Sebagai contoh, dalam bahagian keenam buku *Tajdi:d al-Nahw*, beliau telah mewujudkan satu bab khas iaitu bab penyebutan dan pengguguran. Dalam isu pengguguran sama ada yang melibatkan subjek, predikat, kata kerja, pelaku dan sebagainya, Shawqi: Dayf membenarkan *taqdi:r* di situ. *Taqdi:r* yang dibenarkan oleh Shawqi: Dayf ini hanya jika mempunyai dalil yang boleh difahami berdasarkan konteks ayat. Contohnya dalam perbualan tentang seseorang, dikatakan شَجَاعٌ (pemuda yang berani), Shawqi: Dayf menyatakan subjek dalam ayat ini digugurkan dan diandaikan sebagai هُوَ (dia) (2003:235).

Pengkaji juga mendapati terdapat percanggahan isu *al-dama:'ir al-mustatirat* (kata ganti nama yang tersembunyi) sebagai pelaku dalam kata kerja dan *al-mushtaqqat* (kata nama terbitan). Ibn Mađa:‘ menyatakan bahawa tiada *al-dama:'ir al-mustatirat* sebagai pelaku dalam kedua-duanya kerana kata kerja dan *al-mushtaqqat* itu sendiri mempunyai makna pelaku. Shawqi: Dayf pula tidak memansuhkan kewujudan *al-dama:'ir al-mustatirat* dalam kata kerja dan *al-mushtaqqat*. Sebagai contoh, dalam bahagian kedua buku *Tajdi:d al-Nahw*, iaitu bahagian *al-ṣarf*, beliau telah membahagikan kata ganti nama *al-raf' al-muttaṣil* kepada dua bahagian iaitu yang zahir dan tersembunyi. Kata ganti nama *al-raf' al-muttaṣil* yang tersembunyi contohnya dalam ayat berikut زَيْدٌ يَكْتُبُ (Zaid sedang menulis), Shawqi: Dayf menyatakan bahawa pelaku bagi kata kerja kala kini يَكْتُبُ ialah kata ganti nama tersembunyi yang diandaikan sebagai هُوَ (2003:112-113).

Beliau juga mengatakan huruf alif dalam kata kerja قَامَا يَقُومَانِ serta huruf wau dalam kata kerja قَامُوا يَقُومُونَ merupakan kata ganti nama *al-raf' al-muttaṣil* yang zahir yang menjadi pelaku bagi kata kerja tersebut (*ibid*,2003:113). Ini bertentangan dengan pendapat Ibn Maḍa:’ yang mengatakan bahawa huruf alif tersebut merupakan tanda duaan manakala huruf wau ialah tanda jamak.

Berkenaan dengan kata ganti nama tersembunyi dalam *al-mushtaqqat* pula, Shawqi: Dayf membincangkannya dalam bahagian kelima buku dalam bab *al-maṣdar* dan *al-mushtaqqat* yang berfungsi seperti fungsi kata kerja. Sebagai contoh dalam ayat ﷺ (Muhammad sedang menulis artikel itu dengan penulisan yang baik) beliau menyatakan bahawa كاتبُ المقالةَ كِتَابَةً حَسَنَةً merupakan predikat kepada مُحَمَّدٌ dan المقالةَ مُحَمَّدٌ merupakan objek dan pelakunya kata ganti nama tersembunyi (*ibid*,2003:225). Ini bercanggah dengan pendapat Ibn Maḍa:’ yang menolak kewujudan kata ganti nama tersembunyi sebagai pelaku dalam *al-mushtaqqat*.

Shawqi: Dayf sendiri tidak menolak teori ‘*a:mil* dalam nahu Arab secara umumnya. Namun bagi tujuan pengajaran, apabila teori tersebut menimbulkan kerumitan terhadap para pelajar dalam bab-bab atau tajuk tertentu, beliau akan memansuhkannya. Sebagai contoh, dalam isu *tawa:bi* bagi *muna:da*: Shawqi: Dayf ada menyatakan bahawa *muna:da*: menjadi *mansu:b* dalam nahu Arab kerana ia seolah-olah objek bagi kata kerja yang digugurkan (1993:163). Ini secara jelas bertentangan dengan teori Ibn Maḍa:’ yang menolak pendapat tersebut kerana beliau tidak membenarkan *taqdi:r* yang terhasil daripada teori ‘*a:mil*. Walaupun begitu, Shawqi: Dayf tidak menyatakannya dalam buku *Tajdīd al-Nahw* malah memansuhkan isu *tawa:bi* bagi *muna:da*: atas dasar simplifikasi nahu bagi tujuan pengajaran (1993:164).

Kesimpulannya terdapat pengaruh Ibn Maḍa:’ terhadap asas simplifikasi nahu yang dibuat oleh Shawqi: Dayf. Daripada enam asas simplifikasi tersebut, pengaruh Ibn Maḍa:’ dapat dilihat pada lima daripadanya. Namun pengaruh Ibn Maḍa:’ terhadap

simplifikasi nahu ini pada pendapat pengkaji bersifat umum dan tidak menyeluruh. Apabila pengkaji membaca mukadimah suntingan buku *al-Radd ‘Ala: al-Nuḥa:t*, pengkaji mendapati Shawqi: Ḏayf begitu terpengaruh dengan seruan Ibn Maḍa:’ dalam memansuhkan teori ‘*a:mil* dalam nahu. Namun ketika tiba pada penulisan sebuah buku nahu yang praktikal, seruan tersebut kelihatan agak sukar untuk dilaksanakan sepenuhnya. Bukti tersebut dapat dilihat berdasarkan contoh-contoh percanggahan yang berlaku dalam buku *Tajdi:d al-Naḥw* dengan seruan pemansuhan teori ‘*a:mil* oleh Ibn Maḍa:’.

4.3.1.2 Pengaruh Sarjana Nahu Yang Lain

Buku *al-Radd ‘Ala: al-Nuḥa:t* yang ditulis oleh Ibn Maḍa:’ mengandungi teori nahu beliau yang berbeza dengan pendapat majoriti sarjana nahu. Namun begitu Ibn Maḍa:’ hanya mengambil beberapa contoh isu atau tajuk nahu sahaja untuk menerangkan pendapat beliau. Untuk menulis satu buku nahu yang telah disimplifikasi secara praktikal berdasarkan teori nahu Ibn Maḍa:’ dan menepati asas-asas simplifikasi yang telah dibina, Shawqi: Ḏayf juga mengambil pendapat-pendapat sarjana nahu yang lain. Sebagai contoh, untuk menghalang *ta’wi:l* yang melampau dalam bab *al-tamyi:z*, beliau telah melakukan rombakan bersandarkan pendapat sarjana-sarjana nahu yang lain.

Sarjana-sarjana nahu yang terlibat contohnya ialah sarjana nahu aliran Kufah. Shawqi: Ḏayf telah menyatakan secara jelas dalam buku *Taysi:r al-Naḥw al-Ta‘li:mīyy* bahawa dalam asas yang pertama iaitu penyusunan semula tajuk-tajuk nahu, beliau banyak bergantung kepada pendapat sarjana nahu aliran Kufah. Menurut beliau,

”كَثُرَةٌ مِنَ الْأَبَوَابِ الَّتِي حُلِّيَتْ تِيسِيرًا عَلَى النَّا شِعَةِ تَعْتمَدُ عَلَى آرَاءِ الْكُوفَيْنِ وَبَعْضِ الْبَصَرَيْنِ“.

Kebanyakkan bab yang digugurkan untuk memudahkan para pelajar berdasarkan pendapat sarjana nahu aliran Kufah dan sebahagiannya aliran nahu Basrah. (2003:56)

Pendapat-pendapat yang diambil pula sama ada pendapat majoriti sarjana nahu aliran Kufah atau pendapat perseorangan seperti al-Kisa':i: atau pendapat sarjana nahu aliran Baghdad yang cenderung kepada aliran nahu Kufah seperti al-Akhfash al-Ausaṭ dan Ibn Kaysa:n. Dalam asas satu, pengkaji mendapati enam daripada lapan belas bab nahu yang dimansuhkan dan diserapkan dalam bab lain adalah bersandarkan pendapat sarjana aliran Kufah atau yang cenderung kepadanya.

Selain itu, Shawqi: Dayf juga mengambil pendapat-pendapat sarjana nahu yang lain sama ada pendapat perseorangan seperti Sibawayh, Abu 'Ali al-Fa:risiyy, al-Suhayli:, dan al-Zamakhshariyy atau gabungan pendapat beberapa orang sarjana nahu seperti Abu Hayyan dan al-Zajjaj. Beliau juga mengambil beberapa cadangan simplifikasi nahu yang dibuat oleh jawatankuasa simplifikasi nahu Kementerian Pelajaran Mesir dan Dewan Bahasa Kaherah.

Jadual berikut menunjukkan pendapat-pendapat sarjana nahu yang lain yang menjadi sandaran Shawqi: Dayf:

Jadual 4.15: Pendapat sarjana lain yang menjadi sandaran Shawqi: Dayf

| Bil | Sarjana Nahu | Pendapat | Kesan |
|-----|------------------------------------|--|--|
| 1- | Majoriti Sarjana Nahu Aliran Kufah | کَانْ dan golongannya merupakan kata kerja tak transitif, kata nama yang <i>marfu'</i> selepasnya ialah pelaku dan kata nama yang mansub selepas itu ialah <i>ha:l</i> (1993:90-95). | Bab کَانْ dan golongannya dimansuhkan |
| 2- | Majoriti Sarjana Nahu Aliran Kufah | <i>al-Tamyi:z</i> boleh berada dalam ayat yang mengandungi kata kerja yang | Bab <i>Af'a:l</i> <i>al-T'ajjub</i> (kata kerja yang |

Jadual 4.15, sambungan

| Bil | Sarjana Nahu | Pendapat | Kesan |
|-----|--|---|---|
| | | menunjukkan kekaguman. Bentuk lain bagi kata kerja yang menunjukkan kekaguman ialah menggunakan kata kerja perintah seperti أَجْعِلْ بِالطِّبِيعَةِ (2003:21) | menunjukkan kekaguman) dimansuhkan |
| 3- | Majoriti Sarjana Nahu Aliran Kufah | <i>al-Tamyi:z</i> boleh dalam bentuk definit (2003:21) | Bab <i>al-Ikhtiṣa:ṣ</i> dimansuhkan |
| 4- | Majoriti Sarjana Nahu Aliran Kufah | مَا partikel untuk penafian yang tidak memberi kesan dalam <i>i'ra:b</i> . Predikat bagi subjek selepas مَا jika ada yang <i>manṣu:b</i> itu adalah kerana <i>naz' al-kha:fid</i> (1993:97). | Bab لَا، لَاتَ berfungsi seperti لَيْسَ dimansuhkan |
| 5- | Majoriti Sarjana Nahu Aliran Kufah | <i>Zarf</i> dan <i>al-ja:rr wa al-majru:r</i> itu sendiri merupakan predikat, adjektif, atau <i>ḥa:l</i> dalam ayat (1993:81) | membuang <i>taqdi:r muta'llaq</i> bagi <i>zarf</i> dan <i>al-ja:r wa al-majru:r</i> |
| 6- | Majoriti Sarjana Nahu Aliran Kufah | لَكِنْ kedua-dua partikel كَانْ dan كَانْ yang diringankan daripada partikel asal iaitu كَانْ كَانْ و لَكِنْ tidak mempunyai sebarang fungsi dalam i'rab sebagaimana yang asal (1993:103-104). | memansuhkan <i>i'ra:b</i> partikel كَانْ كَانْ و لَكِنْ |
| 7 | Gabungan pendapat al-Akhfash al-Ausaṭ, al-Zajja:j dan Abu Hayya:n. | يُ merupakan partikel untuk penafian yang tidak memberi kesan dalam <i>i'ra:b</i> . Contoh yang menunjukkan predikat selepasnya <i>manṣu:b</i> hanyalah dua bait puisi yang tidak diketahui penyairnya (1993:98). | Bab لَا، لَاتَ berfungsi seperti لَيْسَ dimansuhkan |
| 8 | Gabungan pendapat al-Akhfash al-Ausaṭ dan Abu Hayya:n. | لَاتَ merupakan partikel untuk menafikan <i>zarf</i> . Perkataan selepasnya mansub kerana <i>zarfiyyat</i> (1993:99). | Bab لَا، لَاتَ berfungsi seperti لَيْسَ dimansuhkan |

Jadual 4.15, sambungan

| Bil | Sarjana Nahu | Pendapat | Kesan |
|-----|---|--|--|
| 9 | Gabungan pendapat Sibawayh dan a-Kisa:'iyy: | Dalam bab <i>al-Tana:zu'</i> , kata nama dalam ayat merupakan pelaku bagi kata kerja kedua. Bagi kata kerja yang pertama, pelakunya digugurkan dan boleh difahami berdasarkan konteks ayat (1993:111). | Bab <i>al-Tana:zu'</i> dimansuhkan |
| 10 | Gabungan pendapat al-Akhfash dan al-Kisa:'iyy | <i>Ism al-fa:‘il</i> sama ada membawa makna kala lampau, kala kini, atau kala akan datang boleh berfungsi seperti kata kerja dengan menjadikan kata nama selepasnya objek yang <i>mansu:b</i> (1993:155). | Memansuhkan kaedah yang menyatakan bahawa hanya <i>ism al-fa:‘il</i> yang membawa makna kala kini sahaja yang boleh berfungsi. |
| 11 | Gabungan pendapat Abu ‘Ali al-Fa:rifiyy dan al-Mubarrid | <i>Maṣdar</i> hanya berfungsi seperti kata kerja apabila ia menjadi <i>muḍa:f</i> (1993:155). | Memansuhkan kaedah yang menyatakan <i>maṣdar</i> boleh berfungsi sama ada dalam bentuk definit dengan ال atau tak definit. |
| 12- | Gabungan pendapat Sibawayh dan sarjana nahu aliran Basrah | كَيْفَ وَأَيَّانْ merupakan kata tanya bukan kata nama <i>shart</i> (1993:137). | Mengeluarkan كَيْفَ وَأَيَّانْ daripada kata nama <i>shart</i> . |
| 13- | Gabungan pendapat ‘Isa: bin ‘Umar al-Thaqa:fi: dan Sibawayh | Mereka menyatakan bahawa sebahagian orang Arab memansuhkan fungsi <i>nasb</i> إِذْنَ walaupun memenuhi syarat-syarat. Perkara ini juga diterima oleh sarjana nahu aliran Basrah dan juga dipersetujui oleh Tha‘lab salah seorang sarjana nahu aliran Kufah (1993:144). | Memansuhkan syarat fungsi <i>nasb</i> إِذْنَ |

Jadual 4.15, sambungan

| Bil | Sarjana Nahu | Pendapat | Kesan |
|-----|--------------|--|---|
| 14- | Sibawayh | كَادَ dan golongannya merupakan kata kerja transitif. Kata nama yang <i>marfu:</i> ‘ selepasnya ialah pelaku dan yang <i>mansu:b</i> selepas pelaku ialah objek.(1993:100-102) | Bab كَادَ dan Golongannya dimansuhkan dan diserapkan dalam bahagian al- <i>mansu:ba:t</i> bab Objek |
| 15- | Sibawayh | <i>i'ra:b</i> bagi <i>tawa:bi</i> ‘ kata nama إِنْ، <i>tawa:bi</i> ‘ kata nama لَا النَّافِيَةِ لِلْجِنْسِ، <i>tawa:bi</i> ‘ kata nama yang disandarkan kepada <i>masdar</i> , dan <i>tawa:bi</i> ‘ kata nama yang disandarkan kepada <i>ism fa:'il</i> dan <i>ism maf'u:l</i> adalah berdasarkan lafaz <i>al-matbu:</i> ‘ bukan pada kedudukannya (1993:157-162). | perincian dan tambahan yang banyak dan merumitkan digugurkan |
| 16- | Sibawayh | <i>al-ḥa:l</i> mengandungi makna <i>zarfiyyat zamaniyyat</i> (1993:122). | Memberi definisi baru bagi <i>al-ḥa:l</i> dengan mengaitkannya dengan masa. |
| 17- | Ibn Kaysa:n | <i>al-Tamyi:z</i> boleh berada dalam ayat yang mengandungi kata kerja pujian dan kejian (2003:21) | Bab <i>Af'a:I al-Madḥ</i> dan <i>al-Dham</i> (kata kerja pujian dan kejian) dimansuhkan |
| 18- | al-Suhayli: | ظَنٌّ dan golongannya merupakan kata kerja transitif yang memerlukan lebih daripada satu objek (1993:109) | Bab ظَنٌّ dan golongannya dimansuhkan dan diserapkan dalam bahagian al- <i>mansu:ba:t</i> bab objek |

Jadual 4.15, sambungan

| Bil | Sarjana Nahu | Pendapat | Kesan |
|-----|--|---|--|
| 19- | Abu 'Ali al-Fa:risiyy | سَوْىٰ وَغَيْرُهُ dalam keadaan <i>mansub</i> merupakan <i>ha:l</i> (1993:125&126) | Kedua-dua partikel ini dikeluarkan daripada partikel pengecualian |
| 20- | al-Zamakhshariyy | إِمَّا digunakan untuk menegaskan sesuatu ayat (1993:138) | إِمَّا dikeluarkan daripada partikel <i>shart</i> . |
| 21- | Pendapat sebahagian sarjana nahu (Shawqi: Dayf tidak menyatakan) | Membatalkan fungsi <i>لَيْتَ</i> apabila bersama dengan <i>مَا الْكَافِةَ</i> seperti mana <i>إِنْ</i> dan golongannya yang lain (1993:105) | Memansuhkan pendapat yang membolehkan <i>لَيْتَ</i> kekal berfungsi walaupun digandingkan dengan <i>مَا الْكَافِةَ</i> |
| 22- | Jawatankuasa Simplifikasi Nahu Kementerian Pelajaran Mesir | Tidak membahagikan tanda <i>i'ra:b</i> kepada tanda <i>aṣliyyat</i> dan tanda <i>far'iyyat</i> dalam <i>i'ra:b</i> (1993:86&87) | Memansuhkan membuang tanda <i>far'iyyat</i> dalam <i>i'ra:b</i> |
| 23. | Dewan Bahasa Kaherah | Mengeluarkan bentuk <i>al-istithna: 'al-mufarragh</i> daripada tajuk pengecualian kerana ia lebih tepat dinyatakan sebagai tajuk <i>al-qasr</i> atau <i>al-takhṣīṣ</i> . (1993:126) | Rombakan pada tajuk <i>al-istithna: 'al-mufarragh</i> (pengecualian). |

4.3.1.3 Ijtihad Shawqi: Dayf Secara Individu

Daripada analisis sumber yang mempengaruhi usaha simplifikasi nahu Shawqi: Dayf, pengkaji mendapati terdapat beberapa rombakan yang dilakukan oleh beliau yang tidak dinyatakan sumber sebagai sandaran rombakan tersebut. Pengkaji mengklasifikasikan rombakan tersebut sebagai ijihad beliau sendiri bagi mengurangkan bab-bab nahu yang bercabang atau kaedah-kaedah sampingan yang bertentangan dengan kaedah utama.

Berikut merupakan jadual rombakan yang dilakukan oleh Shawqi: Dayf berdasarkan ijтиhad beliau sendiri :

Jadual 4.16: Rombakan berdasarkan ijтиhad Shawqi: Dayf

| Bil. | Rombakan Yang Dilakukan | Sebab dan Alasan Rombakan |
|-------------|---|---|
| 1. | Pemansuhan bab <i>أَعْلَمْ</i> dan Golongannya | Bab ini merupakan bab yang mengikut bab <i>ظُنْنَ</i> dan Golongannya. Apabila bab tersebut dimansuhkan dan diserapkan dalam bab Objek, maka bab <i>أَعْلَمْ</i> dan golongannya diserap sama. |
| 2. | Pemansuhan bab <i>al-Ighra:</i> | Shawqi: Dayf sependapat dengan sarjana nahu tradisional yang menyatakan ia merupakan objek bagi kata kerja yang digugurkan. Bab ini dimansuhkan dan diserap dalam bab baru iaitu penyebutan dan pengguguran. |
| 3. | Pemansuhan bab <i>al-Tarkhi:m</i> | Bentuk ini tidak digunakan lagi. |
| 4. | Pemansuhan bab syarat-syarat dan kaedah <i>ism al-a:lat</i> | Kata nama ini sebenarnya <i>sama:’iyy</i> iaitu tiada analogi. Berpada dengan menyatakan contoh-contoh bagi mewakili bentuk-bentuk yang ada. |
| 5. | Pemansuhan syarat-syarat dan kaedah pembentukan <i>al-taṣghi:r</i> serta contoh-contoh yang tidak digunakan lagi pada masa kini | Syarat-syarat dan kaedah-kaedah tersebut menambahkan kerumitan dalam bab <i>al-taṣghi:r</i> dan ianya tidak lagi digunakan kini. Berpada dengan contoh-contoh yang masyhur dan masih digunakan lagi. |
| 6. | Pemansuhan kaedah-kaedah yang banyak dan menyusahkan dalam bab <i>al-Nasab</i> | Semua kaedah ini tidak diperlukan dan tidak memberi faedah pada penggunaan bahasa sebutan yang betul. Hanya sebahagian contoh yang masih digunakan hingga kini dikekalkan untuk menerangkan bab <i>al-Nasab</i> dengan lebih jelas. |
| 7. | Pemansuhan pendapat yang membolehkan <i>ism al-fa:’il</i> atau <i>ism al-maf’u:l</i> yang menjadi subjek jika didahului | Pendapat ini dibuat berdasarkan bukti terpencil dan lemah iaitu empat rangkap puisi yang tidak diketahui pemiliknya. Ia tidak boleh dijadikan kaedah apatah lagi ia bertentangan dengan kaedah utama iaitu kaedah keseragaman antara subjek dan predikat. |

Jadual 4.16, sambungan

| Bil. | Rombakan Yang Dilakukan | Sebab dan Alasan Rombakan |
|------|--|--|
| | dengan kata nafi atau kata tanya, kekal tunggal walaupun predikatnya duaan atau jamak. | |
| 8. | Pemansuhan syarat-syarat pemilik <i>al-Ha:l</i> | Syarat-syarat pemilik <i>al-Ha:l</i> seperti ia mestilah dalam bentuk definit dan juga bukan <i>muðaf ilayh</i> hanya menimbulkan kerumitan kerana terdapat contoh-contoh yang tidak menepati syarat tersebut. |
| 9. | Pemansuhan syarat-syarat untuk membentuk <i>ism al-tafði:l</i> dan <i>af'a:l al-ta'ajjub</i> | Berpada dengan contoh-contoh dan latihan yang boleh menjelaskan bentuk-bentuknya. |
| 10. | Pemansuhan empat bentuk <i>i 'ra:b</i> ayat لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ dan hanya mengekalkan yang masyhur iaitu kedua-dua kata nama itu <i>mansu:b</i> sebagai kata nama bagi لَا النَّافِيَةَ لِلْجَنْسِ | Menolak bentuk-bentuk yang tidak digunakan lagi. |
| 11. | Pemansuhan <i>al-Mi:za:n al-Sarfiyy:</i> | Ia menyebabkan ilmu morfologi menjadi rumit dan ia sebenarnya tidak diperlukan dalam perbincangan ilmu tersebut. |
| 12. | Pemindahan bab <i>al-Ida:fat</i> dan <i>al-Tawa:bi'</i> daripada sintaksis kepada morfologi | Shawqi: Dayf berpandangan kedua-dua tajuk ini merupakan isu perkataan iaitu berkaitan dengan ilmu morfologi bukan isu ayat yang menjadi intipati bagi ilmu sintaksis. |
| 13. | Pentakrifan semula <i>al-Maf'u:l al-Muðlaq</i> dan <i>al-Maf'u:l Ma 'ah</i> | Contoh-contoh bagi kedua-dua bab ini dikaji dan dibandingkan dengan definisi sedia ada. Definisi baru diberikan bagi menampung kekurangan definisi sedia ada agar meliputi semua contoh yang diberikan. |

Selain daripada sumber-sumber yang dinyatakan di atas, pengkaji juga mendapati Shawqi: Dayf memasukkan kaedah nahu berdasarkan dalil yang bukan daripada bahasa Arab baku (*al-lughat al-'a:mmiyat*). Jadual di bawah menjelaskan tentang kaedah yang dimasukkan oleh Shawqi: Dayf berdasarkan penggunaan dalam *al-lughat al-'a:mmiyat*:

Jadual 4.17: : Kaedah Nahu daripada *al-Lughat al-'A:mmiyat*

| Bil | Bab dan Tajuk | Kaedah |
|-----|--|--|
| 1- | Bab Subjek dan Predikat Tajuk Pengikat antara subjek umum dengan ayat predikat menggunakan huruf <i>fa</i> (ف) dan <i>waw</i> (و) | Huruf <i>fa</i> (ف) yang menjadi tambahan dan penegasan seperti dalam ayat كُلُّ مُجْتَهِدٍ فَلَهُ نَصِيبٌ (setiap mujtahid maka baginya ada bahagiannya) Boleh digantikan dengan huruf <i>waw</i> (و) seperti dalam ayat كُلُّ فُرَّةٍ وَلَهَا كَيْالٌ (setiap kacang maka baginya timbang) (2003:143) |
| 2- | Bab Seruan (<i>al-Nida:</i>) Tajuk Hukum <i>I'ra:b</i> Bagi <i>Muna:da:</i> | Huruf <i>al-Nida:</i> boleh digugurkan ketika seruan (Shawqi: Dayf tidak memberikan contoh) (2003:196).. |

Daripada penerangan di atas, pengkaji menyimpulkan bahawa simplifikasi nahu yang dilakukan oleh Shawqi: Dayf mempunyai sandaran dan dalil. Usaha simplifikasi nahu yang dilakukan oleh beliau masih lagi berdasarkan sumber asli daripada sarjana nahu Arab dan bukan diambil daripada unsur-unsur luar daripada Arab.

Daripada sumber-sumber yang menjadi sandaran Shawqi: Dayf untuk simplifikasi nahu ini, dapatlah disimpulkan bahawa beliau memilih pendapat yang paling mudah. Pendapat tersebut dilihat dapat mengurangkan *ta'wi:l* atau *taqdi:r* dalam nahu serta kaedah-kaedah yang terbina atas andaian para sarjana nahu tradisional. Beliau juga

memilih pendapat-pendapat yang boleh mengurangkan cabang-cabang dalam nahu yang bertentangan dengan kaedah asas atau utama.

Pengkaji juga berpendapat bahawa Shawqi: Dayf berani membuat beberapa rombakan berasaskan ijтиhad beliau sendiri terutama dalam memberikan definisi baru bagi bab *al-Ha:l*, *al-Maf'u:l al-Muflaq*, dan *al-Maf'u:l Maah*. Ia merupakan usaha yang berhasil daripada menganalisis contoh-contoh yang ada serta membandingkannya dengan definisi sedia ada. Ini adalah untuk melihat kekurangan yang ada seterusnya membentuk definisi baru yang mencakupi kesemua contoh tersebut.

Bagi tindakan Shawqi: Dayf memasukkan kaedah nahu berdasarkan dalil yang bukan daripada bahasa Arab baku (*al-lughat al-'a:mmiyat*), pengkaji sependapat dengan ‘Alaa:’ al-Hamza:wi (t.t:60) untuk tidak bersetuju dengan tindakan tersebut.. Ini kerana *al-lughat al-'a:mmiyat* bukanlah sumber yang boleh digunakan untuk membentuk sesuatu kaedah nahu. Jika Shawqi: Dayf menolak pendapat sarjana nahu yang bersandarkan dalil yang *sha:dh*, maka kaedah nahu yang bersandarkan *al-lughat al-'a:mmiyat* adalah lebih utama untuk ditolak (2003:39).

Daripada sumber-sumber yang menjadi sandaran Shawqi: Dayf ini, pengkaji melihat beliau mengurangkan perkara-perkara yang terdapat dalam nahu ini dengan menggugurkan tajuk, pendapat, atau bentuk-bentuk yang tidak lagi digunakan sekarang. Di sini, pengkaji dapat melihat kepentingan tidak membebankan pelajar dengan perkara-perkara yang tidak digunakan dalam kehidupan mereka. Begitu juga kepentingan memperbanyakkan contoh berbanding dengan kaedah-kaedah atau syarat-syarat. Dengan memperbanyakkan contoh, ia membantu pelajar dalam memberi gambaran terhadap apa yang dipelajari.

Walaupun ada sebahagian pengkaji seperti ‘Abdullah Ḥam̄d yang menolak pendekatan memilih pendapat yang kurang popular atas apa jua alasan (2010: 457), pengkaji cenderung memilih pendapat Ḥasan al-‘Ukayli:(2008:236-237). Beliau berpendapat bahawa dalam usaha simplifikasi nahu, para sarjana tidak seharusnya terikat dengan satu aliran nahu sahaja. Beliau menyeru agar diambil mana-mana pendapat nahu yang mudah dan sesuai dengan penerimaan pelajar walaupun pendapat tersebut tidak popular.

4.3.2 Keselarasan Asas Simplifikasi Nahu Shawqi: Dayf Antara Teori Dan Pelaksanaan

Penilaian asas simplifikasi nahu Shawqi: Dayf berdasarkan keselarasan antara teori dan praktikal amat perlu untuk melihat ketekalannya. Menurut ‘Abdullah Ḥam̄d (2010:416), keselarasan antara teori dan praktikal dalam simplifikasi nahu merupakan petunjuk yang paling tepat bagi kejelasan idea pemiliknya dan pendekatan yang digunakannya. Kejelasan ini menunjukkan kemampuan idea dan pendekatan tersebut dilaksanakan secara praktikal.

4.3.2.1 Penyusunan Semula Bab-Bab Nahu

Shawqi: Dayf membuat susunan baru bagi buku nahu yang telah disimplifikasi iaitu *Tajdi:d al-Naḥw*. Susunan baru itu dibuat pertamanya dengan memasukkan ilmu morfologi dalam buku beliau dengan ditambah tajuk-tajuk ilmu fonologi yang diadaptasi daripada ilmu tajwid. Beliau menggabungkan semula ilmu morfologi dengan ilmu sintaksis dalam ilmu nahu Arab yang bermula pemisahannya pada zaman al-Sakka:ki: apabila beliau menulis bukunya *Mifta:h al-‘Ulu:m* (Şa:leḥ, 1977:4).

Daripada susunan baru yang dibuat oleh Shawqi: Dayf ini, didapati beliau telah mengikut kaedah buku pertama nahu iaitu *al-Kita:b* oleh Sibawayh dengan memasukkan semula ilmu fonologi dan morfologi dalam perbahasan nahu. Perbezaannya ialah perbahasan ilmu fonologi, morfologi, dan sintaksis bercampur-aduk dalam buku *al-Kita:b* manakala Shawqi: Dayf dalam buku *Tajdi:d al-Nahw* telah menyusunnya mengikut bab-bab yang berasingan. Susunan tersebut yang dilakukan secara umumnya bertepatan dengan pemeringkatan bahasa itu sendiri, bermula daripada huruf yang melibatkan sebutan dan tulisan kepada pembentukan perkataan dan seterusnya pembentukan ayat.

Susunan baru ini juga melibatkan rombakan yang dilakukan dengan cara pemansuhan bab-bab dan tajuk-tajuk nahu tersebut. Pemansuhan ini dilihat sebagai mengurangkan bab-bab yang bercabang-cabang daripada bab-bab utama. Ini kerana Shawqi: Dayf berpendapat bahawa kerumitan yang ada pada nahu disebabkan terlampaui banyak bab dan tajuk yang bercabang serta pola-pola yang dibuat berdasarkan andaian sarjana nahu, bukan berdasarkan penggunaan bahasa yang sebenar (1993:3)..

Pemansuhan dibuat dengan cara menggugurkan bab dan tajuk yang tidak digunakan lagi pada masa kini serta yang dibuat atas andaian sarjana nahu atau dengan cara menyerapkan contoh-contoh tersebut dalam bab-bab utama. Dengan cara ini Shawqi: Dayf berharap ia dapat memberi gambaran nahu secara menyeluruh kepada para pelajar dan tidak terpisah-pisah kerana bab-bab yang banyak (2003:4).

Dalam buku *Tajdi:d al-Nahw*, Shawqi: Dayf dapat melaksanakan apa yang telah beliau tetapkan dalam asas pertama. Bab *al-Tarkhi:m* digugurkan kerana pola tersebut tidak lagi digunakan manakala bab *al-Miza:n al-Sarfiyy* dan *al-I'la:l* pula digugurkan kerana

ia melibatkan andaian yang dibuat oleh sarjana nahu Arab. Dalam bahagian sintaksis, Shawqi: Dayf telah memansuhkan tujuh belas bab dengan cara menyerapkan contoh-contohnya dalam bab-bab utama. Bab-bab tersebut ialah كَانَ dan Golongannya, لَا, مَا, لَاتَ yang berfungsi seperti كَادَ, لَيْسَ dan Golongannya, أَعْلَمَ dan Golongannya, *al-Tana:zu'*, *al-Ishtigha:l*, *al-Sifat al-Mushabbahat*, *Ism al-Tafđi:l*, *Fi'l al-Ta'ajjub*, *Af'a:l al-Madħ* dan *al-Dhamm*, *Kina:yat al-'Adad*, *al-Ikhtişa:s*, *al-Taħħdi:r*, *al-Ighra:'*, *al-Istigha:that*, dan *al-Nudbat*.

Pemansuhan bab كَانَ dan Golongannya, كَادَ dan Golongannya, ظَنَّ dan Golongannya, أَعْلَمَ dan Golongannya pada pendapat pengkaji dapat mengurangkan cabang-cabang dalam bab kata kerja dan mengelakkan daripada berlaku pertembungan dengan kaedah utama iaitu setiap kata kerja memerlukan pelaku. Shawqi: Dayf berpendapat bab-bab ini adalah seperti kata kerja biasa yang memerlukan pelaku dan diserapkan dalam bab *al-Ha:l* bagi كَانَ dan Golongannya serta bab Objek bagi yang lainnya.

Bagi bab *al-Tana:zu'*, *al-Ishtigha:l* *al-Taħħdi:r*, dan *al-Ighra:'* pula melibatkan kata kerja atau objek yang digugurkan. Maka ia diserapkan dalam bab baru yang ditambah oleh Shawqi: Dayf iaitu bab Penyebutan dan Pengguguran dalam bahagian keenam bukunya iaitu *Iħda:fa:t*. Bagi bab *al-Sifat al-Mushabbahat*, *Ism al-Tafđi:l*, *al-Ta'ajjub*, *Af'a:l al-Madħ* dan *al-Dhamm*, *Kina:yat al-'Adad*, *al-Ikhtişa:s* yang mempunyai pola *al-tamyi:z*, diserapkan terus dalam bab *al-Tamyi:z*. Manakala bagi bab *al-Istighħathat*, dan *al-Nudbat*, Shawqi: Dayf melihat bahawa kedua-duanya mempunyai pola seruan, maka ia diserapkan dalam bab *al-Nida:’*.

Shawqi: Dayf berpandangan bahawa sintaksis merupakan perbahasan berkaitan ayat. Beliau juga berpendapat bahawa bab *al-Iħda:fa:t* dan bab *al-Tawa:bi'* yang terdapat dalam sintaksis tidak termasuk dalam perbahasan berkaitan dengan ayat. Oleh itu beliau telah memindahkan kedua-dua bab ini kepada bahagian morfologi. Pemindahan ini juga bagi menyelesaikan masalah kekeliruan pelajar yang sering menganggap ianya

merupakan ayat yang lengkap (2003:23). Pengkaji juga mendapati Shawqi: Dayf juga memindahkan bab *al-I'ra:b Wa al-Bina:*' dan yang berkaitan dengannya iaitu bab *al-Mabniyya:t* daripada bahagian sintaksis kepada bahagian morfologi. Walaupun Shawqi: Dayf tidak menyatakan dalam asas satu, pengkaji berpandangan pemindahan tersebut juga berkaitan dengan prinsip beliau iaitu sintaksis merupakan perbahasan tentang ayat.

Secara umumnya, pengkaji berpendapat bahawa Shawqi: Dayf telah melaksanakan apa yang beliau telah tetapkan dalam asas yang pertama. Namun apabila dikaji secara terperinci, rombakan tersebut telah menimbulkan beberapa masalah seperti berikut:

i) Rombakan Yang Tidak Dinyatakan

Sarjana-sarjana nahu tradisional menyusun buku mereka berdasarkan teori '*a:mil*' dengan membahagikan tajuk-tajuk nahu kepada bahagian-bahagian *al-Marfu:'a:t*, *al-Manṣu:ba:t*, dan *al-Majru:ra:t*. Pengkaji mendapati dalam bahagian sintaksis, Shawqi: Dayf hanya mengekalkan dua bahagian daripadanya sahaja iaitu bahagian *al-Marfu:'a:t* dan *al-Manṣu:ba:t*. Beliau tidak menjelaskan langsung dalam kedua-dua buku simplifikasi nahu beliau tentang pengguguran yang dilaksanakan. Pada pendapat pengkaji, sebarang rombakan yang dibuat mestilah dinyatakan secara jelas beserta justifikasinya.

Setelah pengkaji meneliti bab-bab yang terdapat dalam buku *Tajdi:d al-Naḥw* dan membandingkannya dengan buku nahu tradisional iaitu *Auḍaḥ al-Masa:lik Ila: Alfiyat Ibn Ma:lik*, terdapat satu bab dalam bahagian sintaksis yang tidak terdapat dalam buku Shawqi: Dayf iaitu bab *al-Af'a:l al-Khamsat*. Shawqi: Dayf tidak menyatakan dalam asas satu bahawa tajuk ini digugurkan. Perbincangan ringkas berkaitan dengan *al-Af'a:l al-Khamsat* dinyatakan dalam bahagian dua iaitu bahagian morfologi ketika membincangkan perbezaan antara huruf *nu:n* pada kata nama duaan dan jamak *al-mudhakkar al-sa:lim* dengan huruf *nu:n* yang ada pada *al-af'a:l al-khamsat*. Begitu

juga bab *al-I'ra:b dan al-Bina:*' yang merupakan sebahagian daripada bab sintaksis diletakkan dalam bahagian morfologi. Namun pemindahan ini tidak dinyatakan oleh Shawqi: Dayf ketika menerangkan rombakan yang dilakukan.

ii) Pertembungan Antara Teori Dan Pelaksanaan

Susunan bab-bab nahu yang dibuat oleh Shawqi: Dayf adalah untuk mengurangkan bab-bab nahu yang banyak yang mana kebanyakannya merupakan cabang bagi tajuk-tajuk utama. Pengkaji mendapati dalam bahagian lima iaitu *Takammula:t*, Shawqi: Dayf telah menambah bab baru iaitu *Huru:f al-Ziya:dat* (huruf-huruf tambahan). Pengkaji berpendapat bab ini merupakan cabang bagi bab utama iaitu Jenis-Jenis Huruf yang beliau letakkan pada bahagian morfologi. Sekiranya Shawqi: Dayf meletakkan huruf-huruf tambahan tersebut dalam bab Jenis-Jenis Huruf, beliau bukan sahaja menepati prinsip mengurangkan bab-bab nahu malah menepati prinsip beliau yang lain iaitu sintaksis merupakan perbahasan tentang ayat.

Dalam bahagian morfologi, Shawqi: Dayf telah memansuhkan bab *al-Miza:n al-Sarfiyy* kerana ia menambah kesukaran dalam ilmu morfologi (2003:11). Bab-bab dalam bahagian morfologi diterangkan dengan cara menyatakan contoh-contoh bagi pola-pola perkataan yang pelbagai tanpa menyatakan *al-miza:n al-sarfiyy*. Pertembungan berlaku apabila dalam bahagian sintaksis, bahagian *Takammula:t* beliau menyatakan *wazan* bagi perkataan-perkataan. Ia berlaku dalam bab *al-Mamnu:* ' *Min al-Şarf* ketika beliau menerangkan *al-wasf al-mamnu:* ' *min al-şarf, "إِذَا : كَانَ عَلَى وَزْنٍ فَعَلَانَ مُثُلُّ ((رَيَانٌ))* (jika berada dalam pola *fa'la:n* contohnya *rayya:n*) dan juga dalam bab Kata Nama Terbitan Yang Berfungsi Seperti Kata Kerja, dalam tajuk *Asma:' al-Muba:laghat* Yang Berfungsi Seperti Kata Kerja apabila beliau menerangkan "صِيغُهَا فَعَالٌ كَفَرَاءُ، وَمِفْعَالٌ كَمِعْطَاءُ..." (pola-polanya *fa'a:l* seperti *qarra':*, *mif'a:l* seperti *mi'ta:')* (Shawqi: Dayf, 2003:222&226)

Ra:fi‘ al-‘Ubaydi: (2001:t.m.s) tidak bersetuju dengan Shawqi: Dayf apabila beliau memansuhkan bab ini daripada bahagian morfologi. Bagi Ra:fi‘, pengetahuan tentang *al-mi:za:n al-ṣarfiyy* lebih memudahkan pelajar dan membantu mereka ketika membaca buku-buku nahu dan morfologi karangan sarjana nahu tradisional yang dipenuhi dengan *al-mi:za:n al-ṣarfiyy*. Pengkaji juga cenderung pada pendapat Ra:fi‘ al-‘Ubaydi: dan pertembungan antara prinsip Shawqi: Dayf dengan pelaksanaannya dalam isu *al-mi:za:n al-ṣarfiyy* membuktikan bahawa bab ini sangat penting dan tidak boleh digugurkan. Objektif yang paling penting daripada bab *al-Mi:za:n al-Sarfiyy* yang perlu bagi pelajar ialah mengetahui dan membezakan antara huruf asal dan huruf imbuhan dalam satu-satu perkataan (‘A:yid & Tha:mir , 2005:t.m.s).

Pengekalan bab *al-Ibda:l* dalam bahagian morfologi juga menyebabkan berlaku pertembungan antara prinsip Shawqi: Dayf dengan pelaksanaannya. Bab ini mempunyai kaitan dengan bab *al-Mi:za:n al-Sarfiyy* yang memerlukan pelajar mengetahui huruf asal dan huruf imbuhan. Ia juga sangat berkait rapat dengan bab *I'la:l* sehingga dalam buku-buku nahu, kedua-duanya digandingkan bersama. Apabila Shawqi: Dayf memansuhkan bab *al-Mi:za:n al-Sarfiyy* dan *al-I'la:l* tetapi mengekalkan bab *al-Ibda:l*, pelajar tidak mendapat gambaran yang menyeluruh bagi bab ini. Pengkaji bersetuju dengan cadangan ‘Abd al-Maji:d (2008:321-324) yang mencadangkan kedua-dua bab *al-I'la:l* dan *al-Ibda:l* ini dimansuhkan pada peringkat pembelajaran di sekolah kerana ia membebankan pelajar terutama yang berada pada tahap lemah. Beliau juga bersetuju dengan Dewan Bahasa Kaherah yang mencadangkan agar kedua-dua bab ini digantikan dengan penjelasan perkataan-perkataan tersebut dalam polanya yang pelbagai.

Shawqi: Dayf telah memindahkan bab *al-Ida:fa:t* dan *al-Tawa:bi'* daripada bahagian sintaksis kepada bahagian morfologi. Pengkaji bersetuju dengan pendapat ‘Ala:’ al-Ḥamzawi: (t.t:58) yang menyatakan bahawa pemindahan ini menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pelajar. Ini kerana berdasarkan kaedah umum, ilmu morfologi membincangkan isu struktur dalaman perkataan manakala ilmu sintaksis pula berkait dengan fungsi perkataan dalam ayat dan tanda *i'ra:b* yang bertepatan dengan fungsi nahuannya dalam ayat.

Shawqi: Dayf menerangkan bahawa pemindahan kedua-dua bab tersebut adalah kerana kedua-duanya merupakan isu bukan ayat seperti perkataan yang lain (2003:. Berdasarkan prinsip ini, pengkaji berpendapat bahawa bab *al-Mamnu:* ‘*Min al-Šarf* lebih utama untuk dipindahkan kepada bahagian morfologi kerana fokus utama bab tersebut ialah tanda *i'ra:b* dan tidak melibatkan fungsi perkataan dalam ayat. Jika pemindahan itu dibuat, ia selari dengan tindakan Shawqi: Dayf yang meletakkan bab *al-I'ra:b* dan *al-Bina:* ’ dalam bahagian morfologi.

Dalam bab *al-Ida:fa:t* pengkaji mendapati Shawqi: Dayf (2003:122) menerangkan isu *i'ra:b* "...وَيُسَمَّى الثَّانِي مُضَافًا إِلَيْهِ، وَحُكْمُهُ دَائِمًا أَنْ يَكُونَ مَجْرُورًا بِالإِضَافَةِ" (..Yang kedua dinamakan *muḍa:f ilayh* dan hukumnya *majru:r* sentiasa kerana *iḍa:fat*.). Manakala dalam bab *al-Tawa:bi'*, dalam tajuk *al-Na't*, Shawqi: Dayf (2003:125) menerangkan contoh-contoh *al-na't* dalam bentuk ayat serta hukum *i'ra:b* iaitu *al-na't* mengikut *al-man'u:t* sama ada *raf'*, *naṣb*, dan *jarr*. Beliau memberikan contoh جَاءَ الْفَتَى السُّمْتَفُوقُ (Telah datang seorang pemuda yang cemerlang.) beserta *i'ra:b* iaitu "الرَّفْعُ وَالسُّمْتَفُوقُ نَعْتُ لَهُ مَرْفُوعٌ مِثْلُهُ". Penerangan contoh-contoh tersebut dalam bentuk ayat beserta *i'ra:b* membuktikan bahawa kedua-dua bab ini merupakan isu sintaksis dan bukan isu morfologi.

iii) Kehilangan Contoh-Contoh Ayat Bahasa Arab

Dalam asas satu, Shawqi: Dayf menerangkan antara lapan belas bab dalam bahagian sintaksis yang digugurkan ialah bab **لَا**, **مَا**, **لَاتَّ** yang berfungsi seperti **لَيْسَ**. Beliau juga menjelaskan bahawa contoh-contoh ini kekal dalam bab asalnya iaitu bab Subjek dan Predikat memandangkan bahawa ketiga-tiganya merupakan partikel yang digunakan dalam ayat namaan. Setelah pengkaji meneliti contoh-contoh yang terdapat dalam bab Subjek dan Predikat, tidak ada contoh-contoh ayat yang melibatkan ketiga-tiga partikel tersebut. Contoh-contoh ayat yang diberi dalam bab Subjek dan Predikat hanyalah ayat penyata dan tiada ayat penafian. Pengkaji mendapati hanya contoh bagi partikel **لَاتَّ** sahaja yang wujud iaitu dalam bahagian dua dalam tajuk Jenis-Jenis Huruf.

Selain itu, apabila Shawqi: Dayf memansuhkan bab *Af'a:l al-Ta'ajjub*, bab *Af'a:l al-Madḥ Wa al-Dham*, bab *Ism al-Tafḍī:l* dan *al-Sifat al-Mushabbahat* serta menyerapkan contoh-contohnya dalam bab *al-Tamyi:z* hanya contoh-contoh ayat yang mengandungi *al-tamyi:z* sahaja dikekalkan. Sedangkan keempat-empat bab ini mempunyai pelbagai bentuk ayat yang digunakan tanpa *al-tamyi:z*. Sebagai contoh, bagi *ism al-tafḍī:l*, bentuk-bentuk ayat yang dinyatakan hanyalah yang mempunyai *al-tamyi:z*; **العلم أَهْمُّ مِنَ السَّمَاءِ** (Ilmu itu lebih penting daripada harta dari sudut kekayaan.), sedangkan ia mempunyai bentuk-bentuk lain tanpa *al-tamyi:z* seperti **العلم أَهْمُّ مِنَ الْمَالِ** (Ilmu itu lebih penting daripada harta.) dan **العلم أَهْمُّ الشَّرْوَةَ** (Ilmu itu kekayaan yang paling penting).

iv) Pertembungan dengan Kaedah Umum Nahu Arab

Pertembungan dengan kaedah umum juga didapati berlaku dalam tajuk *al-Badal* yang merupakan sebahagian daripada kandungan bab *al-Tawa:bi'*. Shawqi: Dayf (2003:130) menerangkan bahawa terdapat *badal* yang dinamakan *badal ishtima:l* dan beliau memberikan contoh-contoh seperti berikut:

1- **خَالِدٌ بَيْأُبْهُ نَظِيفَةٌ** (Khalid bajunya bersih.)

2- عَلَيْهِ كَلَمَةٌ يَلِيهُ (Ali percakapannya fasih.)

3- حَسَنٌ فَضْلُهُ عَمِيمٌ (Hasan kebaikannya menyeluruh.)

4- عُمَرُ عَلَمُ غَزِيرٍ (Umar ilmunya banyak.)

Contoh-contoh yang diberikan di atas menurut kaedah umum nahu Arab bukan contoh bagi *badal ishtima:l* tetapi merupakan contoh bagi predikat dari kategori ayat namaan. Perkara ini diteguhkan lagi apabila dalam bab Subjek dan Predikat bagi tajuk Jenis-Jenis Predikat, Shawqi: Dayf telah memberikan contoh predikat ayat namaan yang mempunyai struktur ayat yang sama seperti contoh bagi *badal ishtima:l* di atas iaitu زَيْدٌ شِعْرَهُ جَيْدٌ (Zaid puisinya bagus).

Apabila Shawqi: Dayf memindahkan contoh daripada ayat Al-Quran ﴿وَفَجَّرَنَا الْأَرْضَ عَيْوَنَاتٍ﴾ daripada bab *al-Tamyi:z* kepada tajuk *al-Badal*, berlaku pertembungan dengan kaedah umum. Berdasarkan kaedah umum, *badal ba 'd min al-kull* mesti mempunyai penghubung yang mengaitkannya dengan *al-mubdal minh* dan penghubung yang paling penting ialah kata ganti nama ('Abbas ,1976:3/667). Perkataan عَيْوَنَاتٍ dalam contoh di atas tidak mempunyai penghubung tersebut.

4.3.2.2 Memansuhkan *I'ra:b Taqdi:riyy* dan *Maħalliyy* Pada Ayat

Shawqi: Dayf memansuhkan *i'ra:b taqdi;riyy* dan *maħalliyy* pada ayat kerana pada pendapat beliau ia membebankan pelajar dan tidak memberi faedah dalam membariskan perkataan dan *i'ra:b* yang betul (1993:79). Bagi perkataan yang *mabniyy*, *maqṣu:r*, *manqu:s*, dan yang *muḍa:f* kepada *ya:* ' *al-mutakallim*, beliau menjelaskan fungsinya dalam ayat dan *maħall i'ra:b* perkataan tersebut. Manakala *i'ra:b* ayat, hanya fungsi ayat tersebut sahaja disebut.

Shawqi: Dayf dalam bukunya *Tajdi:d al-Nahw* melaksanakan asas beliau ini dalam *i'ra:b* perkataan dan ayat yang terlibat. Sebagai contoh dalam bab *al-Maf'u:l al-Mu'tlaq*, ketika menerangkan tentang *na:ib al-maf'u:l al-mu'tlaq* ayat contoh yang diberikan ialah تَيَقَّنْتُ هَذَا الْيَقِينَ (saya telah meyakini keyakinan ini), Shawqi: Dayf menjelaskan *i'ra:b* مَفْعُولٌ مُطْلَقٌ فِي مَحَلِ النَّصْبِ sebagai (2003:171). Dalam bab *al-I'ra:b Wa al-Bina:*, Shawqi: Dayf mengkhususkan satu tajuk iaitu *al-I'ra:b al-Mahalliyy* dan penerangan yang diberikan dalam tajuk tersebut selari dengan asas kedua yang beliau telah tetapkan (2003:111).

Bagi ayat pula, dalam bab *al-Ha:l*, ketika menerangkan *al-ha:l* jenis ayat kerjaan, contoh ayat yang diberi ialah جاءَ زَيْدٌ يَضْحَكُ (Telah datang Zaid dalam keadaan sedang ketawa), وَجُمْلَةُ "يَضْحَكُ" حَالٌ مِنْ زَيْدٍ, (dan ayat يَضْحَكُ *ha:l* bagi Zaid) (2003:184). Pada sesetengah tajuk, Shawqi: Dayf menerangkan *i'ra:b* ayat dengan lebih terperinci sebagai contoh dalam tajuk Predikat إِنْ مُحَمَّدًا يَكْتُبُ ayat contoh yang diberikan ialah إِنْ مُحَمَّدًا يَكْتُبُ فِعْلٌ مُضَارِّعٌ، فَاعِلٌ ضَمِيرٌ مُسْتَرٌ، وَمُحَاضَرَةً مَفْعُولٌ بِهِ (sesungguhnya Muhammad sedang menulis ceramah), *i'ra:b* yang dinyatakan ialah يَكْتُبُ فِعْلٌ مُضَارِّعٌ، فَاعِلٌ ضَمِيرٌ مُسْتَرٌ، وَمُحَاضَرَةً مَفْعُولٌ بِهِ Walau bagaimanapun, beliau masih menepati asas memansuhkan *i'ra:b mahalliyy* pada ayat apabila pada akhir *i'ra:b* tersebut Shawqi: Dayf menyatakan وَالْجُمْلَةُ مِنَ الْفِعْلِ وَالْفَاعِلِ وَالْمَفْعُولِ بِهِ خَرَجَ (2003:146).

Pada pendapat pengkaji, tujuan Shawqi: Dayf memansuhkan *i'ra:b taqdi:riyy* dan *mahalliyy* pada ayat adalah baik. Bagi pelajar, seharusnya mereka diutamakan untuk mempelajari perkara yang mempunyai *i'ra:b* yang jelas dan memberi kesan pada sebutan yang betul.

Dalam asas dua ini juga, Shawqi: Dayf menggugurkan *taqdi:r muta'llaq* bagi *zarf* dan *al-ja:r wa al-majru:r*. Berdasarkan penelitian pengkaji, beliau berjaya melaksanakan asas ini dalam bab-bab yang terlibat seperti bab Subjek dan Predikat serta bab *al-Ha:l*.

Pengguguran ini juga selari dengan penerangan beliau tentang predikat dan *al-ḥa:l* jenis *shibh al-jumlat*. Hasan al-‘Ukayli: (2008:277) juga menyokong perkara tersebut kerana *taqdi:r muta‘llaq* bagi *zarf* dan *al-ja:r wa al-majru:r* menimbulkan banyak perincian serta perbincangan rumit yang tidak diperlukan. Pengguguran ini lebih memudahkan para pelajar.

Antara kesan pemansuhan *i‘ra:b taqdi:riyy* juga ialah menggugurkan *taqdi:r* ^{أن} selepas partikel *naṣb* yang digandingkan dengan kata kerja kala kini. Bagi beliau *taqdi:r* tersebut tidak mempunyai sebarang bukti yang menunjukkannya (2003:25). Dalam bahagian *Takammula:t*, bab *Siyagh al-Fi'l*, tajuk Partikel *Naṣb* Kata Kerja Kala Kini, Shawqi: Dayf menerangkan bahawa partikel-partikel tersebut seperti لَمْ التَّعْلِيل ^{لَمْ} ^{الْمَصْدَرِيَّةُ} dan حَتَّى ^{الْمَصْدَرِيَّةُ} yang menjadikan kata kerja tersebut manṣu:b bertepatan dengan penjelasan beliau dalam asas dua ini (2003:207-208).

Pengkaji juga menyokong Shawqi: Dayf dalam isu ini kerana ia lebih memudahkan pelajar. Sebagaimana yang dinyatakan Abd al-Majid (2008:325-326) bahawa *taqdi:r* ^{أن} ^{الْمَصْدَرِيَّةُ} meyukarkan pelajar dan tidak membantu mereka dalam sebutan yang betul. Beliau juga berpendapat adalah lebih utama untuk memilih pendapat daripada sarjana nahu yang menyatakan bahawa partikel-partikel seperti لَمْ التَّعْلِيل ^{لَمْ} ^{الْمَصْدَرِيَّةُ} dan حَتَّى ^{الْمَصْدَرِيَّةُ} yang menjadikan kata kerja kala kini *manṣu:b* bukan ^{أن} ^{الْمَصْدَرِيَّةُ} yang tersembunyi, kerana ia lebih memudahkan pelajar.

Shawqi: Dayf juga menerangkan dalam asas dua berkenaan pemansuhan tanda *i‘ra:b far‘iyat* dalam isu *i‘ra:b*. Asas ini dilaksanakan oleh beliau dengan cara mengkhususkan tajuk *al-I‘ra:b Bi al-Haraka:t Wa al-Huru:f* dalam bab *al-I‘ra:b Wa al-Bina:*. Dalam tajuk tersebut beliau menerangkan perkataan-perkataan yang menggunakan *i‘ra:b* harakat seperti kata nama tunggal, kata nama yang *mamnu:‘ min al-ṣarf*, dan *jam‘ al-muannath al-sa:lim* manakala perkataan yang menggunakan *i‘ra:b*

huruf seperti kata nama duaan dan *jam‘ al-mudhakkar al-sa:lim* (2003:110). Namun, penerangan tentang *i‘ra:b* harakat yang dibuat amat umum dan ringkas, "يُعَرِّبُ الاسم" "الْمُفْرَدُ بِالْحَرَكَاتِ رَفِيعًا وَنَصِيبًا وَجَرَّاً" (Kata nama tunggal di *i‘ra:b* dengan harakat ketika *raf‘*, *naṣb*, dan *jarr*) tanpa menerangkan harakat untuk *raf‘*, *naṣb*, dan *jarr* (2003:110). Pada pendapat pengkaji penerangan yang lebih jelas dengan menyatakan apakah harakat *raf‘*, *naṣb*, dan *jarr* adalah perlu kerana ia merupakan asas dalam isu *i‘ra:b*. Penerangan itu juga bertepatan dengan tajuk yang diberikan oleh Shawqi: Dayf iaitu *al-I‘ra:b Bi al-Haraka:t Wa al-Huru:f*.

Shawqi: Dayf berpendapat agar dikekalkan *al-i‘ra:b* dan *al-bina:*’ dalam nahu Arab. Beliau juga berpandangan bahawa perbezaan yang dibuat oleh sarjana nahu Arab tradisional ketika menjelaskan perkataan yang *mu‘rab* dan *mabniyy* dalam ayat adalah tidak perlu. Beliau juga mencadangkan agar perkataan yang *mu‘rab* hanya perlu dijelaskan fungsinya dalam ayat dan hukum *i‘rab* sahaja. Oleh itu dalam buku *Tajdi:d al-Naḥw*, apabila menerangkan *i‘rab* sesuatu perkataan yang *mu‘rab* dalam ayat, Shawqi: Dayf hanya menyebut "*mubtada’ marfu:’*" atau "*maf‘u:l bih mansu:b*" dan sebagainya tanpa menyebut harakat perkataan tersebut (2003:109, 1993:86&87).

Pengkaji berpendapat berlaku pemisahan antara bahagian morfologi dan sintaksis dalam isu pemansuhan tanda *i‘ra:b far‘iyat* dan penjelasan perkataan yang *mu‘rab* dengan hanya menyatakan fungsinya dalam ayat dan hukum *i‘ra:b* sahaja. Dalam bahagian morfologi, tajuk *al-I‘ra:b Bi al-Haraka:t Wa al-Huru:f*, pelajar mempelajari bahawa perkataan yang *mu‘rab* mempunyai tanda *i‘ra:b* sama ada dengan harakat atau huruf. Namun, ketika mempelajari bab-bab dalam bahagian sintaksis, mereka tidak mempraktikkan apa yang dipelajari itu ketika *i‘ra:b*. Tanda *i‘ra:b* tersebut tidak digunakan ketika *i‘ra:b* yang melibatkan perkataan *mu‘rab* jika pendekatan Shawqi: Dayf ini dipraktikkan.

Ilmu sintaksis merupakan kesinambungan daripada ilmu morfologi. Pada pendapat pengkaji, apa yang dipelajari dalam ilmu morfologi mestilah diperlakukan ketika mempelajari ilmu sintaksis. *I'ra:b* tanpa menyatakan tandanya juga telah menghilangkan tujuan asal ilmu nahu diasaskan. Ilmu nahu diasaskan pada peringkat awal adalah untuk mencegah berlakunya kesilapan berbahasa yang melibatkan baris akhir sesuatu perkataan.

Pada pandangan pengkaji, sekiranya Shawqi: Dayf⁶ mengekalkan tanda *i'ra:b* ia adalah lebih baik kerana ia membantu dalam sebutan yang betul selain menepati tujuan ilmu nahu diasaskan. Ia juga tidak menimbulkan masalah antara perkataan *mu'rab* dengan perkataan *mabniyy* kerana beliau terlebih dahulu menyatakan bahawa *i'ra:b maḥalliy* digunakan untuk menerangkan perkataan yang *mabniyy* yang berbeza dengan cara *i'ra:b* perkataan *mu'rab*. Keperluan menyatakan tanda *i'ra:b* tidak dapat dinafikan apabila Shawqi: Dayf memerlukannya untuk menerangkan perubahan yang berlaku, sebagai contoh dalam bab ^{إِنْ} dan Golongannya beliau menyatakan:

".فَلَفِظُ ((أَنَّ)) اسْمٌ إِنْ مَنْصُوبٌ بِالْأَلِفِ، وَ((الزَّيْدِينِ)) اسْمٌ كَانَ مَنْصُوبٌ بِالْيَاءِ لِأَنَّهُ مُشَكِّ، وَالْمُسَافِرِينَ اسْمٌ كَيْتَ مَنْصُوبٌ بِالْيَاءِ لِأَنَّهُ جَمْعٌ مُذَكَّرٌ سَالِمٌ، وَالْفَائِرَاتِ اسْمٌ لَعَلٌ مَنْصُوبٌ بِالْكَسْرَةِ لِأَنَّهُ جَمْعٌ مُؤَوِّثٌ سَالِمٌ"

"..Maka perkataan ((أَنَّ)) *kata nama* ^{إِنْ} *manṣu:b* dengan alif, dan ((الزَّيْدِينِ)) *kata nama* ^{كَانَ} *manṣu:b* dengan ya kerana ianya *kata nama duaan*, dan ^{كَيْتَ} *kata nama* ^{لَعَلٌ} *manṣu:b* dengan ya kerana ianya *kata nama jamak mudhakkar sa:lim*, dan *kata nama* ^{لَعَلٌ} *manṣu:b* dengan kasrat kerana ianya *kata nama jamak muannath sa:lim*." (2003:146)

4.3.2.3 *I'ra:b* Untuk Sebutan Yang Betul

Shawqi: Dayf telah memansuhkan *i'ra:b* yang tidak memberi kesan pada sebutan yang betul iaitu partikel *shart* yang berbentuk kata nama, ^{كَمْ} ^{الْاسْتِفْهَامِيَّةِ وَالْخَبْرِيَّةِ}, ^{أَنْ}, ^{كَانَ}

لَا سِيَّمَا وَلِكِنْ الْمُخَفَّةَ , وَلِكِنْ الْمُخَفَّةَ , لَا سِيَّمَا , dan sebahagian partikel pengecualian. Partikel *shart* diterangkan dalam bahagian lima iaitu *Takammula:t*, bab *Siyagh Al-Fi'l*, tajuk *al-Muḍa:ri' al-Mu'rab al-Majzu:m*. Ia merupakan partikel yang menjadikan dua kata kerja kala kini *majzu:m*. Dalam tajuk tersebut, hanya contoh-contoh ayat yang menunjukkan penggunaan partikel tersebut sahaja diterangkan. Manakala contoh *i'ra:b* bagi ayat-ayat tersebut tidak dinyatakan. Shawqi: Dayf juga mengkhususkan satu tajuk iaitu *Ihma:l I'ra:b Asma:' al-Shart* untuk menerangkan bahawa tiada *i'ra:b* bagi partikel *shart*. Bagi kata kerja kala kini yang terdapat dalam ayat ini akan dinyatakan seperti berikut:

"الْفَعْلُ الْمُضَارِعُ الْأَوَّلُ فَعْلُ الشَّرْطِ مَحَالٌهُ الْجَزْمُ وَالْفَعْلُ الْمُضَارِعُ الْثَّانِي جَوَابٌ
الشَّرْطُ مَحَالٌهُ الْجَزْمُ ."

"Kata kerja kala kini yang pertama ialah kata kerja *shart* dan *maḥallnya* ialah *al-jazm*, dan kata kerja kala kini yang kedua ialah *jawab shart* dan *maḥallnya* ialah *al-jazm*." (2003:213)

Pada pendapat pengkaji, apabila kata kerja *shart* dan jawab *shart* diterangkan *i'ra:b*nya seperti di atas, berlaku dua pertembungan. Apabila beliau menyatakan "kata kerja *shart* dan *maḥallnya* ialah *al-jazm*, dan kata kerja kala kini yang kedua ialah jawab *shart* dan *maḥallnya* ialah *al-jazm*" berlaku pertembungan dengan atas kedua iaitu memansuhkan *i'ra:b* *maḥalliyy* pada ayat. Kata kerja *shart* dan jawab *shart* merupakan ayat dan ia diakui juga oleh Shawqi: Dayf apabila dalam bahagian keenam buku *Tajdi:d al-Naḥw*, dalam bab jenis-jenis ayat, beliau menyenaraikan jawab *shart* sebagai ayat yang terikat dengan ayat sebelumnya (2003:262).

I'ra:b kata kerja *shart* dan jawab *shart* sebagai *al-jazm* secara *maḥalliyy* bertembung dengan kaedah atas teori nahu tradisional. Kedua-duanya merupakan kata kerja kala kini yang termasuk dalam senarai perkataan yang *mu'rab*. Oleh itu kedua-duanya seharusnya dinyatakan *i'ra:b*nya sebagai *majzu:m* kerana perubahan yang berlaku pada huruf akhir kata kerja tersebut adalah jelas dan memberi kesan pada sebutan. Shawqi:

Dayf seharusnya jelas dengan perkara ini apabila beliau sendiri menamakan subtajuk bagi *shart*, *al-Adawa:t al-Ja:zimat Mudari‘ain* (2003:201).

Apabila Shawqi: Dayf memansuhkan *i‘ra:b* partikel *shart* seperti yang dinyatakan dalam tajuk *Ihma:l I‘ra:b Asma:’ al-Shart*, beliau secara tidak langsung memansuhkan *i‘ra:b* partikel *shart* yang *mu‘rab* dan ada kesan pada sebutan yang betul iaitu أَيْ أَعْمَلْ. Dalam bab *maf‘u:l muflaq*, Shawqi: Dayf telah memberikan contoh ayat yang mengandungi partikel أَيْ iaitu "أَيْ عَمَلْ تَعْمَلْ أَعْمَلْ" (Apa sahaja pekerjaan yang awak lakukan, saya lakukan) beserta *i‘ra:b*, "وَهِيَ فِي الْمِثَالِ الثَّانِي شَرُطِيَّةٌ وَتَعْرِبُ مَفْعُولًا مُطْلَقًا" (dan dalam contoh kedua ia merupakan *shartiyyat* dan *i‘ra:b*nya *maf‘u:l muflaq mansu:b muḍa:f*) (2003:171). Penerangan ini menunjukkan bahawa pemansuhan *i‘ra:b* bagi partikel *shart* sukar untuk dilaksanakan.

Bagi pula, Shawqi: Dayf meletakkannya dalam bab لَا سِيمَا tajuk tersebut, beliau hanya menerangkan bahawa perkataan selepas لَا سِيمَا boleh *marfu:*, *mansu:b*, dan *majru:r*. Oleh sebab itu, tidak perlu kepada لَا سِيمَا لَا. Beliau tidak menyatakan contoh-contoh ayat bagi menunjukkan penggunaan لَا سِيمَا (2003:151). Ini bertentangan dengan objektif beliau menulis buku *Tajdi:d al-Nahw* yang dinyatakan dalam buku *Taysi:r al-Nahw al-Ta‘li:miyy* iaitu agar para pelajar dapat mencontohi gaya bahasa Arab dan menggunakan dengan baik (1993:65).

Dalam bab *al-Istithna:’*, tajuk مَا عَدَا - مَا حَاشَا, Shawqi: Dayf hanya mengekalkan bentuk yang *mansu:b* sahaja. Beliau menerangkan مَا عَدَا - مَا حَاشَا sebagai partikel *al-istithna:’* (pengecualian) dan perkataan selepasnya ialah *mustathna: mansu:b* selari dengan apa yang beliau terangkan dalam asas ketiga. Beliau juga telah menerangkan dalam asas tersebut bahawa partikel غَيْرِ سَوَى dikeluarkan

daripada partikel pengecualian. Namun dari sudut pelaksanaannya beliau tidak menepati asas tersebut apabila beliau mengekalkannya sebagai tajuk ketiga dalam bab *al-Istithna:*'. Beliau menyatakan bahawa kedua-dua partikel tersebut bukan partikel *al-Istithna:*' tetapi dikekalkan dalam bab tersebut kerana mengikut majoriti sarjana nahu (2003:181). Ketidakselarasan antara teori dan pelaksanaan ini boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pelajar. Pada pendapat pengkaji, adalah lebih baik bagi Shawqi: Dayf untuk mengeluarkan kedua-dua partikel daripada bab *al-Istithna:*' dan meletakkan contoh-contoh yang diberi dalam bab-bab yang dinyatakan iaitu *al-Ha:l*, *al-Na't*, pelaku dan objek untuk keselarasan antara penerangan dengan bab yang dinyatakan serta mengelakkan kekeliruan.

Untuk mengelakkan *ta'wi:l* yang merumitkan serta tidak mempunyai dalil, Shawqi: Dayf telah mengambil pendapat sarjana nahu Kufah bahawa لَكِنْ وَ كَانْ merupakan partikel yang diringankan daripada partikel asalnya iaitu لَكِنْ وَ كَانْ. Apabila ia diringankan maka ia tidak lagi berfungsi seperti partikel asalnya iaitu menjadikan kata namanya *mansu:b* dan predikatnya *marfu:*'. Perkara yang sama beliau nyatakan ketika menerangkan tentang partikel tersebut dalam bab إِنْ dan Golongannya menjadikannya selari antara teori dan pelaksanaan (2003:149). Pada pendapat pengkaji, pemansuhan *i'ra:b* ini dengan mengambil pendapat sarjana nahu Kufah yang lebih jelas adalah lebih baik bagi mengelak *ta'wi:l* yang merumitkan serta tidak mempunyai dalil.

Bagi كَمُ الْخَبَرِيَّةِ وَ كَمُ الْاسْتِفْهَامِيَّةِ ia diterangkan dalam bab *al-Tamyi:z*. Sebagaimana yang diterangkan dalam asas ketiga, Shawqi: Dayf tidak menerangkan *i'ra:b* bagi kedua-duanya, hanya sekadar menyatakannya كَمُ الْاسْتِفْهَامِيَّةِ وَ كَمُ الْخَبَرِيَّةِ dan perkataan selepasnya adalah *tamyi:z mansu:b* serta كَمُ الْخَبَرِيَّةِ وَ كَمُ الْاسْتِفْهَامِيَّةِ dan perkataan selepasnya merupakan *tamyi:z* yang disandarkan (*i'da:fat*) kepada كَمُ الْخَبَرِيَّةِ (2003:192). Dengan ini, para pelajar boleh menumpukan kepada penggunaan كَمُ الْخَبَرِيَّةِ وَ كَمُ الْاسْتِفْهَامِيَّةِ dalam ayat tanpa perlu memikirkan tentang *i'ra:b* kedua-duanya yang pelbagai sedangkan ianya tidak memberi kesan pada sebutan yang betul kerana barisnya yang kekal *sukun*.

Pada pendapat pengkaji, perkataan-perkataan yang dimansuhkan *i'ra:b*nya ini merupakan perkataan yang *mabniyy*. Apabila asas ketiga ini diletakkan oleh Shawqi: Dayf, berlaku ketidakseragaman bila mana perkataan-perkataan *mabniyy* selain daripada yang disebutkan dalam asas ini dikekalkan. Beliau telah menerangkan dalam asas dua simplifikasi nahu bahawa perkataan yang *mabniyy* akan diterangkan secara *i'ra:b maḥalliy* sedangkan ia juga tidak memberi kesan pada sebutan yang betul. Pengkaji bersetuju dengan pendapat ‘Ala:’ al-Ḥamza:wiyy agar dikekalkan fungsi atau kedudukan perkataan tersebut dalam ayat kerana terdapat perbezaan antaranya dengan tanda *i'ra:b* bagi satu-satu perkataan (t.t:49-50). Isu *i'ra:b* pada pendapat pengkaji bukan semata-mata isu baris pada akhir perkataan tetapi juga fungsi atau kedudukan perkataan dalam ayat.

4.3.2.4 Memberi Definisi Dan Pencirian Yang Lebih Tepat Serta Terperinci

Dalam asas empat, Shawqi: Dayf memberikan definisi yang pada pandangan beliau lebih tepat dan terperinci bagi tiga bab nahu. Bab-bab yang diberikan definisi semula itu ialah *maf'u:l muṭlaq*, *maf'u:l ma'ah*, dan *ḥa:l*.

Maf'u:l muṭlaq diterangkan oleh Shawqi: Dayf dalam bahagian empat iaitu bahagian *al-Manṣu:ba:t*, bab *al-Maf'u:l al-Muṭlaq* dan bahagian enam dalam bab Penyebutan dan Pengguguran. Bagi *maf'u:l muṭlaq*, Shawqi: Dayf mendefinisikannya sebagai ^{اسم} مَصْوُبٌ يُؤْكَدُ عَامِلَهُ أَوْ يَصْفُهُ أَوْ يَبْيَنُهُ ضَرِبًا مِنَ التَّبَيِّنِ (kata nama *manṣu:b* yang menegaskan agennya (*'a:mil*) atau memperihalkannya atau menjelaskannya dalam bentuk penjelasan). Beliau juga menambah selepas definisi ini bahawa pada asalnya *maf'u:l muṭlaq* merupakan *maṣdar* (2003:170). Definisi ini dapat membezakannya dengan predikat dan *ḥa:l* yang mana predikat bukan kata nama *manṣu:b* dan *ḥa:l* pula tidak bersifat penegasan, perihalan, atau penjelasan. Ia juga mencakupi semua bentuk *maf'u:l muṭlaq* dan *na:ib maf'u:l muṭlaq* dan perkara ini diakui oleh Ḥasan ‘Ukayli: (2008:302).

Jadual di bawah merupakan contoh-contoh yang diberikan oleh Shawqi: Dayf dalam bab ini:

Jadual 4.18: : *Maf'u:l muflaq*

| Bil | Bentuk <i>Maf'u:l Muflaq</i> | Contoh |
|-----|------------------------------|---|
| 1- | Menegaskan perbuatan | ٌتَكَلَّمُ زَيْدٌ كَلَامًا (Zaid telah benar-benar berucap.) |
| 2- | Memperihalkan perbuatan | ٌتَكَلَّمُ زَيْدٌ كَلَامَ الْعُقَلَاءِ. (Zaid telah berucap dengan ucapan orang bijak pandai.) |
| 3- | Menjelaskan bilangan | ٌتَكَلَّمُ زَيْدٌ كَلِمَتَيْنِ. (Zaid telah berucap dengan dua patah perkataan.) (2003:170) |

Jadual 4.19: *Na:ib maf'u:l muflaq*

| Bil | Bentuk <i>Na:ib Maf'u:l Muflaq</i> | Contoh |
|-----|--|--|
| 1- | Perkataan yang sinonim dengan <i>maṣdar</i> | جَلَسَ قُوْدًا. (Dia telah duduk dengan sebenar-benar duduk.) |
| 2- | Sifat bagi <i>maṣdar</i> | وَقَفَ طَوِيلًا. (Dia telah lama berdiri.) |
| 3- | Kata ganti nama yang merujuk kepada <i>maṣdar</i> | عَلِمَ ابْنُهُ تَعْلِيمًا لَمْ يُعِلَّمْهُ أَحَدٌ. (Dia telah mengajar anaknya ajaran yang tidak pernah diajari oleh orang lain.) |
| 4- | Bilangan <i>maṣdar</i> | سَجَدَ أَرْبَعَ سَجَدَاتٍ. (Dia telah sujud sebanyak empat kali.) |
| 5- | Lafaz كُلٌّ dan بعضٌ yang disandarkan kepada <i>maṣdar</i> | أَقْبَلَ كُلُّ الإِقْبَالِ. (Dia telah menyambut dengan sepenuh sambutan.) أَقْبَلَ بَعْضُ الإِقْبَالِ. (Dia telah menyambut dengan sebahagian sambutan.) |

Jadual 4.19, sambungan

| Bil | Bentuk <i>Na:ib Maf'u:l Muḍaq</i> | Contoh |
|-----|---|---|
| 6- | Kata tunjuk yang menjadi <i>mubdal minh</i> bagi <i>maṣdar</i> | تَيَقَّنْتُ هَذَا الْيَقِينَ. (Saya telah yakin dengan keyakinan ini.) |
| 7- | أَيْ partikel shart atau kata tanya yang disandarkan kepada <i>maṣdar</i> | أَيْ عَمَلٌ تَعْمَلُ أَعْمَلٌ. (Apa sahaja pekerjaan yang kamu lakukan saya lakukan.) أَيْ عَمَلٍ عَمِلْتَ ؟ (Pekerjaan apakah yang telah kamu lakukan?) |
| 8- | <i>Ism a:lat</i> bagi <i>masdar</i> | صَرْبَتْهُ سَوْطًا. (Saya telah memukulnya dengan cemeti.) (2003:170-171) |

Jadual 4.20: *Maf'u:l mutlaq* yang digugurkan kata kerjanya

| Bil | Bentuk <i>Maf'u:l Muḍaq</i> | Contoh |
|-----|---|--|
| 1 | Pola perintah dan larangan | عَمَلًا لَا كَسَلًا. (Bekerjalah, jangan malas.) |
| 2 | Pola doa | صِحَّةً لَكَ وَعَافِيَةً. (Semoga kamu sihat walafiat.) |
| 3 | Pola soalan | الْعَيْ؟ (Adakah ini satu permainan?) |
| 4 | Pola berulang | هَذِهِ الْأُمُّ بُكَاءُ بُكَاءً. (Ibu ini menangis dengan sebenar-benar tangisan.) |
| 5 | <i>Maṣdar</i> kedua yang <i>ma'tu:f</i> ke atas ayat tersebut | هَذَا السَّمْعَدُ صَعُودًا وَنُزُولًا. (Lif ini naik dan turun.) |
| 6 | Pola <i>maqṣu:rat</i> | مَا زَيْدٌ إِلَّا عِلْمًا. (Tidaklah Zaid itu kecuali dia mengetahui.) |
| 7 | Selepas partikel إِمَّا | فَإِمَّا مَنَّا بَعْدُ وَإِمَّا فِدَاءً. (Sama ada diganjari selepas itu atau terkorban.) |

Jadual 4.20, sambungan

| Bil | Bentuk <i>Maf'u:l Muḍaq</i> | Contoh |
|-----|---|--|
| 8 | Jika <i>maf'u:l muḍaq masdar</i> yang menegaskan ayat sebelumnya | هَذَا هُوَ الرَّأْيُ حَقًّا. (Inilah dia pendapat yang sebenar-benarnya.) |
| 9 | Jika <i>maf'u:l muḍaq</i> merupakan masdar yang sama dengan <i>masdar</i> sebelumnya yang merupakan predikat dalam ayat tersebut. | لَهُ كَرَمٌ كَرَمٌ حَاتِمٌ. (Pemurahnya dia seperti pemurahnya Hatim.) |
| 10 | <i>Masdar</i> duaan | لَبَيِّكَ (Kami menyahut seruanmu) |
| 11 | Pola yang diwarisi secara <i>sama: 'iyy</i> | هَبَّنَا لَكَ (Bergembiralah kamu.) |
| 12 | Perkataan yang sering digunakan | عَامَةً — خَاصَةً — أَبْتَدَةً — أَيْضًا (umumnya- khasnya- -juga) |

(2003:240-241)

Dalam bab *Maf'u:l Ma 'ah* pula, Shawqi; Dayf memberikan definisi "اسْمٌ مَنْصُوبٌ تَالٍ لِوَاءِ او "غير عاطفة بمعنى مع" (kata nama *mansu:b* selepas kata tugas wau bermakna bersama dan bukan bermakna penghubung) selari dengan apa yang beliau nyatakan dalam asas empat سِرْتُ وَالجَامِعَةَ- اسْتَيْقَظْتُ" (2003:179). Contoh-contoh yang diberi dalam bab tersebut" وَطَلَوْعَ الشَّمْسِ menepati keempat-empat ciri yang dinyatakan dalam definisi yang diberikan iaitu kata nama *mansu:b*, selepas kata tugas wau, bermakna bersama, bukan bermakna penghubung. Pada akhir penerangan tersebut beliau menekankan bahawa terdapat makna *zarfiyyat* sama ada tempat atau masa pada ayat yang mengandungi *maf'u:l ma 'ah*. Pada pendapat pengkaji, sekiranya Shawqi: Dayf memasukkan ciri ini dalam definisi *maf'u:l ma 'ah* maka ia akan menjadi lebih jelas dan mengelakkan kekeliruan.

Bab *al-Ha:l* diterangkan selepas bab *Maf'u:l Ma 'ah*. Shawqi: Dayf telah memberikan definisi *al-ha:l* sebagai "صِفَةٌ لِصَاحِبِهَا نَكِرَةٌ مُؤْكَدَةٌ مَنْصُوبَةٌ" (sifat bagi pemiliknya dalam bentuk tak definit, bersifat sementara dan *mansu:b*) (2003:182). Definisi yang diberikan

dalam bab ini selari dengan apa yang telah beliau terangkan tentang asas keempat simplifikasi nahu beliau dalam mukadimah buku *Tajdi:d al-Naḥw*.

Pada peringkat permulaan bab, contoh-contoh *al-ḥa:l* yang diberikan oleh Shawqi: Dayf menepati definisi yang diberikan. Antara contoh-contoh tersebut ialah جَاءَ عَمْرُو غَاضِبًا (telah datang Amru dalam keadaan marah), هَذَا هُوَ الصَّابِقُ مُخْلِصًا (inilah dia rakan yang ikhlas), لَقِيَنِيْ زَيْدٌ فِي الْطَّرِيقِ مُبْتَهِجًا (Zaid telah berjumpa saya di jalan itu dalam keadaan gembira). Namun, apabila tiba pada tajuk jenis-jenis *al-ḥa:l*, pengkaji mendapati definisi tersebut hanya menepati *al-ḥa:l* jenis *mufrad* sahaja seperti contoh yang dinyatakan di atas. Manakala *al-ḥa:l* bagi jenis ayat namaan seperti جَاءَ زَيْدٌ وَالشَّمْسُ (Zaid telah datang dalam keadaan matahari sedang terbit), jenis kata kerja جَاءَ زَيْدٌ طَالِعًا (Zaid telah dalam keadaan sedang ketawa), dan jenis *shibh al-jumlat* يَضْحَكُ (Zaid telah datang dalam keadaan matahari terbenam) pada zahirnya tidak menepati ciri-ciri yang ditetapkan dalam definisi tersebut (2003:183&184).

Dalam definisi baru *al-ḥa:l*, Shawqi: Dayf telah meletakkan ciri-ciri *al-ḥa:l* sebagai sifat yang lazimnya berbentuk kata terbitan (*mushtaqq*), tak definit, dan bersifat sementara. Namun ketika menerangkan ciri-ciri *al-ḥa:l* ini dalam tajuk kelima, keenam, dan ketujuh bab yang sama, beliau menyatakan bahawa terdapat juga *al-ḥa:l* yang berbentuk definit seperti جَاءَ زَيْدٌ وَحْدَه (Zaid telah datang dalam keadaan bersendirian), ada juga yang bersifat kekal seperti dalam ayat Al-Quran ﴿وَخُلِقَ الْإِنْسَانُ ضَعِيفًا﴾ (dan adalah dijadikan manusia itu dalam keadaan lemah), dan ada juga yang berbentuk ja:mid seperti هَجَمَ زَيْدٌ أَسَدًا جَرِيشًا (Zaid menyerang seperti singa yang berani) (2003:184-186). Oleh itu definisi baru yang dinyatakan oleh Shawqi: Dayf ini tidak merangkumi semua bentuk *al-ḥa:l* yang dinyatakan.

Berdasarkan penelitian pengkaji, terdapat contoh-contoh dalam bab *al-Ḥa:l* yang boleh mengelirukan pelajar. Contoh-contoh tersebut adalah seperti berikut:

- a) Ketika Shawqi: Dayf menerangkan tentang *sa:hib al-ha:l* (aku خَرَجْتُ وَالصَّبَاحُ مُشْرِقًا
- telah keluar ketika pagi bersinar), beliau menyatakan bahawa الصَّبَاحُ ialah *maf'u:l ma'ah* dan merupakan *ha:l* bagi الصَّبَاحُ مُشْرِقًا (2003:182). Ketika menerangkan tentang jenis *ha:l al-jumlat al-ismiyat*, beliau telah memberikan contoh ayat yang berlainan tetapi mempunyai struktur yang sama، جاءَ زَيْدٌ وَالشَّمْسُ طَالِعٌ (Zaid telah datang ketika matahari terbit). Namun penerangan struktur ayat tersebut berbeza dengan contoh sebelumnya apabila beliau menyatakan الشَّمْسُ طَالِعٌ subjek dan طَالِعٌ predikat serta ayat namaan الشَّمْسُ طَالِعٌ merupakan *ha:l* (2003:184).
- b) Penyataan Shawqi: Dayf bahawa perkataan مُوْرَقَةً dalam ayat رَأَيْتُ الْأَشْجَارَ مُوْرَقَةً (saya telah melihat pokok-pokok itu berdaun) *ha:l* bertentangan dengan penyataan beliau dalam bab *al-Maf'u:l Bih* bahawa kata kerja رَأَى merupakan antara kata kerja yang memerlukan kepada dua objek. Dalam bab tersebut, beliau telah memberikan contoh ayat yang mempunyai struktur yang sama dengan contoh ayat dalam bab *al-Ha:l* tersebut رَأَى عَمْرُو السَّمَاءَ مُمْطَرَةً (Amru telah melihat langit itu menurunkan hujan) tetapi menerangkan bahawa مُمْطَرَةً sebagai objek kedua bagi kata kerja رَأَى (2003:166).
- c) Ketika menerangkan bahawa *al-ha:l* biasanya berbentuk tak definit, Shawqi:Dayf memberikan contoh هُوَ أَبُوهُ حَقًا (Sebenar-benarnya dia adalah ayahnya) dan حَقًا merupakan *ha:l* (2003:184). Manakala dalam bab Penyebutan dan Pengguguran berkaitan pengguguran kata kerja dan pelakunya bersama *al-maf'u:l al-muflaq*, beliau memberikan contoh ayat yang mempunyai struktur sama هَذَا هُوَ الرَّأْيُ حَقًا (inilah dia pendapat yang sebenar-benarnya) tetapi menerangkan حَقًا sebagai *maf'u:l muflaq*. (2003:240).

4.3.2.5 Menggugurkan Pelbagai Perincian Dan Tambahan Yang Merumitkan

Dalam mukadimah buku *Tajdi:d al-Naḥw*, Shawqi: Dayf telah menyenaraikan sembilan belas perkara yang digugurkan kerana beliau melihat ia merupakan perincian dan tambahan yang merumitkan. Berdasarkan penelitian yang dibuat, pengkaji membahagikan cara Shawqi: Dayf melaksanakan asas ini dalam buku *Tajdi:d al-Naḥw* kepada tiga iaitu:

- i) Pengguguran secara mutlak

Perincian dan tambahan yang dinyatakan pada mukadimah buku *Tajdi:d al-Naḥw* digugurkan terus daripada dinyatakan dalam bab-bab tersebut. Perkara-perkara yang termasuk dalam bahagian ini ialah :

- 1- Pendapat yang membolehkan *i'ra:b al-tawa:bi* mengikut kedudukannya dalam makna ayat yang melibatkan *tawa:bi* ‘*ism إِنْ*’ *ism لِلْجِنْسِ*, *al-muḍa:f ilayh al-maṣdar*, *al-muḍa:f ilayh ism al-fa:'il*, *al-muḍa:f ilayh ism al-maf'ul*, dan *al-muna:da*:
- 2- Empat bentuk keadaan ayat yang mengandungi kata nama selepas huruf (و) dalam bab *Maf'u:l Ma'ah* :
 - i. wajib *al-'aff* :
اشْرَكَ زَيْدٌ وَعَمْرُو (Telah menyertai Zaid dan 'Amru)
 - ii. *al-'aff* lebih tepat (*ra:jih*):
حَاجَ زَيْدٌ وَعَمْرُو (Telah datang Zaid dan 'Amru)
 - iii. *maf'u:l ma'ah* lebih tepat
قُمْتُ وَمُحَمَّدًا (Saya telah bangun bersama Muhammad)
 - iv. bukan *maf'u:l ma'ah* dan bukan *al-'aff*
شَرَبَتُ مَاءً وَطَعَامًا (Saya telah minum air dan makanan)
- 3- Syarat-syarat *sa:hib al-ha:l*, hukum-hukumnya, dan kefungsianya
- 4- Syarat-syarat yang membolehkan partikel *حتَّى* menjadikan kata kerja kala kini *manṣu:b*

- 5- Kefungsian كَانْ dan لِكِنْ
- 6- Kefungsian لَيْتَ apabila digandingkan dengan مَا الْكَافَةَ
- 7- Syarat kefungsian *ism al-fa*: 'il hanya jika ia membawa makna kala kini atau kala akan datang
- 8- Bentuk ayat bagi *ism al-fa*: 'il dan *ism al-maf'u:l* yang didahului kata tanya atau kata nafi' kekal tunggal walaupun predikatnya duaan atau jamak

ii) Pengguguran yang dinyatakan

Ada antara perincian atau tambahan ini digugurkan oleh Shawqi: Dayf dan beliau menegaskan sekali lagi dalam bab tersebut bahawa ia digugurkan. Perkara tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 4.21: Perkara yang digugurkan dan ditegaskan semula penggugurannya

| Bil | Perkara | Penegasan Shawqi: Dayf |
|-----|---|---|
| 1- | Syarat-syarat untuk menerbitkan <i>ism al-tafđi:l</i> dan <i>fi'l al-ta'ajjub</i> | Dalam bab <i>al-Mushtaqqa:t</i> , tajuk <i>Ism al-Tafđi:l</i> beliau menyatakan وَيَدْكُرُ النَّحَاةُ لَهُ وَلِفَعْلِ التَّعْجُبِ شُرُوطًا " (Para sarjana menyatakan baginya dan <i>fi'l al-ta'ajjub</i> syarat-syarat untuk membentuknya dan tidak perlu untuk menyatakannya di sini kerana contoh-contoh sahaja sudah memadai..) (2003:106). |
| 2- | Kaedah-kaedah membentuk <i>ism al-a:lat</i> | Dalam bab <i>al-Mushtaqqa:t</i> , tajuk <i>Ism al-A:lat</i> , beliau menyatakan وَيَدْكُرُ النَّحَاةُ لَهُ بَعْضَ صِيَغَ خَاصَّةٍ، غَيْرَ أَنْ " مَدَارِهُ عَلَى السَّمَاءِ، وَخَاصَّةً أَنَّ الْجَامِدَ فِيهِ كَثِيرٌ وَلِذَلِكَ يَكْفِي فِيهِ عَرْضٌ طَافِئٌ كَبِيرٌ مِنْ أَمْثَالِهِ وَصِيَغَ.. (para sarjana menyatakan baginya sebahagian bentuk-bentuk yang khas akan tetapi ia sebenarnya adalah sama: 'iy, dan banyak juga yang berbentuk ja:mid, oleh itu cukup dengan memberikan sebahagian besar contoh-contohnya dan polanya..) (2003:107). |

Jadual 4.21, sambungan

| Bil | Perkara | Penegasan Shawqi: Dayf |
|-----|---|--|
| 3- | Syarat-syarat membentuk <i>al-taṣghi:r</i> , kaedah-kaedahnya serta contoh-contoh yang tidak digunakan lagi | Dalam bab <i>al-Taṣghi:r</i> beliau menyatakan "تَكُثُرُ الْقَوَاعِدُ "الَّتِي يَحْشُدُهَا النُّحَاءُ فِي بَابِ التَّصْغِيرِ وَلَا نَحْتَاجُ إِلَيْهَا الْآنَ....وَلَذِلِكَ نَرَى أَنَّ لَا تَقْفَ فِي الْبَابِ عِنْدَ الْقَوَاعِدِ الْمُعَقَّدَةِ..." (Banyak kaedah yang diletakkan oleh para sarjana nahu dalam bab <i>al-Taṣghi:r</i> dan kita tidak memerlukannya lagi sekarang. Oleh itu kita melihat bahawa kaedah-kaedah yang rumit ini tidak akan dinyatakan) (2003:132). |
| 4- | Empat bentuk <i>i'ra:b</i> bagi pola لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ | Dalam bab لا النافية للجنس pula beliau menyatakan "..إِهْمَالُ وُجُوهِ الإِعْرَابِ الْأَرْبَعَةِ الَّتِي يَذْكُرُهَا النُّحَاءُ" (لأنَّهَا لَا تَجْرِي فِي الْأَسْنَةِ" mengabaikan empat bentuk <i>i'ra:b</i> yang lain yang dinyatakan oleh para sarjana nahu kerana ia tidak digunakan lagi) (2003:151). |

iii) Tidak digugurkan sepenuhnya

Terdapat empat perincian atau tambahan yang dinyatakan oleh Shawqi: Dayf dalam mukadimah bukunya *Tajdi:d al-Naḥw* perlu digugurkan tetapi dari sudut pelaksanaannya ia tidak berlaku sepenuhnya. Dalam bab Subjek dan Predikat, beliau masih lagi mengekalkan tajuk Pengguguran Subjek dan Predikat serta Pendepan Predikat. Shawqi: Dayf memberikan contoh predikat yang digugurkan كلُّ شَخْصٍ (setiap orang dan pekerjaannya) dan contoh pendepan predikat أمَامُ الْمَنْزِلِ رَجُلٌ (di hadapan rumah tersebut seorang lelaki). Kemudian beliau menyatakan bahawa penerangan lebih lanjut akan dibuat dalam bab khas iaitu Penyebutan dan Pengguguran serta Pendepan dan Pengakhiran pada bahagian akhir buku tersebut (2003:144).

Shawqi: Dayf juga menyatakan bahawa antara yang digugurkan ialah أنْ yang diringankan daripada أنْ iaitu kata tugas yang merupakan golongan إنْ. Pada pandangan

beliau merupakan partikel penghubung sahaja. Pada peringkat pelaksanaan, beliau menerangkannya dalam bab **إِنْ** dan Golongannya dengan menyatakan "قد تخفف أن فيطر" **"وَحِينَذِي تُصْبِحُ أَدَاءَ رَبْطٍ فَحَسْبٌ"** (boleh jadi **أَنْ** diringankan maka kefungsiannya terbatal...pada ketika itu ia menjadi partikel penghubung sahaja) (2003:149).

Dalam tajuk Partikel *Nasb* Kata Kerja Kala Kini, Shawqi: Dayf menerangkan bahawa tidak perlu menyatakan syarat-syarat untuk menjadikan kata kerja kala kini bagi partikel **إِذْنَ** sebagaimana yang disebut dalam mukadimah buku. Namun selepas pernyataan tersebut, beliau menerangkan juga syarat-syarat tersebut "...كَانَ يَكُونُ الْمُضَارِعُ لِلْمُسْتَقْبِلِ" **"وَمِنْ ثُمَّ يَنْبَغِي أَنْ لَا تُذَكِّرُ شُرُوطُهَا فِي كُتُبِ النَّحْوِ..."** (seperti hendaklah kata kerja kala kini selepasnya itu untuk kala akan datang...oleh itu hendaklah syarat-syarat itu tidak dinyatakan dalam buku-buku nahu) (2003:207).

Perkara tersebut juga yang berlaku dalam isu *maṣdar* yang berfungsi seperti kata kerja. Shawqi: Dayf menyatakan bahawa beliau hanya mengekalkan *maṣdar* yang *mudā:f* kepada pelakunya sahaja manakala *maṣdar* yang tak definit dan yang definit dengan digugurkan. Namun dalam pada bab Kefungsian *al-Maṣdar* dan Kata Terbitan Sebagai Kata Kerja beliau menyatakannya **يَأْتِي الْمَصْدَرُ مُضَافًا وَمُنَكَّرًا مُنَوَّنًا وَمَعْرَفًا بِالْأَلْفِ وَاللَّامِ،** **وَيَقُولُ النَّحَّا إِنَّهُ يَعْمَلُ مُنَوَّنًا قَلِيلًا.....وَلَا يَصِحُّ أَنْ تُوضَعَ الْقَوَاعِدُ..**" (*maṣdar* boleh berbentuk *mudā:f*, tak definit, atau definit dengan **أَل** dan para sarjana nahu menyatakan bahawa sedikit sahaja *maṣdar* yang berbentuk tak definit boleh berfungsi ...dan kaedah-kaedah tidak boleh dibentuk daripadanya) (2003:224).

'Ala:' al-Ḥamza:wi (t.t:52) menyokong Shawqi: Dayf dalam asas lima ini kerana ia memudahkan nahu bagi para pelajar. Pengkaji juga sepandapat dengan beliau apatah lagi apa yang digugurkan oleh Shawqi: Dayf ini melibatkan perkara-perkara yang tidak digunakan lagi atau hanya andaian para sarjana nahu dan tidak terdapat dalam penggunaan orang Arab. Namun pada peringkat pelaksanaan, apabila terdapat perincian dan tambahan yang tidak digugurkan secara mutlak, ia boleh mengelirukan para pelajar.

4.3.2.6 Menambah Perkara-Perkara Yang Penting

Dalam asas enam ini, Shawqi: Dayf telah menyenaraikan dua puluh perkara yang beliau tambah meliputi bahagian satu, dua, tiga, lima dan enam buku *Tajdi:d al-Naḥw*. Ia ditambah melihatkan kepada kepentingannya dalam membantu pelajar untuk lebih memahami pembentukan ayat dalam bahasa Arab. Jadual 4.3.2 ini menunjukkan senarai tambahan yang dicadangkan oleh Shawqi: Dayf dalam mukadimah buku *Tajdi:d al-Naḥw* dan pelaksanaan yang dilakukan oleh beliau dalam buku tersebut:

Jadual 4.22: Senarai tambahan yang dicadangkan

| Bil | Tambahan | Kedudukan Penambahan |
|-----|---|---|
| 1- | Perkataan Arab dan huruf-hurufnya | Bab Sebutan Perkataan |
| 2- | Jadual <i>taṣri:f</i> kata kerja tiga huruf bersama <i>dama:’ir al-raf’ al-muttaṣilat</i> | Bab Jadual <i>Taṣri:f</i> |
| 3- | Jadual <i>taṣri:f</i> kata kerja kala kini dan kata kerja perintah bersama kata tugas <i>nu:n</i> untuk penegasan. | Bab Jadual <i>Taṣri:f</i> |
| 4- | <i>Ta:’ al-ta’ni:th al-lafzīyy</i> dan maknanya yang pelbagai | Sub tajuk bagi tajuk <i>al-Tadhki:r wa al-Ta’ni:th</i> dalam Bab Jenis-Jenis Kata Nama dan <i>Taṣri:f</i> nya |
| 5- | Perbezaan antara huruf <i>nu:n</i> duaan dan jamak <i>mudhakkar sa:lim</i> dengan <i>nu:n al-af'a:l al-khamsat</i> | Sub tajuk bagi tajuk Tunggal, Duaan, Dan Jamak dalam bab Jenis-Jenis Kata Nama dan <i>Taṣri:f</i> nya |
| 6- | <i>Ism al-jam‘</i> dan <i>ism al-jins al-jam‘</i> untuk melihat perbezaan antara kedua-duanya dengan jamak | Sub tajuk bagi tajuk Tunggal, Duaan, Dan Jamak dalam bab Jenis-Jenis Kata Nama dan <i>Taṣri:f</i> nya |
| 7- | <i>Maṣdar ḥina:’iyy</i> kerana penggunaannya meluas terutama dalam isitilah-istilah saintifik | Sub tajuk bagi tajuk kata nama konkret – kata nama abstrak dalam Jenis-Jenis Kata Nama dan <i>Taṣri:f</i> nya |

Jadual 4.22, sambungan

| Bil | Tambahan | Kedudukan Penambahan |
|-----|---|--|
| 8- | Pengguguran huruf <i>ya</i> daripada <i>ism fa:’il</i> yang tak definit yang diterbitkan daripada kata kerja yang <i>maqṣu:r</i> dan <i>manqu:s</i> | Penerangan dalam tajuk <i>Ism Fa:’il</i> bab Kata Terbitan |
| 9- | Jika suatu benda itu banyak di satu-satu tempat, boleh diterbitkan <i>ism al-maka:n</i> daripadanya dalam pola مَسْدَدَةٌ | Penerangan dalam tajuk <i>Ism al-Maka:n</i> bab Kata Terbitan |
| 10- | Penjelasan yang lebih tentang isu <i>nu:n al-wiqa:yat</i> dengan <i>ya:’al-mutakallim</i> dalam kata kerja, kata nama, dan peranti | Penerangan dalam tajuk Kata Ganti Nama dan Bahagian-Bahagiannya Bab <i>al-Mabniyya:t</i> |
| 11- | Pembahagian kata nama kepada <i>muḍa:f-</i> bukan <i>muḍa:f</i> dan <i>ta:bi’ – matbu:’</i> | Bab <i>muḍa:f-</i> bukan <i>muḍa:f</i> dan <i>ta:bi’ – matbu:’</i> |
| 12- | Kata nama jamak tak berakal dikira sebagai kata tunggal yang feminin apabila digandingkan dengan adjektif, predikat, dan kata kerja. | Penerangan dalam Bab <i>Ta:bi’ – Matbu:’</i> dalam tajuk Adjektif dan Pelaku serta Tajuk bagi bab Subjek dan Predikat, |
| 13- | Jamak <i>taksi:r</i> bagi manusia apabila menjadi pelaku, kata kerja bagi pelaku tersebut boleh feminin atau maskulin | Tajuk dalam Bab Pelaku |
| 14- | Bentuk أَحَادٍ – مُوَحَّدٌ وَأَخْرُونٌ | Sub tajuk bagi Bab <i>al-Mamnu:’ Min al-Sarf</i> |
| 15- | Memberikan lebih huraian untuk bab ini | Penerangan dalam Bab <i>al-Masdar</i> dan Kata Terbitan Yang Berfungsi Seperti Kata Kerja |
| 16- | Menambah kata tugas dan membahagikannya kepada kata tugas yang <i>ja:rrat</i> dan bukan <i>ja:rrat</i> | Bab Kata Tugas Tambahan |
| 17- | Menambah bab Penyebutan dan Pengguguran | Bab Penyebutan dan Pengguguran |
| 18- | Menambah bab Pendepanan dan Pengakhiran | Bab Pendepanan dan Pengakhiran |
| 19- | Menerangkan tentang ayat namaan dan ayat kerjaan serta perbezaan antara kedua-duanya | Bab Ayat Asas |
| 20- | Membahagikan ayat kepada ayat bebas dengan ayat terikat | Bab Jenis-Jenis Ayat |

Pengkaji menyokong pendapat ‘Ala:’ al-Ḥamza:wi (t.t:53) yang menyatakan bahawa perkara-perkara yang ditambah ini kebanyakannya telah dimaklumi dalam penggunaan bahasa akan tetapi sarjana nahu tradisional tidak mengasingkannya dalam bab atau fasal khas. Beliau berpendapat bahawa tambahan yang dilakukan oleh Shawqi: Ḥayf sebagai contoh sub tajuk kata nama jamak yang tak berakal dihukumkan sebagai kata tunggal feminin merupakan tambahan yang baik. Kesemua dua puluh perkara ini pada peringkat pelaksanaannya memang di tambah mengikut bab-bab nahu yang dinyatakan.

Pengkaji juga menyokong tambahan yang dilakukan oleh Shawqi: Ḥayf dengan memasukkan jadual *taṣri:f* bagi kata kerja *thula:thiy*. Terdapat lima jadual *taṣri:f* yang diletakkan merangkumi kata kerja *sa:lim*, *muda‘af*, *mitha:l*, *ajwaf*, dan *na:qis*. Setiap jadual yang diberikan meliputi ketiga-tiga jenis kata kerja iaitu kala lampau, kala kini, dan kata kerja perintah. Jadual yang diberikan menggunakan contoh kata kerja berbanding menggunakan pola (فعل) memudahkan pelajar. Dalam jadual tersebut juga, Shawqi: Ḥayf menyusun setiap kata kerja bermula dengan kata ganti nama pertama iaitu *ana* dan berakhir dengan kata ganti nama ketiga *hunna*.

Dalam isu penambahan bab Penyebutan dan Pengguguran serta bab Pendepanan dan Pengakhiran, ‘Ala:’ al-Ḥamza:wi (t.t:52) mengkritik Shawqi: Ḥayf bahawa penambahan ini bertentangan dengan prinsip asal simplifikasi nahu beliau iaitu mengurangkan bab-bab dan cabang-cabang dalam nahu. Sebagai contoh, Shawqi: Ḥayf memansuhkan bab *al-Tana:zu*‘ tetapi membuka bab Penyebutan dan Pengguguran serta menyerapkan contoh-contoh *al-tana:zu*‘ dalamnya. Pengkaji tidak melihat perkara ini sebagai pertembungan prinsip, kerana Shawqi: Ḥayf mengurangkan bab atau cabang sekiranya ia merumitkan, berlainan daripada kaedah umum, tidak digunakan lagi atau melibatkan andaian sarjana tanpa ada dalil penggunaannya dalam kalangan Arab. Pengkaji juga berpendapat pola-pola ayat yang melibatkan penyebutan dan pengguguran serta

pendepan dan pengakhiran merupakan pola peringkat tinggi. Oleh itu pelaksanaan Shawqi Dayf dengan mengumpulkan semua pola ini dalam satu bab dan diletakkan pada bahagian akhir buku bersesuaian dengan pemeringkatan daripada pola asas kepada pola yang lebih tinggi.

Namun begitu, pengkaji tidak bersetuju dengan Shawqi: Dayf apabila beliau menambah dalam bahagian morfologi bab *al- Ida:fat* dan *al-Tawa:bi'* kerana kedua-dua bab ini merupakan bab sintaksis. Begitu juga penambahan bab Kata Tugas Tambahan dalam bahagian lima buku *Tajdi:d al-Naḥw* adalah tidak perlu kerana ia boleh digabungkan dalam bab Jenis-Jenis Kata Tugas, bahagian morfologi. Pengkaji juga bersetuju dengan pendapat Ra:fi‘ al-‘Ubaydi: (2001:t.m.s) yang mencadangkan agar ditambah bab khusus untuk *uslu:b* (gaya bahasa) seperti gaya bahasa penafian, gaya bahasa pertanyaan, gaya bahasa penegasan dan sebagainya yang boleh mengumpulkan kata tugas dan partikel bahasa Arab dalam bentuk yang praktikal. Cadangan ini juga bertepatan dengan tujuan Shawqi: Dayf melakukan simplifikasi nahu Arab iaitu supaya pelajar memahami pola-pola dalam nahu Arab dan mampu mencontohnya.

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pendahuluan

Bab ini akan menjelaskan kesimpulan dan cadangan umum bagi analisis data dan perbincangannya dalam bab yang lepas. Pengkaji akan membuat kesimpulan tentang simplifikasi nahu Arab Shawqi: Dayf berdasarkan dapatan kajian dalam bab yang lepas seterusnya mengemukakan cadangan berkaitan dengan simplifikasi nahu Arab bagi tujuan pengajaran di sekolah.

5.1 Kesimpulan

Simplifikasi nahu Arab yang dilakukan oleh Shawqi: Dayf menepati konsep simplifikasi nahu yang dinyatakan oleh kebanyakan pengkaji moden seperti Muhammad Sa'ri: (2001:8) dan 'Abdullah Ḥamid (2010:157). Ini kerana simplifikasi yang dilakukan oleh Shawqi: Dayf melibatkan pembaharuan dan pembebasan daripada unsur-unsur falsafah dan mantik.

Simplifikasi nahu Arab Shawqi: Dayf ini dilakukan berdasarkan enam asas yang ditetapkan oleh beliau iaitu penyusunan semula bab-bab nahu, memansuhkan *i'ra:b taqdi:riyy* dan *mahalliyy*, *i'ra:b* untuk sebutan yang betul, memberi definisi dan pencirian yang lebih tepat dan terperinci bagi tiga bab nahu iaitu *maf'u:l ma'ah*, *maf'u:l fi:h*, dan *ha:l*, menggugurkan pelbagai perincian dan tambahan yang merumitkan, serta menambah perkara-perkara penting yang membantu pelajar dalam memahami kaedah-kaedah nahu keseluruhannya.

Simplifikasi nahu yang dilakukan oleh Shawqi: Dayf ini banyak melibatkan rombakan. Rombakan ini pula banyak melibatkan pemansuhan dan pengguguran bab-bab nahu, tajuk-tajuknya atau perincian dalamnya. Pemansuhan dan pengguguran ini merujuk kepada pandangan beliau bahawa ilmu nahu sedia ada mempunyai terlampau banyak bab dan cabang serta struktur-struktur yang dibentuk hanya bersandarkan andaian sarjana nahu.

Asas satu simplifikasi nahu berkaitan dengan rombakan pada bab-bab nahu. Shawqi: Dayf berusaha mengecilkan bab-bab nahu dengan cara pemansuhan lapan belas bab nahu, satu daripadanya dimansuhkan secara mutlak dan tujuh belas yang lain dimansuhkan manakala contoh-contohnya diserapkan dalam bab-bab yang dikekalkan. Manakala dalam asas lima pula Shawqi: Dayf memansuhkan sembilan belas perincian seperti syarat-syarat dan kaedah-kaedah yang merumitkan daripada bab atau tajuk nahu. Enam daripada syarat dan kaedah ini digantikan dengan contoh-contoh supaya para pelajar dapat memahaminya berdasarkan contoh-contoh tersebut. Ada juga syarat dan kaedah nahu yang dimansuhkan kerana tidak mempunyai dalil daripada percakapan Arab dan dibina berdasarkan andaian sarjana nahu semata-mata.

Shawqi: Dayf memperkenalkan beberapa konsep baru melalui simplifikasi nahu beliau ini. Dalam simplifikasi nahu ini, didapati bahawa beliau telah menetapkan bahawa ilmu nahu merangkumi ketiga-tiga cabang ilmu iaitu fonologi, morfologi, dan sintaksis. Shawqi: Dayf juga telah menetapkan bahawa cabang ilmu sintaksis adalah berkaitan dengan ayat dan bukan *i'ra:b* semata-mata. Oleh itu beliau telah memindahkan bab *i'da:fa:t* dan *tawa:bi'* yang merupakan frasa ke bahagian morfologi.

Dalam bahagian ilmu sintaksis, Shawqi: Dayf telah memberi konsep baru bagi sistem *i'ra:b*. Beliau hanya mengekalkan *i'ra:b* yang boleh dilihat secara zahir. *I'ra:b* perkataan-perkataan yang tidak memberi kesan pada sebutan yang betul dimansuhkan begitu juga *i'ra:b taqdi:riyy* dan *maħalliy* pada ayat. Bagi tanda *i'ra:b* pula, beliau mengumpulkan semuanya sama ada harakat atau huruf dalam satu golongan. Tidak ada lagi pembahagian tanda *i'ra:b* kepada tanda utama dan tanda *i'ra:b far'iyyat* kerana beliau telah memmansuhkannya.

Shawqi: Dayf dalam usaha simplifikasi nahu beliau ini melihat bahawa nahu Arab bukan isu *i'ra:b* semata-mata. Harapan utama beliau ialah agar para pelajar dapat memahami tatabahasa Arab dan menjelmakannya semula dalam penggunaan bahasa mereka. Oleh itu, dalam asas enam simplifikasi nahu Shawqi: Dayf, beliau telah menggantikan pembahagian ayat yang berdasarkan *i'ra:b* (*jumlat laha maħall min al-i'ra:b* dan *jumlat la mahall laha min al- i'ra:b*) kepada pembahagian ayat yang berdasarkan hubungan antara satu ayat dengan ayat yang lain dalam perenggan. Ayat bahasa Arab berdasarkan pembahagian baru ini terbahagi kepada ayat terikat dan ayat bebas.

Buku *Tajdi:d al-Naħw* yang diterbitkan pada tahun 1982 merupakan buku nahu yang telah disimplifikasikan berdasarkan asas-asas yang telah ditetapkan oleh Shawqi: Dayf. Manakala buku *Taysi:r al-Naħw al-Ta'li:miyy* diterbitkan pada tahun 1986 bagi menyokong dan mengukuhkan buku *Tajdi:d al-Naħw*. Oleh itu penerangan dalam buku *Taysi:r al-Naħw al-Ta'li:miyy* mengulang kembali penerangan dalam buku *Tajdi:d al-Naħw* serta penambahan dalam penerangan agar simplifikasi nahu yang dilakukan oleh Shawqi: Dayf lebih jelas. Namun begitu terdapat empat percanggahan antara buku *Tajdi:d al-Naħw* dengan buku *Taysi:r al-Naħw al-Ta'li:miyy* iaitu tentang

pembahagian buku *Tajdi:d al-Naḥw*, peranti *idhan*, isu *ikhtisa:s*, dan isu pemansuhan *i‘ra:b maḥalliy* pada ayat.

Pengaruh Ibn Maḍa:’ dapat dilihat dalam lima asas simplifikasi nahu Arab Shawqi: Dayf . Teori nahu Ibn Maḍa:’ iaitu menolak teori ‘*a:mil* yang membolehkan *taqdi:r* dan andaian dalam kebanyakan isu-isu nahu, menolak *qiya:s*, dan menolak latihan yang tidak praktikal digunakan pada perincian kebanyakan asas atau sebahagiannya. Namun begitu Shawqi: Dayf tidak menolak secara total teori ‘*a:mil* dan *taqdi:r* serta *qiya:s*. *Taqdi:r* yang mempunyai dalil berdasarkan konteks ayat masih lagi diterima oleh beliau dan hanya *qiya:s* yang menimbulkan percanggahan dengan kaedah nahu yang asal sahaja yang ditolak.

Contoh-contoh yang diberikan Ibn Maḍa:’ dalam teori beliau tidak merangkumi keseluruhan isu dalam nahu Arab. Bagi membentuk satu model nahu simplifikasi yang lengkap, Shawqi: Dayf mengadaptasi pendapat-pendapat sarjana nahu lain yang bersesuaian dengan asas yang telah ditetapkan seperti pendapat sarjana nahu aliran Kufah, Sibawayh, dan Abu ‘Ali al-Fa:risiyy. Ini menunjukkan simplifikasi nahu Arab yang dilakukan oleh Shawqi: Dayf masih lagi berteraskan nahu Arab yang asli. Hasan al-‘Ukayli:(2008:236-237) berpendapat bahawa dalam usaha simplifikasi nahu, para sarjana tidak seharusnya terikat dengan satu aliran nahu sahaja. Beliau menyeru agar diambil mana-mana pendapat nahu yang mudah dan sesuai dengan penerimaan pelajar walaupun pendapat tersebut tidak popular.

Secara umumnya, Shawqi: Dayf mengaplikasikan sebahagian besar asas-asas simplifikasi nahu beliau dalam bukunya *Tajdi:d al-Naḥw* dan dapatan ini selari dengan dapatan ‘Ala:’ al-Hamza:wi: dalam artikel beliau (t.t:69). Namun apabila diteliti secara

terperinci, terdapat percanggahan antara teori dan pelaksanaan dalam beberapa isu nahu dan contoh-contoh yang diberikan. Rombakan yang dibuat juga menyebabkan kehilangan beberapa frasa Arab. Ini menunjukkan usaha simplifikasi nahu yang melibatkan perubahan yang besar bukanlah satu usaha yang mudah. Namun percanggahan ini tidak menafikan usaha dan jasa Shawqi: Dayf dalam simplifikasi nahu bagi menyelesaikan masalah kelemahan berbahasa pelajar.

5.2 Cadangan-cadangan

Berdasarkan kajian ini, pengkaji mengusulkan beberapa cadangan seperti berikut:

a) Memudahkan pembelajaran nahu di sekolah-sekolah di Malaysia

Pembelajaran nahu di sekolah-sekolah di Malaysia perlu dimudahkan. Jika pelajar-pelajar di negara-negara Arab mengeluh dengan pembelajaran nahu yang susah, tentulah pelajar-pelajar di Malaysia lebih lagi mengalami masalah tersebut memandangkan mereka bukanlah penutur jati dan mempelajarinya sebagai bahasa asing. Pada peringkat sekolah beraliran agama, para pelajar mempelajari bahasa Arab sebagai mata pelajaran wajib dan bukan bertujuan untuk menjadi pakar dalam bahasa tersebut. Oleh itu, nahu perlu dipelajari sebagai satu wasilah untuk mendapatkan kemahiran bahasa sahaja dan bukan dipelajari secara mendalam sehingga menimbulkan kerumitan. Usaha-usaha untuk memudahkan nahu perlu dibuat dengan mengambil kira pendapat sarjana-sarjana nahu tentang simplifikasi nahu.

b) Penetapan hala tuju dalam pembelajaran nahu

Pihak yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran nahu daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, para guru, dan para pelajar perlu menetapkan hala tuju dalam

pembelajaran nahu. Seharusnya pembelajaran nahu adalah sebagai panduan dan bimbingan yang membantu pelajar membina ayat yang gramatis bukan menumpukan pada *i'ra:b* semata-mata. *I'ra:b* biarlah mudah dan ringkas serta sekadar membantu pelajar untuk sebutan yang betul.

c) Penyusunan semula bab-bab nahu dalam buku teks sekolah

Bab-bab nahu dalam buku teks sekolah hendaklah disusun semula mengikut pemeringkatan yang boleh membantu para pelajar membentuk ayat-ayat yang gramatis. Susunan bab-bab nahu yang berdasarkan buku-buku nahu tradisional adalah berasaskan teori *'a:mil* yang lebih menekankan kepada sistem *i'ra:b*. Struktur-struktur nahu yang diketengahkan pula perlu berbentuk praktikal yang boleh digunakan dan bukannya berbentuk teori sahaja.

d) Isi kandungan nahu dipersembahkan dalam bentuk jadual dan memperbanyakkan contoh-contoh yang praktikal

Saranan Shawqi: Dayf untuk menambahkan jadual *tasri:f* kata kerja yang mewakili semua pola yang ada perlu diberi perhatian dalam penghasilan buku teks di sekolah. Begitu juga saranan agar mengurangkan kaedah-kaedah nahu yang banyak dan mengantikannya dengan contoh-contoh yang praktikal mewakili kaedah-kaedah atau pola-pola nahu tersebut.

e) Menjalankan kajian yang mendalam tentang konsep nahu *ta'li:miyy* (nahu pedagogi) dan isu simplifikasi nahu arab

Kajian yang lebih mendalam perlu dibuat tentang konsep sebenar nahu *ta'li:miyy* supaya wujud garis panduan yang membezakan antara isi kandungan nahu bagi para

pelajar pada peringkat sekolah dengan para pelajar yang mengambil bahasa Arab sebagai pengkhususan. Model-model simplifikasi nahu yang telah dibuat oleh sarjana nahu moden perlu dikaji secara bersepadu supaya idea-idea yang disepakati bersama dapat dikeluarkan dan dirumuskan untuk membentuk model simplifikasi nahu bersepadu.

RUJUKAN

- ‘A:yid Hanu:n, & Tha:mir ‘Abu:d. (2005). *Bina:’ Haqi:bat Ta’limiyyat Fi: Ma:dat ‘Ilm al-Taşri:f. Majallat al-Qa:disiyyat Li al-‘Ulu:m al-Insa:niyyat*, bil.1&2. diambil daripada www.iasj.net/iasj?func=fulltext&ald=13340.
- ‘Abd al-Ḥami:d al-Sayyid Ṭilb. (t.t). *Ta:ri:kh al-Naḥw Wa Uṣu:luh*. (t.tp): Maktabat al-Shaba:b.
- ‘Abd al-Rahman al-‘Ari:f. (2003). *al-Manhaj al-Waṣfi: Wa Atharuhu Fi: Taysi:r al-Naḥw al-‘Arabiyy. al-Mu’tamar al-Tha:ni: Li al-Lughat* Wa al-A:da:b Wa al-Naqd, (pp. 163-178). Irbid.
- ‘Abduh al-Ra:jihi:. (t.t). *Fiqh al-Lughat Fi: al-Kutub al-‘Arabiyyat*. Beirut: Da:r al-Nahdat al-Arabiyyat.
- ‘Abd al- Maji:d‘I:sa:ni:. (2008). *al-Naḥw al-‘Arabiyy*. Beirut: Da:r Ibn Ḥazm.
- ‘Abdullah Aḥmad al-Kari:m. (2004). *al-Dars al-Naḥwiyy Fi: al-Qarn al-‘Ishri:n*. Kaherah: Maktabat al-A:da:b.
- ‘Abdullah Ḥamد al-Ḥusayn. (2010). *Taysi:r al-Naḥw ‘Inda ‘Abba:s Ḥasan Fi: Kita:bih al-Naḥw al-Wa:fi: Dira:sat* Wa Taqwī:m. Tesis (Ph.D), Fakulti Bahasa Arab, Universiti Umm Al-Qura:, Arab Saudi. diambil daripada libback.uqu.edu.sa/hipres/ABS/ind12566.pdf.
- Aḥmad Jala:yili:. (2005). *al-Sali:qat al-‘Arabiyyat. al-Athar- Majallat al-A:da:b Wa al-Lughat*, 4, 293-305. diambil daripada www.univ-ourgladz/Pagesweb/PressUniversitaire/doc/06 El Athar/T04/T0419.pdf.
- Aḥmad Jami:l Sha:mi:. (1997). *al-Naḥw al-‘Arabiyy Qaḍa:ya:hu Wa Mara:hil Taṭawuruhu*. Beirut: Dar al-Haḍa:rat Wa Mu’assasat ‘Iz al-Di:n.
- Ahmad Kilani Mohamed. (2001). *Teori Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

‘Ala:’ Isma:‘il al-Ḥamza:wi:. (t.t.). *Mawqif Shawqi: Dayf Min al-Dars al-Naḥwiyy*.

(t.tp): diambil daripada faculty.mu.edu.sa/publicuploads/133175/807.3004.

‘Ali Abu al-Maka:rim. (2007). *Ta’li:m al-Naḥw al-‘Arabiyy ‘Arḍ Wa Taḥli:l*. Kaherah: Mu’assasat al-Mukhta:r Li al-Nashr Wa al-Tawzi:‘.

al-Ja:hiz, ‘Amr bin Baḥr. (1969). *al-Hayawa:n*. Kaherah: Sharikat Muṣṭafa: al-Ba:b Wa Aula:dih.

al-Qaftiyy, ‘Ali bin Yu:suf. (1989). *Inba:h Al-Ruwa:t ‘Ala: Anba:h al-Nuḥa:t*. Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabiyy.

al-Ṭahṭa:wi:, Rifa‘at Ra:fī. (2010). *al-A ‘ma:l al-Ka:milat Li Rifa‘at al-Ṭahṭa:wi:*.

Kaherah: Maktabat al-Usrat.

al-Zajja:ji:, ‘Abd al-Raḥman bin Isha:q. (1978). *al-I:da:h Fi: ‘Ilal al-Naḥw*. Beirut: Da:r al-Nafa:’is.

Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Cresswell, J. (2012). *Educational Research*. Boston: Pearson.

Fa:di: Saqr Aḥmad ‘Uṣaydat. (2006). *Juhu:d Nuḥat al- Andalus Fi: Taysi:r al-Naḥw al-‘Arabiyy*. Disertasi M.A , Fakulti Pengajian Tinggi, Universiti al-Naja:h al-Waṭaniyyat, Palestin. diambil daripada scholar.najah.edu/sites/default/files/all-thesis/al_andalus_grammarian_efforts.pdf.

Hasan Khami:s al-Mulkh. (2000). *Nazariyyat al-Ta’li:l Fi:al-Naḥw al-‘Arabiyy Bayna al-Quda:ma:’ Wa al-Muḥdaththi:n*. Amman: Da:r al-Shuru:q Li al-Nashr Wa al-Tawzi:‘.

Hasan Mandi:l al-‘Ukayli:. (2012). *Muḥa:wala:t al-Taysi:r al-Naḥwiyy al-Hadithat Dira:sat Wa Taṣni:f Wa Taṭbi:q*. Beirut: Da:r Al-Kutub al-‘Ilmiyyat.

_____.(2007). *al-Khila:f al-Naḥwiyy Fi: Dau’ Muḥa:wala:t al-Taysi:r al-Hadi:that*. Amman: Da:r al-Diya:’.

- _____.(2001). al-Taysi:r al-Naḥwiyy Bayna al-Muha:fazat̄ Wa al-Tajdi:d . *Majallat Kulliyat̄ al-Tarbiyyat̄ Li al-Bana:t*.
- Ibn al-Anba:ri:, ‘Abd al-Rahma:n bin Muḥammad al-Anba:ri:. (1998). *Nuzhat̄ al-Alibba:’ Fi: Tabaqa:t al-Udaba:’*. Kaherah: Da:r al-Fikr al-‘Arabiyy.
- Ibn Jinni:, ‘Uthma:n bin Jinni: (t.t). *Al-Khaṣa:’iṣ*. (t.tp): al-Maktabat̄ al-‘Ilmiyyat̄.
- Ibn Khaldu:n, Abd al-Rahma:n Muḥammad. (1993). *Muqaddimat̄ Ibn Khaldu:n*. Beirut: Da:r al-Kutub al-‘Ilmiyyat̄.
- Ibn Maḍa:, Ahmad bin Abdul Rahma:n. (1988). *al-Radd ‘Ala: al-Nuḥa:t*. Kaherah: Da:r al-Ma‘a:rif.
- Ibra:hi:m Muştafa:. (1992). *Iḥya:’ al-Naḥw*. Kaherah: Da:r al-Kutub al-Isla:miyy.
- Kha:lid Sulayma:n al-Kindi:. (2007). *al-Ta‘li:l al-Naḥwiyy Fi: al-Dars al-Lughawiyy al-‘Arabiyy al-Qadi:m Wa al-Hadi:th*. Amman: Da:r al-Masi:rat̄.
- Krippendorf, K. (2004). *Content Analysis An Introduction to Its Methodology*. California: Sage Publications, Inc.
- Maḥmu:d Fawzi: al-Mana:wi. (2007). *Shawq:i Dayf Lamha:t Wa Kalima:t*. Kaherah: Markaz al-Ahra:m Li al-Tarjamat̄ Wa al-Nashr.
- Maḥmu:d Fajja:l. (1989). *al-Ishba:h Fi Sharḥ al-Iqtira:h*. Damsyik: Da:r al-Qalam.
- Marek Brieska. (2009). Arabic Grammar Reform- The Abandoned Project. *Jazykovedný Casopsis*, 60(2), 159-168. diambil daripada www.degruyter.com/view/j/jazcas.2009.60.issue-2/v10113-009-0010-2/v10113-009-0010-2.xml.
- Mohd Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan*. Ampang: Dawama Sdn. Bhd.
- Muhammad al-Mukhta:r Walad Abba:h. (1996). *Ta:ri:kh al-Naḥw al-‘Arabiyy Fi: al-Mashriq Wa al-Maghrib*. (t.tp): Manshu:ra:t al-Munazzamat̄ al-Islamiyyat̄ Li al-Tarbiyyat̄ Wa al-‘Ulu:m Wa al-Thaqa:fat- ISESCO.

Muhammad al-Tantawiyy. (1997). *Nash'at al-Nahw Wa Ta:ri:kh Ashhar al-Nuha:t*. Beirut: 'A:lim al-Kutub.

Muhammad al-Tayyib al-Fa:siyy. (2002). *Fa: 'id Nashr al-Inshira:h Min Raud Tayyi al-Inshira:h*. Dubai: Da:r al-Buhu:th Li al-Dira:sat al-Isla:miyyat Wa Ihya:' al-Tura:th.

Muhammad bin Al-Hasan al-Zubaydi:. (t.t). *Tabaqat al-Nahwiyyin Wa al-Lughawiyyin*. Kaherah: Da:r al-Ma'a:rif.

Muhammad 'I:d. (1989). *Qada:ya: Mu'a:sarat Fi: al-Lughawiyyat wa al-Adabiyyat*. Kaherah: 'A:lim al-Kutub.

_____ (1989). *Uṣū:l al-Nahw al-'Arabiyy*. Kaherah: 'A:lam al-Kutub.
Muhammad Şa:ri:. (2001). Taysi:r al-Nahw, Tarf Am Daru:rat? *Majallat al-Dira:sa:t al-Lughawiyyat*, 2(3) 1-28. diambil daripada <http://faculty.ksu.edu.sa/msari/Documents>.

Mustafa: al-Ghalayi:ni:. (1999). *Ja:mi 'al-Duru:s al-'Arabiyyat*. Beirut: Maktabat al-'Asriyyat.

Neuman, W.L. (1997). *Social Research Methods Qualitative and Quantitative Approaches*. USA: Allyn and Bacon.

Othman Lebar. (2012). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Othman Talib. (2011). *Tulis Tesis Cepat*. Kajang: MPWS.

Rabi:h 'Ammar. (2009). Ibn Maḍa:' al-Qurṭubiyy, Thaurat Fi: al-Fiqh..Thaurat Fi: al-Nahw. *Majallat Kulliyat al-A:da:b Wa al-'Ulu:m al-Insa:niyyat Wa al-Ijtima:iyyat*, 5. diambil daripada http://www.univ-biskra.dz/fil1/images/pdf_revue/pdf_revue_05/rebih%20amar.pdf.

- Ra:fi‘ ‘Abdullah al-‘Ubaydi:. (2001). Juhu:d al-Duktu:r Shawqi: Dayf Fi: Tajdi:d al-Nahw al-Ta‘li:miyy Wa Taysi:rihi. *A:da:b al-Ra:fidi:n*, 58. diambil daripada www.iasj.net/iasj?func=fulltext&Id=30324.
- Şa:diq Fawzi: Dabba:s. (2008). Juhu:d ‘Ulama:’ al-‘Arabiyyat Fi: Taysi:r al-Nahw Wa Tajdi:dih. *Majallat al-Qa:disiyyat Fi: al-A:da:b Wa al-‘Ulu:m al-Tarbawiyyat*, 7(1&2), 586-101. diambil daripada <http://www.iasj.net/iasj?func=fulltext&Id=13550>.
- Sami:r Abu ‘Absi:. (1986). The Modernization Of Arabic : Problem And Prospects. *Anthropological Linguistics*, 28(3), 337-348. diambil daripada www.jstor.org/stable/30027961.
- Shawqi: Dayf. (1993). *Tays:ir al-Nahw al-Ta‘li:miyy Qadi:man Wa Hadi:than Ma‘a Nahji Tajdi:dihi*. Kaherah : Dar al- Ma‘a:rif.
- _____. (2003). *Tajdi:d al-Nahw*. Kaherah: Da:r al-Ma‘arif.
- Şa:lih, D. A. (1977). *Ittija:ha:t al-Taysi:r Fi: al-Nahw al-‘Arabiyy Wa Mada: al-Ifa:dat Minha: Fi: Ta‘allum al-Lughat al-‘Arabiyyat Li Ghayri al-Na:fiqi:n Biha:*. Dissertasi M.A. Khartoum: Ma‘had Khartoum.
- Zabyat al-Sulayti:. (2002). *Tadri:s al-Nahw al-‘Arabiyy*. Kaherah, Mesir: al-Da:r al-Miṣriyyat al-Lubna:niyyat.
- Zaynab Madi:ḥ al-Nu‘aymi:. (t.t). Juhu:d al-Tajdi:d Wa al-Taysi:r ‘Inda Shawqi: Dayf Wa ‘Abd al-Rahman Ayyu:b. *Majallat Wasit Li al-Ulum al-Insaniyyat*, 15, 9-31. diambil daripada <http://www.iasj.net/iasj?func=fulltext&Id=56385>.

